



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 25 NOVEMBER 2013 [ ISNIN ]**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
**(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak  
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrudin bin Mohd Sharif (Dengkil)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini binti Darmin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian binti Manan  
**Penolong Setiausaha**

Puan Noor Diana binti Razali  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Ismail bin Habib  
**Bentara**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Encik Ahmad Hafizan bin Yusoff  
**Pelapor Perbhasan**

[ Dewan disambung semula ]

[ Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat ]

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatuallahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas bagi hari yang kelima, 25 November 2013 dimulakan dengan:

#### **I. BACAAN DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

#### **II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PUAN SPEAKER:** Selamat Pagi kepada semua Yang Berhormat, soalan seterusnya Dusun Tua

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih, Puan Speaker soalan saya No.65

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN (DUSUN TUA)**

#### **TAJUK: PUSAT RAWATAN DIALISIS**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan usaha dan tindakan yang telah diambil bagi menjayakan perancangan pusat rawatan dialisis rakyat di seluruh daerah negeri Selangor dan bagaimanakah statusnya setakat hari ini.

**Y.B PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Dusun Tua, Puan Speaker Dusun Tua bertanya tentang Pusat Rawatan Dialisis untuk soalan ini saya jawab bersekali dengan soalan 180 dan 192. Kerajaan negeri berhasrat untuk menubuhkan satu Pusat Dialisis Rakyat (PDR) di setiap DUN. Untuk ini, satu bentuk kerjasama bijak telah dilakukan dengan beberapa entiti termasuk pihak swasta. Namun, bukanlah

sesuatu yang mudah untuk memenuhi hasrat tersebut kerana tidak semua perkara berada di bawah kawalan Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri merancang untuk mengadakan perjumpaan dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama dalam merealisasikan hasrat murni ini. Kerjasama daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia adalah perlu kerana lesen yang sah diperlukan sebelum sesebuah PDR dapat beroperasi. Lesen ini dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum sesebuah PDR dapat beroperasi dan syarat-syarat tersebut adalah:-

1. Infrastruktur dan pelan susun atur bangunan PDR perlu mengikut keperluan standard Kementerian Kesihatan Malaysia;
2. Mesin hemodialisis di PDR perlu mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia;
3. Kakitangan dan *staff nurse* perlu mendapat latihan kejururawatan dan pengalaman di dalam bidang dialisis;
4. Doktor yang bertugas perlu mempunyai pengalaman dan latihan di dalam bidang dialisis; dan
5. Meletakkan seorang pakar buah pinggang *nefrologist* yang akan melawat PDR secara berkala bagi merawat pesakit.

Memandangkan masih banyak DUN belum memiliki PDR dan pesakit buah pinggang ramai yang memerlukan perkhidmatan tersebut, satu cara penyelesaian adalah dengan bantuan kos rawatan untuk mereka mendapatkan khidmat di pusat-pusat hemodialisis seperti Pusat Dialisis Rakyat ini. Ini tentunya memerlukan sejumlah peruntukan. Dalam masa yang sama, kerajaan Negeri juga ini memperlihatkan komitmen dan keseriusan dengan bersama-sama menyumbang dalam bentuk pembelian mesin hemodialisis perlu ditambahkan di Pusat Dialisis tersebut.

Buat masa ini Kerajaan Negeri telah berjaya mewujudkan 4 buah Pusat Dialisis Rakyat dan sebuah lagi sedang menunggu kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia.

1. Ampang dengan jumlah mesin sebanyak 12 dan jumlah penerima atau pesakit sebanyak 36 orang
2. Taman Medan jumlah mesin sebanyak 8 dan jumlah pesakit adalah 15;

3. Sementa jumlah mesin 8 dan jumlah pesakit 27
4. Lembah Keramat jumlah mesin 5 dan jumlah penerima 13

Jumlah mesin yang digunakan adalah sebanyak 33 buah dan terdapat seramai 91 orang pesakit sedang menerima rawatan di seluruh Pusat Dialisis Rakyat yang sedia ada.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Terima kasih Puan Speaker, saya ingin tahu ya Pusat Dialisis yang di Ampang, adakah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih, Lembah Jaya untuk Pusat Dialisis di Lembah Keramat ia bukan dibiayai oleh Kerajaan Negeri

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Maksud saya yang di Ampang, yang disebut tadi di Ampang

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Di Ampang, terima kasih. Pusat Dialisis Rakyat di Ampang adalah bersama dengan sebuah entiti badan NGO, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Seri Muda

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIE:** Terima kasih Puan Speaker, soalan tambahan saya berhubung dengan Pusat Dialisis Rakyat di Jalan Kebun yang sudah pun tiga (3) tahun menunggu kelulusan sudah siap sepenuhnya jadi apakah bentuk sumbangan Kerajaan Negeri bagi menyegerakan di sebut tadi akan berjumpa dengan Kementerian Kesihatan tetapi yang dah siap ini yang nak disegerakan apakah bentuknya yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri, terima kasih.

Terima kasih Seri Muda, Puan Speaker untuk Pusat Dialisis di Jalan Kebun masih belum lagi dapat dilaksanakan kerana masih lagi menunggu keputusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan insya-Allah pada sesi yang akan datang pada penggal ini insya-Allah kita akan melaksanakan kerana tempat telah pun ada telah disediakan hanya menunggu keputusan daripada pihak Kementerian Kesihatan

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan dulu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Speaker, soalan tambahan saya memandangkan pesakit-pesakit dialisis ini memang memerlukan banyak kos rawatan



yang besar sangat membebankan setiap minggu kurang-kurang 4 kali untuk mendapatkan rawatan dan saya mendapatkan jawapan daripada Yang Berhormat EXCO 4 Pusat Dialisis yang dibina oleh Negeri Selangor semua berada di Lembah Kelang dan di kawasan Sabak Bernam dan Kuala Selangor ini juga mempunyai ramai pesakit-pesakit sedemikian saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat adakah Kerajaan bercadang hendak buat 1 di kawasan daerah Sabak Bernam. Sekian, terima kasih.

**Y.B PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih, Sekinchan. Puan Speaker, Kerajaan Negeri sedang dan bercadang akan melaksanakan beberapa lagi Pusat Dialisis Rakyat di seluruh Negeri dan cadangan daripada Sekinchan kita ambil kira dan insya-Allah kita akan laksanakan, terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan, Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Puan Speaker, memandangkan sebagaimana yang di jawab oleh Yang Berhormat EXCO bahawa terdapat kekangan daripada mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia, jadi saya nak tanya berapakah permohonan yang masih menunggu keputusan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia memandangkan Pusat Dialisis Rakyat ini sepatutnya harus ditubuhkan di setiap DUN di Negeri Selangor ini, terima kasih

**Y.B PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Teratai, Puan Speaker, untuk kelulusan daripada Kementerian Kesihatan kita hanya ada satu yang masih menunggu iaitu di Jalan Kebun untuk DUN Seri Muda, dan sebab itulah kita belum lagi memohon permohonan lain sementara yang disebutkan oleh Teratai yang mana setiap DUN perlu diadakan satu Pusat Dialisis Rakyat pihak Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan dan kita yang mana di dalam manifesto juga ada menyebutkan bahawa Pusat Dialisis Rakyat perlu diadakan di setiap DUN jadi kita akan adakan berperingkat-peringkat mengikut keperluan terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan seterusnya. Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Puan Speaker, soalan 66.

**PERTANYAAN –PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: SELANGOR KINI**

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir Rahmannir Rahim*, Puan Speaker saya akan menjawab soalan 66 ini bersama dengan soalan 158 Yang Berhormat Sekinchan, mengenai Selangor Kini iaitu:-

1. Jumlah keanggotaan dan perbelanjaan Communication Coperation Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat MBI di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang mana ditugaskan untuk menerbitkan Selangor Kini. Pada 2008 tiada pekerja, 2009 (61), 2010 (84), 2011(91) sekarang ialah 58 pekerja.
2. Dari perbelanjaannya selain daripada mengeluarkan Selangor Kini dia juga menerbitkan siri Televisyen, TV Selangor, yang mana perbelanjaan pada 2009 (RM840,000), 2010 (RM3.4 juta), 2011(3.7juta), 2012 (RM3.5 juta) sehingga September 2013 RM2.6 juta. Berapakah perbelanjaan untuk Selangor Kini yang kita terbitkan setiap minggu sejumlah 150,000 keluaran satu minggu iaitu pada 2009 kita tidak ada keluaran, 2010 kita membelanjakan hampir RM9 juta, 2011(10 juta), 2012(1RM0 juta), sehingga September 2013 RM9 juta.

**TUAN SPEAKER:** Soalan Tambahan. Seri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan pengedaran Selangor yang mana satu ketika Pusat Khidmat Rakyat seluruh Selangor diamanahkan untuk melaksanakan pengedarannya dan pada ketika itu ada juga diberikan sedikit token kepada setiap satu surat khabar Selangor kini sebanyak 10sen kalau tak salah ingatan saya. Tetapi sehingga ke hari ini perkara tu sudah tak berlaku lagi. Jadi apakah YAB Dato Menteri Besar mengetahui tentang hal ini dan mohon penjelasan lanjut. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih YB Seri Muda. Saya diberitahu bahawa proses pengedaran ini terdapat tidak seragaman dari segi usaha pengedaran. Jadi oleh sebab itu dia diedarkan melalui satu kumpulan yang mana mengedar ke setiap DUN. Setiap DUN diberikan peruntukan dan sebenarnya peruntukan itu kalau tidak diedarkan oleh DUN, diberikan kepada mereka-mereka yang membuat pengedaran tersebut. Kajian kita menunjukkan cara yang dibuat oleh yang ada sekarang tidak ada surat khabar yang tertinggal. Maknanya semuanya sampai ke kawasan-kawasan. Walau bagaimanapun oleh sebab hanya 150 ribu setengah DUN terpaksa mengekshakan untuk satu kawasan untuk minggu ini dan untuk minggu lagi

satu kawasan yang lain. Kalau tidak, dia tidak cukup dihantar kepada semua. Jadi kita boleh mengkaji semula keberkesanan tapi yang penting kita tak nak surat khabar kita tidak sampai ke *target* nya tiap-tiap minggu.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan tambahan saya mengenai dengan penerbitan Selangor kini oleh CCSB ini, di kawasan saya memang, pada dulunya Selangor kini ini tidak begitu laris ya..ada ramai yang menolak tetapi sekarang ni tulah, mendapat sambutan yang cukup hebat. Rakyat suka kerana maklumat daripada kerajaan kepada kawasan luar bandar, kawasan luar bandar. Ini satu pendekatan yang cukup baik daripada kerajaan, saya ucapkan tahniah. Walau bagaimanapun ada lagi di kawasan bandar ini, kawasan bandar saya nampak, sebelum ini saya nampak ada satu surat khabar, nama dia Selangor Time. Dia juga mendapat sambutan di bandar tetapi saya nampak sekarang ini seolah-olah tidak ada surat khabar ini. Adakah kerajaan bercadang untuk memulihkan semula dan memberi bantuan kepada Selangor Time ini supaya mesej daripada kerajaan negeri dapat disampaikan bukan saja di luar bandar, juga di bandar supaya maklumat berkembang dengan meluas dan kejayaan demi kejayaan Selangor, negeri Selangor di bawah pentadbiran YAB dapat diketahui oleh rakyat. Sekian terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, satu perkara yang ingin saya jelaskan iaitu penerbitan surat khabar , dia lesen penerbitan hanyalah mesti mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri, walau bagaimanapun untuk surat khabar yang dimiliki oleh Kerajaan negeri dan dikelolakan oleh Kerajaan Negeri, dia dibebaskan dari pemilikan lesen tersebut. Oleh sebab itulah Selangor Kini merupakan khabar Kerajaan Negeri Selangor. Jadi usaha tersebut kalau dapat permintaan yang banyak kita boleh tambah sebab saya tengok penambahannya hanyalah tak lebih daripada 10 sen ke15 sen satu akhbar, satu keping akhbar tapi kalau pun kita cetak, dia tak sampai, dia akan rugi dari segi kos tersebut. Kedua kita telah cuba membuat akhbar untuk kawasan bandaran, *Urban* dan Selangor time bergabung dengan kerajaan negeri dan menggunakan, ha yang ini saya nak beritahu tu, menggunakan kuasa kerajaan negeri untuk memberikan Selangor Time kebenaran untuk menerbitkan bukan harian, mingguan, surat khabar mingguan untuk keperluan berita rakyat terutama di kawasan bandar. Walau bagaimanapun, Selangor Time ingin menyatakan bahawa penjagaan *content* mereka ingin dibebaskan daripada jagaan kerajaan negeri. Kita setuju tentang perkara tersebut kerana kita juga ingin mengadakan satu keadaan, kebebasan maklumat. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri, kalau dalam keadaan kebebasan, tidak boleh membiayai sepenuhnya penerbitan akhbar tersebut. Kalau tidak banyak akan dipersoalkan terutama dalam dewan ini sendiri. Jadi oleh sebab itu kita telah bersetuju untuk memberikan subsidi dalam bentuk yang munasabah supaya dia

dapat diterbitkan. Saya ingin menyatakan Selangor Time tidak mendapat keuntungan dari usaha yang mereka lakukan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Merujuk kepada bilangan staf, sejak 2009, 61, tahun berikutnya 84, 2011, 91 kemudian turun 67 hingga ke-58. jadi soalan saya kenapa naik mendadak ke-91 kemudian turun. Adakah ini *learning, learning curve, learning* proses dengan izin. Dan kemudian adakah bilangan kakitangan akan turun lebih daripada 58 selepas ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya, boleh jadi tidak tepat jawapan saya. Itu saya pulangkan pada pengurusan CCSB tapi kita telah cuba menentukan warga kerja kita ni cukup untuk usaha yang kita lakukan. Jadi oleh sebab itulah, ada setengah tu, diambil sebagai *trainee*, selepas tu dia keluar ke tempat-tempat lain. Saya dalam mesyuarat MBI yang baru-baru ini, Lembaga Pengarah telah meminta CCSB untuk memberikan maklumat rancangan tiga (3) tahun yang akan datang mengenai latihan dan pengambilan warga kerja CCSB supaya dia menjadi *a complete communication house*. Jadi peruntukan yang dewan telah luluskan, yang saya pernah bentangkan kepada dewan ialah 15 juta. Jadi walau bagaimanapun, CCSB belum menggunakan habis dana tersebut. Jadi saya rasa buat masa ini, kita kena tentukan mereka yang diambil dan latihan yang perlu diberikan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Rawang ingin bertanya sama ada Kerajaan Negeri mempunyai satu strategi ataupun perancangan penerangan selain menggunakan media cetak, memandangkan sekarang ramai juga menggunakan *smart phone*. Adakah Kerajaan Negeri bercadang mengujudkan satu elps supaya kita bukan saya *on printed media* dengan izin tetapi elektronik dan media alternatif yang lain.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Rawang. YB Puan Speaker, ada beberapa cadangan untuk menggunakan *twitter, facebook*, menggunakan banyak lagi *phone* tapi kita sekarang, tengah membuat satu kajian yang menyeluruh untuk me...dalam bahasa *English*, to link the communication system of Selangor. Maknanya kita sekarang, nak menzahirkan satu *fiber of think, linkages*, untuk negeri Selangor yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri tapi masih belum dapat dipersetujui oleh Telekom. Jadi kalau itu berlaku, baru kita boleh dapat menggunakan semua media-media, media-media komunikasi ini dan dapat mengawal pemberitaan-pemberitaan tersebut. Jadi, tapi saya diingatkan oleh rakan bahawa *the* untuk *tab in cloud...cloud* maknanya, awan itu, sekarang dah jadi isu, isu politik Amerika sebab untuk *tab in the cloud*, dia tidak

diterima oleh, oleh dari segi undang-undang kebebasan bersuara, jadi, mula-mula kalau saya dapat *control we can tab the cloud*, tapi daripada pandangan antarabangsa, itu tidak berapa betul.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Puan Speaker. Ingin bertanya kepada YAB Dato Menteri Besar, pandangan Y.A.B. sendiri berkenaan dengan Selangor kini, diedarkan di masjid-masjid semasa Jumaat. Saya percaya kalau ia nya untuk menerangkan kepada rakyat dan masyarakat berkenaan dengan dasar dan polisi Kerajaan Negeri, itu tidak menjadi masalah. Tetapi kalau di dalam masa yang sama, ada juga di dalam surat khabar berkenaan, berkenaan dengan kutukan, fitnah, kepada kerajaan persekutuan dan juga kadang-kadang tidak ada, tidak mengikut fakta yang betul juga. Jadi saya ingin bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar, kalau boleh adakah ia nya sesuai diedarkan di masjid-masjid, masjid-masjid merupakan tempat perpaduan ummah dan jangan kita jadikan ia nya tempat ...

**TUAN SPEAKER:** Dengkil. Terus kepada soalan. 30 saat.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Soalan saya, pandangan YAB Menteri Besar berkenaan dengan hal ini. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, Y.B. Dengkil membangkitkan sama ada kerja-kerja yang dilakukan oleh Selangor Kini akan membawa fitnah kepada sesiapa yang hendak dinyatakan oleh khabar tersebut. Saya tidak meminta, *editorial* Selangor Kini mempunyai sikap etika yang tinggi sebab kita mahu kebenaran daripada segi maklumat. Sebagai orang Islam, kita berani meletakkan di masjid sebab tanggungjawab kita bukan orang yang membaca, ialah tanggungjawab kita orang yang menulis. Orang yang menulis itu jika dia menulis dengan fitnah bererti dia menanggung dosa tersebut. Jadi janganlah takut kerana terdapat balasan kerana kesalahan...(tepukan ramai). Saya tidak takut dalam hal ini. Itu sebab pada saya, saya benarkan, saya tidak pernah dalam ucapan saya ataupun ceramah, boleh jadi suara saya akan serak bila jadi begitu, (ketawa ramai). Ialah saya tidak mengkritik Utusan, atau sebab apa, sebab saya tahu tanggungjawab itu ialah tanggungjawab persendirian sebagai orang Islam. Jadi saya bebaskan, saya benarkan, sebab itu hak untuk menulis dan mempunyai tanggungjawab tertentu. Jadi saya bebaskan. Jadi untuk saudara keluarkan surat khabar UMNO, silakan ..(ketawa ramai).. hantarkan ke anu, tak ada apa. Tidak menjadi, tak ada menjadi halangan. Tapi saya telah meminta, bila kita hantar ke masjid, mestilah dengan penuh tertib. Itu sebab saya telah minta, hantar, jangan pulak diletakkan di tempat yang tak tentu. Ada kalanya saya minta, ada orang memberikan supaya dia dibuat dengan penuh tertib bukan untuk meletakkan saja dan dibiarkan sebab kosnya pun ada dan ini untuk kehendak semua.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong. Soalan terakhir untuk CCSB.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih ya Puan Speaker. Soalan tambahan ni. Apa pendapat Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang pagedaran surat khabar Selangor Kini di masjid ini kerana ia diedarkan sebelum khutbah. Jadi, bila diedarkan sebelum khutbah, terdapat jemaah-jemaah yang membaca dan ini sebenarnya mengganggu kepada tatatertib masjid, adakah Yang Amat Berhormat, itu yang pertama, yang kedua, memang ini dari segi agama ni, dilarang hatta kita menyuruh kawan yang tidur tu pun berjaga. Ini adalah dilarang di dalam masjid. Ini, dari segi agama saya bercakap. Jadi, apa pandangan Yang Amat Berhormat yang kedua, adakah..Yang Berhormat setuju kalau apa ni, Selangor Kini diedarkan lepas solat Jumaat?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Puan Speaker. Itulah sebabnya, saudara diingatkan oleh Bilal sebelum dia khutbah. Bilal itu bercakap mestilah mendengar. Dan itu, itu tanggungjawab. Bukan tanggungjawab orang yang mengedarkan, itu tanggungjawab orang yang..(Ahli dewan ketawa dan mengetuk meja)..jadi, pada saya itu tanggungjawab, itu tanggungjawab..dan saya juga, ada juga *complaint*. Bukan itu saja, MAIS pun ada kalanya, oleh sebab silap langkah kadang-kadang dibawa bersama. Ada juga risalah-risalah termasuk risalah penjualan pun ada. Jadi, pada saya, ada, kita mengingatkan tanggungjawab. Saya rasa, tanggungjawab itu perlu. Dan salah satu daripada usaha yang saya nak ingatkan, itu sebab, saya bukanlah pakar sangat dalam agama Islam tetapi, kalau khutbah itu sangat menarik, mereka tak baca lagi muka surat yang di depan tu, jadi itu, sangat penting kita lakukan. Jadi, saya terima ingatan itu, sebab saya ingatkan orang yang mengedar Selangor Kini itu, bila orang keluar masjid, baru diberikan. Tapi, ada kalanya, Siak itu terlalu seronok, dia edarkan lebih awal lagi. Itu sahajalah. (Ahli dewan ketawa).

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Speaker, soalan saya ialah Soalan 67.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA SUNGAI KLANG**

67. Kerajaan Negeri pada penggal yang lalu telah melancarkan program untuk membangunkan Sungai Kelang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan untuk membangunkan semula Sungai Klang?
- b) Sejauh manakah ia telah dilaksanakan?
- c) Berapakah peruntukan disediakan untuk projek pembangunan Sungai Klang?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Puan Speaker. Projek pembangunan semula Sungai Klang ini saya bantangkan pada 2009 sebagai salah satu daripada usaha untuk menentukan ada projek-projek besar bagi menawan masalah apa yang dipanggil ekonomi Malaysia, dalam keadaan yang menurun. Pada awal 2009, ekonomi Malaysia termasuk Selangor, ada dalam keadaan yang menurun. Jadi, ini lah salah satu usaha pembangunan besar yang boleh dicadangkan. Walau bagaimanapun, projek ini memerlukan konsep *Private Funding Initiative*. Apa dia *Private Funding Initiative*? Ialah inisiatif yang dilakukan oleh sektor swasta bukan dibiayai oleh Kerajaan Negeri sebab saya tahu, Kerajaan Negeri tidak mempunyai dana secukupnya untuk usaha ini. Sebab belanja melakukannya melebihi beberapa ribu juta ringgit. Walau bagaimanapun, usaha kita ini juga disahuti oleh kerajaan persekutuan dalam usaha transformasi ekonomi Malaysia. Antara kawasan yang nak dibangunkan termasuk kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang. Antara projek yang dianggap sebagai pemangkin pembangunan ekonomi di sini ialah projek memperkemas dan memperbaiki Sungai Klang dalam kawasan bandar raya Kuala Lumpur dan sebelum sampai ke.. dan dari Klang Gate iaitu awal punca sungai tersebut. Dan dia membelanjakan sudah lebih daripada RM500 juta untuk projek tersebut. Oleh sebab mereka ingin membetulkan dan memperbaiki kawasan daripada Klang Gate sampai ke Kuala Lumpur dan itu ialah hulu sungai, saya rasa kita kena tunggu dulu perancangan mereka dan bila sesuai, kita buat perancangan daripada Kuala Lumpur sampai ke muara di Klang. Dan buat masa ini, kita telah, EXCO telah bersetuju untuk melantik KDEB sebagai syarikat yang akan memanggil mereka yang berminat untuk menyertai program ini. Begitu ramai orang berminat tapi, saya khuatir minat mereka ini hanyalah untuk mendapatkan projek tetapi mereka mungkin tidak mempunyai kuasa kewangan untuk melaksanakannya. Oleh sebab itulah, kita mengambil masa dan ini akan memberi peluang kita mencari satu cara yang terbaik untuk melaksanakan projek yang sangat besar ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kg. Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, terima kasih Puan Speaker. Kg. Tunku ingin bertanya, difahamkan terdapat betapa, ataupun rizab-rizab tanah yang terletak di sepanjang Sungai Klang ini telah pun dibekukan daripada sebarang bentuk pembangunan dan pindah milik. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, adakah dasar

pembekuan ini juga akan dilaksanakan terhadap tanah-tanah yang terletak di sebelah rizab sungai itu? Kerana saya menerima aduan bahawa tanah, walaupun bukan tanah rizab tapi terletak di sebelah tanah rizab itu, dibekukan juga dan tidak boleh dibangunkan, tidak boleh dipindah milik dan ini menimbulkan sedikit sebanyak perasaan tidak puas hati di antara pemilik tanah ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Kg. Tunku. Puan Speaker, yang sebenarnya, satu perkara yang jelas dipanggil rizab sungai, bukan rizab tanah. Rizab sungai mestilah dia 50 meter daripada tengah sungai ke kiri, dan 50 meter ke kanan, jadi maknanya 100 meter. Itu ialah rizab sungai dan biasanya, sepatutnya, sepatutnya..rizab sungai ini mesti juga rizab tanah Kerajaan Negeri, sepatutnya. Maknanya, bila kita kata rizab sungai dan undang-undang ataupun peraturannya, rizab sungai ini tidak boleh dibangunkan melainkan kelulusan negeri. Jadi maknanya, dia ada rizab sungai. Walau bagaimanapun, beberapa tahun..ini, berapa tahun yang lepas terdapat kerajaan negeri memberikan milik sementara untuk kegunaan tanah-tanah di tebing sungai tersebut. Jadi, apa yang saya lakukan, pertama saya gazet rizab sungai untuk pembangunan, kita mesti gazet rizab sungai. Jadi, Sungai Kelang itu, sudah digazet. Bererti, digazet 100 meter tu, semuanya di bawah gazet sungai. Dan, mesti mendapat kelulusan negeri dari segi pembangunannya. Jadi, dan undang-undang memberikan kita tidak hentikan perlakuan ataupun penggunaan tanah buat masa ini. Tetapi kita telah memberi notis jika kita perlukan tanah-tanah ini, dia akan diambil oleh kerajaan. Jadi, ada pampasan yang perlu buat. Jadi, untuk projek melaksanakan pemeliharaan Sungai Kelang, saya sudah gazet kan tanah-tanah tersebut dan kita tidak galakkan orang untuk membina bangunan-bangunan kerana dia akan menjejaskan program pelaksanaan pemulihan Sungai Kelang ini.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Puan Speaker. Saya sebenarnya tertarik dengan rancangan pembangunan Sungai Kelang ini kerana ia dapat menjana pembangunan ekonomi Selangor dan ia merupakan janji pilihan raya 2012 yang masih belum terlaksana. Dan saya bersetuju juga dengan Yang Amat Berhormat Menteri bahawa sementara di peringkat Kuala Lumpur melaksanakan projek tersebut adalah lebih baik Selangor menunggu sehingga projek itu selesai cuma saya teringat Yang Amat Berhormat Menteri Besar dulu ada menyatakan bahawa kajian-kajian telah dibuat dari segi perancangan untuk memastikan bahawa apabila masa yang sesuai maka perancangan ini sudah tersedia. Jadi, saya nak mendapat tahu lah setakat mana hasil kajian-kajian rundingan ini dan kalau boleh penemuan-penemuan daripada hasil kajian ini tentang cara mana projek ini akan dilaksanakan. Sekian.



**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Sg. Burong. Kita, saya rasa, kita boleh membuat pameran tentang kajian-kajian yang kita telah buat. Jadi, maknanya, kajian-kajian. Dan saya, kita telah menggunakan RM1.5 juta untuk kajian-kajian yang dibuat, dan saya ada mempunyai apa tu, dokumen-dokumen dan semua dalam kajian-kajian tersebut. Jadi, kita hanya menunggu masa yang terbaik dalam usaha pelaksanaan tersebut. Jadi, pelaburan kita untuk itu, masih dalam usaha. Kedua, tahun lepas, ataupun akhir tahun lepas, kita juga telah membuat pameran tentang pembangunan yang dikatakan untuk *cultural centre*, pusat kebudayaan yang menggunakan Sungai Klang sebagai tapak pelaksanaan tersebut. Mengikut cadangan mereka lebih daripada RM2000 juta untuk pelaksanaan tersebut. Saya menahan pelaksanaan sehinggakan program pelaksanaan Sungai Klang ini dapat dimantapkan. Jadi, maknanya, sudah banyak cadangan-cadangan tetapi kita kena betul-betul berhati-hati dari segi pelaksanaan awal tersebut sebab pelaksanaan awal tersebut akan menentukan sama ada projek kita akan berjalan dengan cepat dan betul dan kita mesti tentukan kita mempunyai kekuatan kewangan untuk menyiapkan projek-projek yang kita cadangkan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Puan Speaker. Sebelum saya kemukakan soalan ini Puan Speaker, saya ada nak buat pembetulan sedikit. Dalam catatan ini soalan (b) itu perkara (iii), tanah Danau Putera dicatitkan sebanyak 140,694 ekar yang mana itu sebenarnya tidak ada kesilapan dari segi ini. Yang benarnya ialah 134.34 ekar saya tak tahu, saya mohon maaf kalau itu kesilapan dari segi percetakan saya. Terima kasih. Saya kemukakan soalan ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang membangkitkan tentang penyelesaian hutang Talam. Saya ingat hutang Talam sudah selesai baiklah tapi dewan akan diberitahu tentang perkembangannya sebab sekarang harta MBI dari Talam sahaja daripada penyelesaian hutang Talam bukan 390 juta hartanya dah hampir 700 juta jadi oleh sebab itulah saya akan minta Kerajaan Pegawai MBI untuk dari masa ke semasa membuat laporan sebab sekarang antara dokumen-dokumen yang paling banyak dibincangkan ialah mengenai Talam sehinggakan *white paper* dan kita telah belanja lebih daripada 300,000 untuk membaiki KPNG untuk membuat dokumen tersebut. Jadi saya nak sebarkan dokumen tersebut supaya semua orang tahu tentang perkara itu. Dan harta-harta ini semuanya sudah dalam nama MBI. Bukit Beruntung ialah 1,275 ekar, ia akan dibuat dalam bentuk pembangunan bercampur. *Development plan* sudah disiapkan dan sekarang ada orang yang ingin membeli 1 ekar dengan harga 300,000 seekar jadi kita tidak bercadang untuk menjualnya jadi itu. Walau bagaimanapun saya akan tunjukkan bahawa insya-Allah kalau kita dapat bangunkan Bukit Beruntung kawasan itu tidak lagi tak beruntung jadi kita kena. Taman Bestari Jaya ada 2,263 ekar, itu di bawah nama MBI dan 2

cadangan, 1 cadangan untuk menjadikan kawasan tersebut tempat tangkungan air untuk mengatasi masalah kekurangan air di masa kemarau dan pembangunan dibuat persekitaran pembangunan hartanah dibuat persekitaran dengan takungan air tersebut. Itu ada satu cadangan yang dibuat dan masih dalam perancangan. Tanah Danau Putera, 140 ekar sudah dijual. Lebih daripada 60 juta akan dibayar. Ini maknanya Taman Puncak Jalil 12 ekar sudah dibeli oleh KDEB. Taman Ulu Yam 400 ekar. Taman Ulu Yam yang sebenarnya mungkin tidak akan dibangunkan sebagai hartanah sebab ia nya ialah kelas 3 dan kelas 4. Ada juga cadangan, ini hanya cadangan yang kita tidak terima untuk dijadikan kawasan perkuburan. Itu kita tidak terima walaupun harga yang dibeli sangat tinggi. Jadi kita tidak menerimanya. Jadi pada pandangan saya kita mestilah memantau harga-harta ini dan pendapatan daripada sini mestilah melebihi dari RM390 juta.

**TUAN SPEAKER:** Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 69.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI HASNUL BIN HAJI BAHARUDDIN  
(MORIB)**

**TAJUK : ANGGOTA KESELAMATAN**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah bentuk bantuan kerajaan negeri dalam membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat bila jabatan ini terpaksa menghadapi situasi memadam kebakaran hutan yang kerap terutama di kawasan Kuala Langat Selatan?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Yang Berhormat Morib, Tuan Speaker Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat akan menyelaraskan bantuan dari segi bekalan makanan kepada petugas yang memadamkan kebakaran dalam operasi "Ops Padam" dan ini termasuk Operasi Sepadu yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dengan bantuan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perparitan dan Saliran, Majlis Daerah Kuala Langat, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain). Selain daripada itu Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat menyelaraskan bantuan logistik seperti tandas, khemah,

jentera, bekalan air bersih dan sebagainya dengan agensi-agensi kerajaan dan juga pihak swasta.

Sebagai contohnya bagi “Ops Padam” Kebakaran Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Mukim Tanjung Dua Belas yang ada pembakaran terbuka daripada 14 hingga 23 Julai dan 12 Ogos hingga 3 September 2013 Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM127,404.20 bagi menampung kos perbelanjaan operasi seperti berikut :-

i) Pengangkutan dan Sewaan Excavator	RM55,975.00
ii) Membekal Tandas Sementara	RM 5,000.00
iii) Mengaktifkan 2 Telaga Tiub	RM39,600.00
iv) Sewaan Genarator	RM 4,000.00
v) Minyak Petrol	RM 1,498.00
vi) Bekalan Makanan	RM21,331.20
<b>JUMLAH</b>	<b><u>RM127,404.20</u></b>

**TUAN SPEAKER:** Kinrara

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Tuan Speaker, soalan nombor 70.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(KINRARA)**

**TAJUK : ANGGOTA KESELAMATAN**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rancangan negeri untuk menjadikan Selangor sebuah negeri *barrier-free access* untuk golongan OKU?
- b) Apakah bantuan khas yang sedia ada untuk golongan OKU?
- c) Adakah kerajaan bercadang untuk memberi peruntukan tetap tahunan kepada pertubuhan OKU yang berdaftar?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker bagi menjawab soalan Kinrara tentang apakah rancangan negeri untuk memastikan program ataupun perancangan bebas halangan untuk OKU dilaksanakan. Untuk pengetahuan semua

Kerajaan Negeri telah menyedari tentang keperluan ini sejak daripada 2009 lagi jadi oleh itu Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan telah memohon kerjasama daripada semua PBT untuk menjalankan audit di atas bangunan kerajaan. Jadi pelbagai usaha telah dijalankan termasuk membuat penambahbaikan terhadap bangunan sedia ada bagi memudahkan golongan OKU. Selepas dibuat audit tersebut, satu persatu bangunan-bangunan dimulakan dengan bangunan kerajaan telah pun diberikan pandangan dan kita telah memastikan dan terus memantau supaya pelaksanaan program ini dapat dilaksanakan. Begitu juga dengan sejumlah dana telah pun ditetapkan setiap tahun sebanyak RM 200,000.00 untuk memastikan bahawa bebas halangan ini dapat di laksanakan di kawasan PBT. Selain itu juga, dalam usaha mencapai ke arah negeri yang bebas halangan untuk OKU, Kerajaan Negeri juga telah mensyaratkan kepada setiap pemaju perumahan yang ingin membina rumah terutama rumah-rumah berbilang tingkat untuk menyediakan kemudahan asas yang bersesuaian dan memenuhi spesifikasi keperluan OKU. Dan tahun lepas juga kita telah mulakan bahawa juga setiap rumah-rumah ibadat terutama masjid, kuil-kuil dan juga kemudahan awam seperti Dewan-dewan Masyarakat dan juga kawasan kemudahan awam dipastikan bahawa bebas halangan ini telah pun dijadikan keperluan asas tersebut. Dan apakah bantuan khas yang disediakan untuk golongan OKU?

Bagi menjawab soalan ini, saya mengatakan bahawa bantuan khas ini disebabkan Jabatan Kebajikan atau isu kebajikan ini adalah senarai bersama jadi ia nya tertakluk atau ianya bersama dengan Kerajaan *Federal* dan Kerajaan Negeri banyak juga program telah dilaksanakan termasuk juga pihak Swasta terlibat dalam memastikan ia nya terlibat ianya dapat. Izinkan saya membaca sebahagian daripadanya. Kalau hendak saya baca banyak sangat, saya akan bekalkan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Satu dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kerajaan telah memulakan bantuan kewangan iaitu RM 150 bantuan kepada OKU tidak berupaya dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar sebanyak RM 300 sebulan. Untuk Perkhidmatan Institusi bagi menggalakkan bagi mereka yang mempunyai anak yang kurang upaya kita Kerajaan Selangor juga bekerjasama dengan Pusat Pemulihan dalam Komuniti untuk memastikan tempat mereka kondusif dengan memberi infrastruktur dan juga peralatan yang sesuai untuk keperluan anak-anak OKU di situ. Begitu juga ada beberapa program yang ingin saya *highlight* di bawah Kerajaan Negeri Selangor iaitu kita Kerajaan negeri Selangor telah pun memberi cukai ataupun pemotongan cukai sebanyak 25% cukai pintu kepada mana-mana OKU yang memiliki harta dan juga kemudahan untuk membayar cukai tersebut. Selain itu soalan seterusnya adakah kerajaan bercadang untuk memberi satu peruntukan tetap tahunan kepada pertubuhan OKU yang berdaftar? Ingin saya tegaskan di sini bahawa peruntukan tetap itu tidaklah *consistent* dengan izin tetapi tidak *consistent* secara geran tetapi mana-mana pertubuhan OKU yang datang secara tetap, kebajikan kita akan pergi menyiasat dan melihat apakah sebenarnya keperluan-keperluan yang ada. Kita lebih

menggalakkan persatuan tersebut diberikan bantuan untuk memastikan kemudahan asas OKU dilaksanakan tidak di dalam program bentuk-bentuk hanya program keraian semata-mata tetapi lebih melihat keperluan asas itu dan juga dapat kita memastikan bahawa keahlian dalam pertubuhan OKU itu mendapat kemudahan seperti kerusi roda, sokongan kaki palsu dan sebagainya untuk memastikan mereka boleh berdaya. Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya adalah saya memang banyak penambahbaikan kemudahan OKU sejak 2008 tetapi apa yang kita sering nampak ialah *facility* seperti tempat letak kereta OKU yang disediakan oleh PBT mahupun pusat perniagaan *commercial* di letak oleh kenderaan orang awam. Jadi apakah usaha ataupun tindakan Kerajaan Negeri untuk mengelakkan ini berlaku lagi. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Untuk menjawab soalan Kinrara sebenarnya dalam usaha audit bangunan PBT ianya termasuk melihat tentang keperluan luar dan juga di dalam dan tempat letak kereta tidak terlepas daripada perkara yang diaudit. Selain kita audit tentang wujudnya tentang *parking* tempat letak kereta itu, baru-baru ini ada mesyuarat dengan Bahagian Pengurusan kita juga telah pun meminta kajian bukan kajian meminta supaya sesuatu penguatkuasaan yang lebih tegas yang mesti disampaikan kepada semua bahagian penguat kuasa bagi mereka yang tidak menjalankan atau tidak mengambil endah betapa pentingnya tempat letak OKU ini khas untuk OKU ia nya perlu diberikan satu denda yang sewajarnya supaya rakyat Selangor khususnya maklum bahawa tempat OKU ini atau tempat *parking* ini sesuatu keperluan yang disediakan bukan untuk sengaja-sengaja untuk sekadar lepas batuk di tangga tapi kira bahawa satu untuk *educate* kepada mereka yang upaya ini supaya tidak mengambil kesempatan tempat-tempat yang diberikan kepada Orang Kurang Upaya. Yang keduanya kita mahu Orang Kurang Upaya boleh keluar dan berurusan dengan cara baik sama ada ia nya datang sendiri atau dengan bantuan orang lain tapi dengan adanya kemudahan ini memudahkan mereka berurusan dengan pihak-pihak luar dan tidak sekadar mengharap bantuan orang lain. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KAHIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima Kasih Tuan Speaker, soalan saya, banyak jawapan sebentar tadi pelaksanaannya adalah di bawah penguasaan pusat, soalan saya apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membuka pusat pemulihan

sokongan yang khusus yang di bawah kawalan Negeri Selangor khusus untuk orang OKU ini.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Pusat pemulihan OKU ini sebenarnya Kerajaan Selangor memulakan dengan kita bekerjasama dengan mana-mana pihak yang ingin mewujudkan pusat ini. Kita berbincang dengan pihak PBT dan juga pejabat-pejabat daerah jika ada ruang-ruang yang khusus yang boleh diberikan infrastruktur atau pun kemudahan tempat kepada mereka sebab kebanyakan dulu tempat-tempat atau pun rumah-rumah PDK ini, Pemulihan Dalam Komuniti ini dibuatkan di kawasan perumahan dan kita tengok dua (2) tingkat dan sebagainya, begitu susah untuk kemudahan kepada OKU. Jadi, satu persatu apa ni, proses kita lihat sekarang ini, Kerajaan sendiri tidak bercadang untuk buat secara hak milik Kerajaan Selangor tetapi kita bekerjasama dengan pihak-pihak yang ada keupayaan itu untuk kita memberikan bantuan sama ada dari sudut dana atau pun perbincangan untuk *facility* atau pun kemudahan itu diwujudkan di setiap kawasan PBT dan kalau boleh kita mahu ianya merata sebab sekarang ini kita lihat begitu banyak individu yang terlibat atau pun yang dinamakan OKU iaitu mencecah 35,000 orang yang telah didaftarkan di Selangor. Jadi keperluan itu penting, sebab itu kita merasakan bahawa buat masa ini, sokongan adalah bersama-sama dengan pihak tertentu yang telah pun memulakan untuk memastikan keadaan itu lebih kondusif, lebih ramai dapat manfaat dan akhirnya bantuan kewangan dapat kita berikan melalui mereka. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, soalan nombor 71.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : BANGUNAN WARISAN**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan kawasan/bangunan warisan yang dikenal pasti dan digazet sebagai warisan negeri/negara mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008 – 2013.
- b) Apakah kriteria untuk sesuatu kawasan/bangunan boleh diiktiraf sebagai warisan dan badan manakah yang bertanggungjawab untuk menilai dan meluluskan pengiktirafan ini?

- c) Apakah insentif yang disediakan oleh Jabatan berkenaan untuk memulihara kawasan/bangunan warisan?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, Tuan Speaker. Rawang ingin mengetahui berkaitan dengan bangunan warisan di Negeri Selangor. Untuk makluman, bahawa:-

- a) Senarai bangunan warisan yang dikenal pasti dan digazetkan sebagai warisan negeri atau pun negara mengikut pecahan bagi setiap daerah adalah seperti berikut :-

Senarai tapak warisan yang diwartakan sebagai warisan Kebangsaan :-

- i. Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz/Bangunan Sultan Sulaiman.
- ii. Masjid Diraja Sultan Sulaiman/Jamiur Rahmad iaitu di Klang.
- iii. Kuil Sri Subramaniam Sami Dewa Satnam, Batu Cave, Gombak

Senarai tapak warisan yang diwartakan sebagai warisan Negeri Selangor di Kuala Langat, Klang, Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Gombak. Jumlahnya ialah 16 tapak warisan.

Senarai inventori tapak warisan di Negeri Selangor yang mana jumlahnya adalah 79 yang mana kalau kita campurkan jumlah Tapak Warisan Kebangsaan, warisan dan inventori ini, jumlahnya adalah 98 tapak atau pun kawasan yang mana saya kira senarai ini akan saya serahkan kepada Rawang.

- b) Justifikasi/kriteria bagi bangunan lama atau monumen itu dapat digazetkan adalah berdasarkan kepada:-
- i. Bangunan tersebut mempunyai nilai sejarah dan signifikan yang berkaitan dengan negeri atau negara walaupun bangunan tersebut tidak berumur lebih dari 100 tahun, contohnya bangunan Menara Berkembar Kuala Lumpur.
  - ii. Bangunan tersebut berumur lebih dari 100 tahun.
  - iii. Bangunan tersebut mempunyai nilai seni bina.

Jabatan yang bertanggungjawab bagi meluluskan pengiktirafan bagi peringkat negeri dan kebangsaan adalah di bawah Jabatan Warisan Negara dan

pencalonan sebagai warisan dunia adalah di bawah kuasa dan pengiktirafan UNESCO.

- c) Untuk makluman, tiada penyaluran peruntukan dana bagi tujuan pemuliharaan bangunan-bangunan lama ke PADAT atau pun di bawah Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, insentif yang diperolehi daripada Jabatan Warisan Negara ialah pelaksanaan bagi kerja-kerja konservasi dan restorasi bagi tujuan pengukuhan bangunan-bangunan lama yang ditentukan oleh Jabatan tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, soalan nombor 72.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN SAMPAH OLEH PBT**

72. Penyelenggaraan sampah telah diuruskan sepenuhnya oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah tahap penyelenggaraan sampah di kawasan PBT ketika ini?
- b) Adakah jumlah pekerja mencukupi untuk mengendalikan pembersihan sampah di kawasan tadbiran PBT yang semakin membesar, dan;
- c) Nyatakan kos penyelenggaraan sampah terkini mengikut PBT dari segi bayaran gaji dan peralatan?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan nombor 185, 209, 227, 276 dan 310.

Tuan Speaker,

- a) Tahap penyelenggaraan sampah di seluruh PBT adalah baik berikutan aduan berkenaan sampah sarap tidak dikutip adalah semakin berkurangan kerana adanya pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan. Jika ada aduan ia disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya ialah terdapat orang atau pihak yang



tidak bertanggungjawab membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya dan terjadinya tapak pembuangan sampah haram.

- b) Kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam di kawasan PBT dilakukan oleh pekerja-pekerja kontraktor yang dilantik dan dibahagikan mengikut kawasan-kawasan tertentu. PBT akan memilih kontraktor yang benar-benar memenuhi syarat dan kelayakan untuk menjalankan perkhidmatan kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam supaya masalah tidak timbul pada masa akan datang. Selain itu, PBT juga mempunyai pasukan *backup* sekiranya terdapat aduan atau kecemasan.
- c) Kos keseluruhan penyelenggaraan sampah terkini mengikut PBT dari segi bayaran gaji dan peralatan ialah seperti berikut:-

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>KOS PENGURUSAN SAMPAH TERKINI</b>
1.	MBSA	RM50.50 juta
2.	MBPJ	RM60.21 juta
3.	MPSJ	RM69.00 juta
4.	MPKj	RM20.00 juta
5.	MPS	RM40.00 juta
6.	MPK	RM20.10 juta
7.	MPAJ	RM38.00 juta
8.	MPSp	RM7.90 juta
9.	MDKS	RM3.70 juta
10.	MDKL	RM17.60 juta
11.	MDSB	RM161,000.00
12.	MDHS	RM19.60 juta
<b>JUMLAH</b>		<b>RM343.77 juta</b>

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya menghargai perbelanjaan besar yang digunakan untuk mengurus sampah-sampah di PBT-PBT. Namun, masalah pembuangan sampah haram di tapak-tapak milik Kerajaan masih berlaku dan perkara ini saya nampak tidak dapat ditangani. Keduanya, pengurusan sampah di pangsapuri-pangsapuri juga masih di tahap yang agak mengecewakan kerana bilangan penduduk yang terdapat di pangsapuri tersebut adalah sangat tinggi jadi pengambilan sampah perlulah dilakukan dengan lebih teratur dan lebih *frequency*, dengan izin. Saya mohon dijelaskan perkara ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, yang pertamanya berkenaan dengan pembuangan sampah secara haram. Kerajaan Negeri sedang merangka satu Rang Undang-undang yang lebih komprehensif daripada peringkat kutipan sampah sehinggalah pelupusan sampah. Jadi dalam hal ini, apa yang dirancangkan, yang akan terkandung dalam Rang Undang-undang tersebut adalah termasuk pelesenan, tempat buang sampah dan juga tempat pelupusan sampah. Jadi pihak jawatankuasa akan ditubuhkan di peringkat PBT untuk mengadakan perbincangan dan menggubal Rang Undang-undang tersebut.

Keduanya, berkenaan dengan keadaan permasalahan kutipan sampah di kawasan pangsapuri. Ini disebabkan kesedaran penduduk pangsapuri juga perlu diberi penekanan sekarang ini kerana hanya dengan menambahkan kekerapan kutipan sampah itu, ia tidak mencukupi kerana kalau mengikut kajian yang dibuat di negara-negara yang lebih maju, apabila kita menambahkan kekerapan pengutipan sampah, ia sebenarnya menggalakkan pembuangan sampah yang lebih. Oleh itu, proses ini sedang dikaji untuk supaya kita mungkin akan mengurangkan kekerapan tetapi menggunakan kaedah yang lebih baik lagi. Kita ada menjalankan beberapa kajian di tempat pangsapuri yang menunjukkan bahawa sebenarnya sekiranya diberi pendedahan dan juga diberi pendidikan awam, sebenarnya ia boleh diperbaiki. Kajian ini masih lagi dibuat dengan lebih terperinci supaya ia dapat diperkenalkan di semua pangsapuri yang berkenaan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Dari segi, saya nak tanya Sungai Pinang mengenai pelupusan sampah. Apakah Kerajaan Negeri di masa akan datang mempunyai rancangan untuk membina *incinerator* untuk pelupusan sampah-sampah ini?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, sebenarnya ini adalah soalan berikutnya akan saya jawab. Tapi secara ringkasnya, itu adalah di antara yang dikaji. Kita belum membuat kepastian kerana buat masa ini ada pelbagai, di seluruh dunia ada pelbagai cara untuk melupuskan sampah termasuk menggunakan cara pelupusan yang paling asli, yang paling senang, yang paling murah, yang paling ekonomik adalah dengan menggunakan *landfill*. Itu yang paling senang. Tapi sekiranya kita hendak negara ini lebih maju lagi kerana memandangkan tapak yang ada memang terhad khususnya di negeri seperti Selangor ini, *incinerator* adalah di antara cara yang sedang dikaji kerana ia perlu dilihat daripada pelbagai aspek. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih, terima kasih EXCO. Pertamanya, adakah Kerajaan Negeri ada merancang dan membuat kajian tentang penyelenggaraan kutipan sisa pepejal ini dilakukan *in house*, dalam erti kata diuruskan oleh Majlis sendiri. Adakah ia memberikan impak dari segi kesan kos dan juga modal yang digunakan untuk proses penyelenggaraan sampah? Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, memang ada rancangan Kerajaan untuk meningkatkan peratusan kerja pengutipan sampah ini dalam setiap PBT. Buat masa ini, pihak Kerajaan Negeri menetapkan sasaran 30% dalam tiga (3) tahun iaitu secara berperingkat-peringkat PBT akan meningkatkan kerja pengutipan secara *in house*. Dengan cara itu, kita dapat memastikan bahawa pengutipan yang lebih berkesan dan sekiranya berlakunya kecemasan seperti yang berlaku sebelum ini, maka kita ada pasukan *backup* yang sudah berpengalaman. Kalau kita melihat kepada sejarah, sebenarnya pada awalnya PBT menjalankan pengutipan sampah ini secara *in house* dari dulu. Tapi disebabkan dasar penswastaan yang telah pun dilakukan pada tahun 1980-an hingga 1990-an, kerja-kerja yang telah pun diswastakan menyebabkan PBT kita kehilangan keupayaan untuk menjalankan kerja tersebut. Sekiranya kita hendak melakukannya 100%. Tapi dari segi ekonominya mungkin kita dikehendaki mengimbangkan keadaan kerja yang sebahagiannya dibuat oleh *in house*, sebahagiannya dijalankan oleh pihak swasta kerana ia melibatkan sudah tentulah dari CAPEX nya iaitu perbelanjaan modalnya perlu dikeluarkan oleh pihak PBT. Sementara itu, operasi, OPEXnya iaitu *operation expenditure* juga, dengan izin perlu dilihat dari aspek itu. Jadi ini semuanya masih lagi dalam kajian di mana kita buat masa ini menetapkan 30% sebagai sasaran awalan.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya fikir kita wajar memberikan pengiktirafan dan memuji usaha PBT yang telah berusaha sebaik mungkin untuk mempertingkatkan penyelenggaraan. Namun demikian, saya juga merasa andaian yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bahawa perkhidmatan penyelenggaraan ini semakin baik disebabkan aduan semakin kurang itu saya fikir mungkin kurang tepat kerana apa yang kita dapati aduan semakin kurang ini kerana ada segelintir masyarakat .....

**TUAN SPEAKER:** Soalnya, Sri Muda.?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Saya teruskan, segelintir masyarakat yang sebenarnya merasa jemu kerana aduan mereka kepada PBT dalam laporan *online* yang dibuat, tindakan sudah diambil tetapi *on the ground*, dengan izin di lapangan, keadaan itu tidak berlaku. Khususnya di satu, dua jalan yang saya fikir tak perlu disebutkan di sini tetapi ada aduan sebegitu. Jadi, apakah Kerajaan Negeri

perasan bahawa aduan yang dikemukakan itu semakin berkurangan kerana jemuinya rakyat atau pun masyarakat mengadu, jawapan lain, tindakan lain. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM:** Buat masa ini, Tuan Speaker, ini hanya satu caranya untuk menilai kemampuan ataupun persembahan PBT dalam soal pengutipan sampah ini. Tetapi Pihak PBT dan juga pihak Kerajaan Negeri tidak berpuas hati setakat itu, oleh itu Kerajaan Negeri dalam proses untuk melantik konsultan untuk membuat *survey* setiap enam bulan. Melihat kepada pelbagai perkhidmatan yang diberikan oleh PBT. Setiap enam bulan kita akan mendapat keputusan daripada *survey* itu, melihatkan kepuasan atau tahap kepuasan pembayar cukai terhadap persembahan PBT dan sudah tentu dalam aspek pengutipan sampah ini ia akan menjadi satu subjek yang utama. Yang keduanya, juga pihak Kerajaan juga melihat kepada cara pengurusan penerimaan aduan daripada awam. Buat masa ini, banyak aduan yang dibuat melalui aduan *online*. Apabila masalah itu disampaikan daripada Unit yang menerima aduan kepada Jabatan yang berkenaan, maka catatan yang ada pada Unit aduan itu adalah selesai, kerana dia selesai sampaikan mesej itu kepada Jabatan berkenaan. Tapi kerja memang mungkin tak selesai. Jadi kita akan melihat bagaimana kita dapat menambah baik dalam keadaan itu. Yang ketiganya juga aspek dari segi kesedaran. Kesedaran itu penting kalau dilihat di seluruh PBT ini, ada tempat-tempat tertentu di mana, walaupun kutipan sampah dibuat setiap hari setiap pagi, tapi setiap pagi pun memang sepanjang jalan itu penuh dengan sampah. Itu kita tidak boleh menyalahkan pihak PBT. Saya nak namakan tempat, dalam kawasan saya sendiri Jalan Goh Hock Huat, Jalan Sungai Pinang. Setiap pagi ia memang menjadi tumpuan orang membuang sampah. Jadi tidak ada sebenarnya, tidak ada tong sampah ada di kawasan kampung. Tetapi itu merupakan tabiat, menjadi cara hidup. Jadi kalau itulah tahap kesedaran kita, memang sukar kita nak lakukan. Tetapi pihak PBT, usaha MPK juga dalam usaha kita nak cari jalan bagaimana kita nak menyelesaikan masalah ini. Kita tak tinggalkan masalah itu sebagai kesedaran sahaja. Tetapi kita akan melakukan sesuatu untuk mempertingkatkan lagi kesedaran orang ramai dan soal pelupusan sampah ini.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan, Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok. Ijok dahulu.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih, Tuan Speaker. Memandangkan kos pengurusan sampah terlalu tinggi RM343 *million*. Kita bincang tentang masalah, saya nak tujukan soalan kepada Kerajaan, adakah Kerajaan Negeri merancang untuk dengan izin *recycle* sampah-sampah ini untuk mendapat balik perbelanjaan pengurusan sampah. Sekian.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM:** Tuan Speaker, memang seperti yang saya sebutkan tadi ada pelbagai cara yang telah pun dilakukan, tapi tidak ada satu cara yang terbaik *recycle recycling* ini adalah salah satunya, tapi dengan menggunakan cara *recycling* itu hanya kira-kira 30% sahaja sampah itu boleh digunakan semula. Jadi, walau bagaimanapun itu satu caranya yang boleh diterapkan bersama. Kalaupun kita nak meneruskan pelupusan secara *landfill* ataupun kalau kita nak pergi kepada *incinerator* sekali pun. Itu adalah salah satu cara yang boleh membantu. Buat masa ini Kerajaan Negeri sedang mengkaji dengan menggunakan bin sampah berpusat. Iaitu umpamanya kita letakkan bin. Tiga jenis bin di setiap jalan di setiap kawasan komersial. Kita letakkan tiga bin besar, kita tidak memerlukan bin sampah ini di setiap kedai dan juga mungkin di kawasan perumahan yang lebih maju di mana kita hanya meletakkan bin besar di hujung atau pangkal jalan dan orang ramai dikehendaki datang ke bin buang sendiri ke dalam tong sampah tersebut mengikut kategorinya, sampah basah, sampah yang boleh di *recycle* dan sampah yang tidak boleh di *recycle*. Dengan cara itu kita akan dapat mengurangkan kos pengutipan sampah dan itu adalah satu caranya dan dari situ yang *recycle* boleh dijual, yang tak boleh di *recycle* boleh dilupuskan dengan cara yang kita akan tetapkan kemudian, sama ada *land field* ataupun *incinerator* atau sebagainya. Sementara yang basah, jenis makanan boleh buat kompos dan sebagainya. Jadi ini semua dikaji secara holistik. Kita tidak mahu lagi mengambil cara dulu di mana kita hanya lihat kepada aduan dan bertindak bergantung kepada aduan.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Ijok. Penjelasannya.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Penjelasan. Negara maju telah mengurus sampah cara mereka menggunakan sampah mengeluarkan macam gas. Adakah rancangan Selangor untuk mengeluarkan gas dan dapat hasil dari sampah-sampah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM:** Itu salah satu cara. Sebenarnya kalau kita menggunakan cara *landfill* pun kita boleh mengeluarkan gas. Tapi itu memerlukan masa ataupun kita menggunakan kompos. Kita menggunakan cara itu mendapatkan gas itu dan kita panggil itu *waste to energy*. Itu salah satu caranya. Kemudiannya, kalau kita menggunakan *incinerator* sekarang pun dah tidak dipanggil *incinerator* lagi. *Incinerator* adalah satu istilah yang agak ketinggalan zaman. Sebenarnya *incinerator* sekarang ini 25% daripada loji tersebut adalah *incinerator*. Selainnya adalah untuk menjana elektrik. *Incinerator* 10 tahun yang dulu adalah *incinerator* hanya untuk membakar. Itu sahaja. Jadi kalau kita nak sebut *incinerator* pun dah lain keadaannya

dah. Jadi pengetahuan kita tidak boleh tinggal di zaman 10 tahun dahulu. Jadi kalau kita terlalu sensitif dengan *incinerator*, maka kita akan ketinggalan zaman dalam soal ini. Tetapi di Negara maju sekalipun ada lagi menggunakan *land field*. Ada yang menggunakan kompos, ada menggunakan *incinerator* membakar tapi dah menjurus ke arah *waste to energy*. Membakarnya, kemudian menaja elektrik. Itu sedang dilihat, dikaji oleh satu jawatankuasa, *task force* yang dianggotai oleh saya sendiri bersama dengan Y.B. Sijangkang dan Y.B. Bukit Lanjan. Bersama-sama dengan pegawai kita yang menguruskan soal sampah ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Soalan tambahan terakhir untuk soalan ini. Ya, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih, Tuan Speaker. Rawang ingin bertanya sebab saya nampak salah satu puncanya adalah pembuangan sampah haram oleh lori-lori. Jadi apakah tindakan drastik yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor, adakah seperti ini seperti kes kecurian pasir, kita sita lepas itu bawa kes ke Mahkamah dan seterusnya supaya mereka tidak lagi melakukan perkara yang sama.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM:** Tuan Speaker. Ini soalan juga berkenaan dengan kekangan kuasa yang ada di peringkat Negeri. Buat masa ini kalau mengikut Rang Undang-undang Kecil memang kuasanya kecil dan apa yang boleh dilakukan pun kecil. Jadi tidak berkesan, oleh itu sebab itulah kita sedang rancang kan untuk menggubal kan satu Undang-undang di peringkat Negeri. Kalau tidak kita hanya bergantung, hanya boleh bergantung kepada Jabatan Alam Sekitar sekiranya pembuangan sampah itu mendatangkan pencemaran kepada sungai ataupun kepada keadaan alam sekitar. Tapi itu setakat sekiranya terbukti ada unsur-unsur pencemaran. Tapi apabila dalam pembuangan secara haram yang biasa, bila tidak ada bukti pencemaran mungkin akan menjadi masalah. Sebab itu kita mengkaji dari segi pelesenan dahulu siapa kontraktor, mana-mana kontraktor yang ingin menjalankan aktiviti pelupusan sampah ini perlukan lesen khusus daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Itu sebagai permulaan dan kita juga sudah pasti akan mengenakan hukuman yang berat ya. Termasuk juga Rang Undang-undang sedang sebenarnya yang sudah siap dan masih dalam proses memperincikan peruntukkan serta hukuman-hukuman yang telah pun dicadangkan dalam Rang Undang-undang yang sudah disiapkan tapi kita selain daripada itu buat satu Rang Undang-undang yang khusus kepada pelupusan sampah ini. Kita mengharapkan dalam tempoh mungkin tahun hadapan dapat pihak Kerajaan mengemukakan untuk mendapatkan kelulusan Dewan Yang Mulia ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Speaker, Soalan No.73.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK :     RUMAH MAMPU MILIK**

73.    Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a)    Berapakah rumah mampu milik yang telah dibina dan sedang dibina melalui program Rumah Mampu Milik Kerajaan Negeri Selangor setakat ini dari mula ianya dilaksanakan?
- b)    Sila nyatakan kedudukan Rumah Mampu Milik yang telah siap dibina dan nyatakan jumlahnya di setiap kawasan?
- c)    Berapakah anggaran peratusan tawaran rumah mampu milik ini setahun dibandingkan dengan pasaran rumah mampu milik di seluruh Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:**   *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Gombak Setia. *Bismillahir rahmanir rahim.* Untuk makluman Gombak Setia, projek perumahan mampu milik yang telah siap dibina adalah sebanyak 1,682 unit iaitu yang pertama adalah di Bukit Botak, Selayang sebanyak 1,422 unit. Yang kedua adalah di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi iaitu sebanyak 124 unit. Kedua-duanya ini adalah oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ataupun PKNS. Yang ketiga, adalah sebanyak 136 unit yang terletak di Bandar Sungai Long, Kajang oleh sebuah pemaju swasta. Untuk soalan yang selanjutnya, pihak Kerajaan Negeri telah mensasarkan pembinaan lebih 35,000 sekurang-kurangnya 35,000 unit rumah mampu milik tetapi setakat ini mengikut unjuran tahunan yang boleh kita adakan suatu perancangan adalah oleh yang dibina oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor atau PKNS, di mana telah saya umumkan sebelum ini bahawa pada tahun 2014 sebanyak 1,028 unit yang akan siap dibina di antara 2015 dan 2020 sebanyak 16,065 unit yang akan dibina. Walau bagaimana, perlu diingat bahawa daripada 35,000 unit ini sebahagian daripada perumahan mampu milik tersebut akan dibina oleh pemaju swasta. Sekarang ini terdapat beberapa pemaju swasta yang telah mengadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri untuk pembangunan mereka yang besar. Contohnya adalah pembangunan Kawasan Damansara ataupun Kwasa Land. Di mana, di situ pihak pemaju telah diwajibkan membina rumah mampu milik dan sekarang ini kita masih berbincang bersama dengan mereka tentang peratusan yang perlu dibina oleh mereka. Di Kawasan Damansara sahaja dianggarkan lebih kurang 15,000 rumah mampu milik yang akan dibina. Selain daripada itu, terdapat juga pemaju-pemaju lain yang sedang mengadakan rundingan

tentang rumah mampu milik yang akan dibina. Di antaranya, ialah Sime Darby dan juga pihak Gamuda Land. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Bilakah? Bagaimanakah pihak Awam dapat mengetahui unit-unit rumah mampu milik ini ada untuk dimiliki dan bagaimanakah mereka yang telah pun mengemukakan permohonan mengetahui sama ada permohonan itu diterima ataupun ditolak.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih. Tentang program-program ataupun projek-projek baru, ianya akan diumumkan oleh pemaju-pemaju yang terlibat. Hanya pemilihan siapa yang dapat membeli rumah mampu milik akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Seperti mana yang dilakukan untuk rumah kos rendah. Sebab kita kawal siapa yang dapat beli rumah mampu milik. Kita kawal dari segi mereka tidak ada rumah lagi dan juga kecuali rumah kos rendah yang ingin *upgrade* dengan izin, atau pun kita kawal dari segi gaji mereka pun kita kawal. Jadi bermakna bahawa menjawab soalan tersebut ianya adalah melalui iklan-iklan ataupun promosi yang dilakukan oleh pemaju, tetapi mereka perlu mengisi borang yang dikeluarkan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan ianya sekarang ini, dulu kita jual di Lembaga Perumahan tetapi sekarang ini kesemuanya kita masukkan ke dalam *website* dan mereka boleh *download* di dalam laman web Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan nama-nama mereka yang berjaya untuk membeli rumah mampu milik akan kita pameran dalam *website* selain daripada Kerajaan Negeri sendiri yang menghubungi mereka bahawa mereka akan, mereka telah layak untuk memberi rumah mampu milik, telah dipilih tetapi juga kita akan mengumumkan atau mempamerkan nama-nama mereka di dalam *website*. Ini adalah satu cara kita di mana kitanya lebih telus, kita tak mahu seperti dulu di mana rumah-rumah ini dibeli oleh kelompok-kelompok orang yang tidak layak ataupun orang-orang yang tertentu sahaja. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KEONG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih, Tuan Speaker, Soalan saya yang ke-74.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PEMBINAAN LEBUH RAYA BARU**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah peranan yang dimainkan dan kelulusan yang diperlukan daripada Kerajaan Negeri Selangor dan PBT dalam pembinaan sebarang projek pembinaan lebuhraya?
- b) Apakah status terkini pembinaan Lebuhraya Kinrara - Damansara (KIDEX) dan Lebuhraya Sungai Besi - Hulu Kelang (SUKE)?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, Kampung Tunku bertanya berkaitan dengan pembinaan lebuhraya baru. Kerajaan Negeri mempunyai kuasa bagi memberikan kelulusan dalam sebarang pembinaan lebuhraya baru di Negeri Selangor. Ini adalah kerana sebarang cadangan jajaran pembinaan lebuhraya akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi mendapatkan maklum balas daripada semua agensi/ jabatan teknikal yang berkaitan. Kerajaan Negeri juga telah menetapkan agar PBT yang terlibat di dalam pembangunan sesebuah lebuhraya baru agar dapat mengadakan sesi pendengaran awam bagi memuktamadkan jajaran yang dikemukakan.

Keputusan mesyuarat tersebut akan dibentangkan kepada pengetahuan Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) sebelum diputuskan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) untuk kelulusan. Kerajaan Negeri juga menetapkan agar konsesi berkaitan memaklumkan kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri terlebih dahulu mengenai cadangan tersebut bagi memudahkan wakil rakyat menjawab sebarang pertanyaan atau bantahan dari rakyat sekiranya ada.

Status projek pembinaan Lebuhraya Kinrara - Damansara (KIDEX) kini masih di dalam proses terakhir penyediaan draf perjanjian konsesi (*concession agreement – CA*) di antara pihak Kerajaan Persekutuan (Kementerian Kerja Raya) bersama pihak konsesi lebuhraya yang terlibat.

Manakala konsesi Projek Lebuhraya Sungai Besi – Hulu Kelang (SUKE), PROLINTAS Sdn. Bhd. telah memersetujui dengan menandatangani CA di antara Kerajaan Persekutuan pada bulan September 2013. Menurut kepada CA ini konsesi diberi tempoh masa selama 12 bulan bagi memenuhi syarat yang ditetapkan seperti mengemukakan *Financial Closer* dan *Public Opinion Survey* sebelum CA konsesi tersebut dimuktamadkan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO memandangkan projek-projek ini sebenarnya memberi kesan yang sangat besar terhadap kerajaan seluruh negeri Selangor, adakah mungkin supaya kerajaan negeri memainkan peranan yang lebih proaktif sebelum sebarang perjanjian konsesi ditandatangani kerana setelah, kalau setelah perjanjian ini ditandatangani, maka peluang untuk kita mengubah, untuk bergerak adalah terhad dan sebelum perjanjian ini ditandatangani saya peluangnya amat banyak sekali. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya kira sudah tentulah pihak Kerajaan Negeri memainkan peranan yang cukup penting sepertimana yang disebutkan tadi sebelum perjanjian itu sendiri ditandatangani dan saya kira perkara-perkara ini telah diambil perhatian terutamanya di dalam pembentangan-pembentangan yang dibentangkan di dalam MTES sendiri sebelum kerajaan negeri memutuskan di dalam mesyuarat kerajaan negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Speaker. Untuk Lebuh Raya KIDAX, memandangkan notis pengambilan alih tanah, kemungkinan ambil alih tanah di bawah Seksyen 4 telah dikeluarkan untuk tiga ratus lebih lot tanah di Petaling Jaya dan Kinrara, apakah kelulusan yang sudah diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk projek lebuh raya ini dan apa lagi kelulusan yang belum diberi tetapi diperlukan.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, buat masa ini saya tidak ada jawapan yang tepat tetapi akan saya dapatkan jawapan tersebut berkaitan dengan tanah yang telah diambil alih dan juga keperluan-keperluan untuk pengambilan yang masih mungkin diperlukan di dalam jajaran tanah tersebut dan saya akan serahkan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi, dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

### **III. RANG UNDANG-UNDANG**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2014, 2013 semua peringkat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir-Rahmanir-Rahim.* Puan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa Pembekalan di bawah Peraturan Tetap 66(iii) untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasa demi fasa.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Ringgit Malaysia Seratus Juta, Empat Ratus Tiga Belas Ribu, Empat Ratus Lima Puluh Lapan (RM 100,413,458.00)

**TUAN SPEAKER:** Ingin saya merujuk kepada perintah Tuan Speaker, setiap ahli saya benarkan 10 minit untuk B01. Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 56 Vot B01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Butiran 564001 Pusat Latihan Fasa Baru dan saya ingin merujuk kepada keseluruhan butiran ini di mana Kerajaan Negeri bercadang untuk tahun 2014 untuk menubuhkan sebuah pusat latihan yang baru. Dan saya telah meneliti buku belanjawan ini saya mendapati bahawa peruntukan untuk tahun 2013 adalah tidak ada maknanya ini adalah satu dasar baru, satu pusat latihan yang baru akan dibina di negeri Selangor ini. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri Besar sendiri, tentang apakah fungsi dan peranannya yang akan dimainkan oleh pusat latihan ini. Dan saya sebenarnya, ini sekiranya ianya dilakukan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan awam khususnya perkhidmatan di Pejabat Tanah dan Daerah masing-masing, saya rasa ini adalah sesuatu yang perlu disokong dan inilah apa yang ingin saya bangkitkan di sini dan saya minta penjelasan sedikit daripada pihak kerajaan negeri Selangor, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Saya minta pihak kerajaan memberi ulasan sekiranya ada.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, muka surat 66

**TUAN SPEAKER:** 56 Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, 56. Muka surat 56

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Penjelasan mengenai 56 diterangkan dalam muka surat 66 di mana ada 3 (tiga) pusat latihan yang dicadangkan iaitu Pusat Latihan Penguatkuasa (PULAPES), Pusat Latihan PBT (PLUS) dan Pusat Latihan Belia di Bukit Lagong. Pusat latihan PULAPES ini sudah ada di Jugra dan dia dalam kegunaan Pusat Latihan PBT adalah di Morib dan Pusat Latihan Belia Bukit Lagong ialah dalam proses sahaja. Kita belum lagi ada cadangan dan program pelaksanaannya. Dan kita ambil maklum bahawa kita ingin menggunakan semua pusat latihan ini untuk menaik,

menjalankan satu program *skill building* dan *Organisational Competency* bagi penjawat-penjawat awam.

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Speaker, Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas muka surat 51 Butiran 505000 Perkara 29000, eh maafkan saya 29000 meliputi perkara ke2 iaitu Perayaan-perayaan berjumlah RM1.4 juta. Saya memohon pihak kerajaan menjelaskan, apakah jenis-jenis perayaan yang disambut secara rasmi di negeri Selangor yang menggunakan peruntukan-peruntukan ini dan berapakah peruntukan yang ditetapkan untuk sambutan perayaan-perayaan ini sebab bagi saya ia memberikan kesan yang agak baik kepada kerajaan namun kita juga berhati-hati supaya ia tidak menjadi satu program yang membazir. Dan apakah sasaran kerajaan bagi setiap sambutan perayaan contohnya Hari Raya, Deepavali dan sebagainya dan saya juga berharap agar ia konsisten dan kita memasukkan kepada program-program yang mendatangkan faedah dan hubungan kemasyarakatan yang baik pada tahun ini. Satu lagi saya nak tanyakan di pihak di peringkat ini mengapa ataupun apakah skil ataupun saiz program yang telah disasarkan bagi setiap program-program perayaan ini dan mengapa ada ditanyakan khususnya di kawasan Batu Caves menanyakan kepada saya kenapa pada tahun ini seolah-olah tidak ada sambutan program Deepavali di peringkat negeri sebagaimana yang dianjurkan pada tahun-tahun sebelum ini, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan saya jemput untuk menggulung.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, terima kasih Batu Caves. Perayaan-perayaan ini termasuk perayaan Hari Raya Cina, termasuk juga perayaan Deepavali dan perayaan Hari Raya Aidilfitri dan untuk penerangan ringkasnya perayaan Deepavali kita masukkan dalam perayaan yang dilakukan di kawasan perniagaan di Klang. Itu kita telah lakukan dan kita rasa kita tidak perlu membuat perayaan-perayaan yang lain sebab kita memperuntukkan kepada setiap DUN dana untuk mengadakan perayaan mereka sendiri. Kedua, kita juga untuk menentukan penggunaan duit ini kita tidak benarkan, hanya dibenarkan melakukan penggunaan dana ini setelah cadangan penggunaan dana perayaan ini diluluskan oleh EXCO sekurang-kurangnya satu bulan sebelum penggunaannya. Jadi pemantauan itu dibuat setiap kali perayaan hendak dilakukan. Jadi, tidak, jadi dengan cara itu kita dapat menentukan penggunaan dana yang secukupnya dan tidak berlebihan dan kita juga ada memberi sumbangan kepada perayaan-perayaan seperti *Wesak* dan juga *the Sikh* punya, *Vesaki*.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Besar atas jawapan. Saya nak tanya dengan perkara yang

sama juga, yang tahu saya Tan Sri, tiap-tiap tahun yang kita bagi peruntukan untuk perayaan-perayaan ini adalah dekat RM250,000.00 kalau tak silap saya dan kita buat rancangan seluruh negeri dengan menggunakan dana itu untuk khususnya Deepavali dan Krismas. Saya diberitahu bahawa Krismas pada tahun ini akan diadakan pada 15 hari bulan dan menggunakan bayaran itu. Tetapi saya minta penjelasan dari Tan Sri dan bawah perayaan yang telah pun diadakan di Klang yang keutamaannya, adakah dia dibelanjakan RM250,000.00 untuk perayaan itu ataupun ada program lain yang telah diadakan pada tahun ini. Saya harap kerajaan akan ambil teliti bahawa ada beberapa bayaran yang kita katakan peruntukan untuk DUN RM40,000.00 itu yang diberikan kalau tak silap saya Tan Sri itu ialah untuk Thaipusam, Punggal dan juga perayaan *Chinese New Year* dengan Maulidur Rasul kalau tak silap saya bukan termasuk Deepavali untuk peruntukan itu.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah pihak kerajaan nak memberi ulasan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya. Saya akan semak tentang penggunaan duit perayaan di Klang. Saya akan semak. Tapi saya rasa ini termasuk penggunaannya untuk yang kita peruntukan. Kedua, peruntukan untuk Krismas belum lagi dibentangkan kepada EXCO. Dia belum lagi dibentangkan. Dan jika perlu saya ingat tahun hadapan kita boleh buat keputusan tentang peruntukan-peruntukan bagi sambutan perayaan-perayaan melalui pejabat-pejabat ADUN secara terus.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya merujuk muka surat 51 dan 52. Butiran program 505000 kod objek sebagai 290000. Merujuk kepada butiran perkara 4 hingga 42 iaitu mengenai Jawatankuasa Tetap.

Pertama sekali, merujuk kepada perkara 34 (Jawatankuasa Tetap), muka surat 52 (Jawatankuasa Tetap Setinggalan). Anggaran 2014 adalah RM100,000 manakala 2013 tiada. Minta penjelasan adakah kerana tiada, silap cetak ataupun memang tidak ada peruntukan? Dan apakah maksudnya kepada Program Pembangunan Setinggalan? Adakah tidak ada tumpuan dalam jawatankuasa tetap membincangkan penyelesaian masalah setinggalan ataupun kenapa tidak diperuntukkan satu peruntukan pengurusan bagi jawatankuasa tetap?

Keduanya, berkenaan dengan jawatankuasa tetap ini. Saya kira kita terdapat 39 jawatankuasa tetap. Adakah ini bererti satu keperluan yang memang diperlukan atau setakat kerajaan meneruskan tradisi mengekalkan Jawatankuasa Tetap? Adakah dia membawa implikasi kepada birokrasi dan ketidakcekapan yang menimbulkan kos yang bertambah? Adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan bilangan jawatankuasa Tetap, mengekalkannya ataupun menambahkannya dalam implikasi bajet yang semakin meningkat?

Kemudian, saya melihat juga bahawa di antara fokus utama yang perlu diberikan oleh Jawatankuasa Tetap adalah sewajarnya tentang pembasmian kemiskinan. Jadi perlu diwujudkan sinergi di mana contohnya perkara 16 – Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, 18 – Luar Bandar, 20 – Kebajikan, 22 – Hal Ehwal Wanita, 26 – Pekerja Ladang, 27 – Kemiskinan, 28 – Kerajaan Prihatin, 32 – Perumahan, 34 – Setinggalan, 35 – Kerajaan Tempatan (yang melibatkan miskin bandar). Perlu diwujudkan satu bentuk penyelarasan awal sama ada untuk tujuan memantapkan perbincangan yang fokus tentang Program-program Pembasmian Kemiskinan sekali gus mengurangkan kos pengurusan.

Sekali lagi saya merujuk kepada muka surat 55, butiran program 555000 – Seksyen Sektor. Saya difahamkan bahawa Seksyen Sektor adalah pengkelasan (*grouping*) dengan izin kepada jawatankuasa-jawatankuasa tetap menurut sektor-sektor tertentu. Sekali lagi peruntukan sebanyak RM1.725juta (satu peruntukan yang agak tinggi) diberikan untuk Seksyen Sektor dalam bidang pengurusan. Adakah di sana berlaku pertindihan dan adakah rancangan kerajaan untuk mengurangkan birokrasi dengan memastikan bahawa kecekapan mesyuarat, pertemuan-pertemuan dilaksanakan agar hasil keputusan dapat difokuskan contohnya dalam bidang pembasmian kemiskinan. Terima kasih Puan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Saya minta pihak kerajaan memberi ulasan. Ya, Y.B. Cempaka.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih Pengerusi. Saya ingin menjawab kepada kenapa tidak ada peruntukan bagi Jawatankuasa Tetap Setinggalan atau Peneroka Bandar. Sebelum ini Jawatankuasa Tetap Peneroka Bandar ataupun Setinggalan disatukan dengan Jawatankuasa Tetap Pengurusan Bangunan, jadi mempunyai satu peruntukan sahaja. Tetapi apabila kita melihat bahawa terdapat keperluan tentang pembangunan peneroka bandar, bukan saja yang masih duduk di atas tapak tetapi setelah mereka pergi kepada rumah-rumah kos rendah, maka ditinggalkan. Terdapat Jawatankuasa Tetap Peneroka Bandar, Jawatankuasa Tetap Pengurusan Bangunan dan Jawatankuasa Tetap Perumahan. Jadi ketiga-tiganya adalah yang berbeza. Jadi, baru diwujudkan pada tahun 2014. Terima kasih. Dan saya bersetuju kalau dikoordinasikan di antara jawatankuasa tetap-jawatankuasa tetap yang mempunyai matlamat yang sama iaitu membasmi kemiskinan bandar. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Tunggu sekejap ya. Kerajaan belum habis memberi ulasan. Ya, Y.B. Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Untuk menjawab tentang apakah perlu kita menyelaraskan ataupun menggabungkan semua ataupun meletakkan jawatankuasa-

jawatankuasa tetap yang berkaitan dengan isu kemiskinan ini, saya ingin menyatakan bahawa usaha ke arah itu Alhamdulillah telah dimulakan dengan kita memulakan satu usaha pertama dahulu. Pertamanya adalah dengan melaksanakan semua data-data yang berkaitan dengan semua jawatankuasa ini di sekalian di bawah satu data sistem yang sama. Yang keduanya, memang ada perancangan untuk semua jawatankuasa tetap ini yang berkaitan akan duduk sekali untuk membincangkan fokus masing-masing supaya isu pertindihan ini tidak (pertindihan antara jawatankuasa-jawatankuasa ini tidak) berlaku.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tapi yang pentingnya, ia dapat memberikan impak kepada bagaimana membasmi kemiskinan itu sendiri.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Y.B. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB:** Perancangan memang ada, tapi bila akan dilaksanakan? Dalam tempoh masa yang singkat ataupun dalam masa yang belum diputuskan lagi?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Bagi pihak saya (selaku Jawatankuasa Tetap Kebajikan), kita telah memulakan perbincangan dengan sektor-sektor tertentu. Itu secara berasingan terlebih dahulu dan insya-Allah tahun depan kita akan mengemukakan satu kertas cadangan bagaimanakah impak pembasmian kemiskinan yang boleh kita koordinasi antara semua supaya akhirnya kita ada satu indeks tetap (setiap tahun berapa banyak kemiskinan yang perlu kita keluarkan daripada mereka yang dalam golongan itu). Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan boleh beri ulasan mengenai sektor.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, dana yang kita peruntukkan RM100,000.00 untuk Jawatankuasa Tetap itu hanyalah dana pentadbiran bukan pelaksanaan. Jadi, dia termasuk kalau mereka nak mengadakan forum untuk menjalankan program jawatankuasa, ini termasuk dalam hal ini. Dan ada juga kita dapati Jawatankuasa Tetap ini tidak digunakan sebab kalau dia tidak perlu dilaksanakan. Jadi, kita (Jawatankuasa Tetap) ini adalah tujuan untuk memberikan kemudahan bagi jawatankuasa ini beroperasi. Walaupun kita boleh letakkan angka RM10,000.00 ke RM50,000.00, tapi kita letakkan angka RM100,000.00 supaya memberikan mereka cukup apa yang dipanggil dana bagi pelaksanaan satu tahun. Jadi, kalau kita lihat dia lebih kurang RM9,000.00 satu bulan.

Jadi, kedua. Seksyen Sektor ini juga ditugaskan untuk ini pembelian pembaikan kecil yang dibeli ikhtisas ini gunanya untuk program-program perayaan pelaksanaan. Kan?

Dan penggunaannya dikhaskan untuk program-program yang kita perlukan. Jadi, saya tidak. Dan dia hanya digunakan bila ada keperluan.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB:** Penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB:** Tentang penggunaan peruntukan RM100,000 untuk pentadbiran pengurusan Jawatankuasa Tetap, adakah dia khusus untuk Jawatankuasa Tetap ataupun boleh digunakan contohnya kajian kemiskinan di satu PBT, di peringkat DUN. Adakah boleh DUN (contohnya) memohon peruntukan ini digunakan untuk kajian di peringkat DUN?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Jawapannya. Sudah ada peruntukan dana untuk kajian. Saya rasa saya kena tengok ni. Hampir RM2juta untuk kajian. Ada Jawatankuasa Kajian. Jadi, maknanya kita tidak nak gunakan duit itu sebab duit itu hanya untuk pentadbiran dan pelaksanaan sahaja.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih Puan Pengerusi. Ada empat butiran yang saya ingin bangkitkan. Yang pertama muka surat 49, butiran 551001 tentang Pejabat Menteri Besar (dasar baru). Rawang ingin bertanya apakah jenis dan bentuk dasar baru yang akan diwujudkan (yang pertama). Kedua, ada tak ini dijalankan secara *in house* (dengan izin) ataupun asas kepada konsultan untuk jalankan? Kedua adalah muka surat 52, kod 41000 (biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajaran). Rawang sebab nampak di sini cuma RM10.00 yang diletakkan dalam situ. Jadi, saya ingin tanyakan apakah bentuk biasiswa yang diberikan sebab sebelum ini memang dijanjikan mungkin diwujudkan satu tabung di bawah Biasiswa Menteri Besar ataupun Tabung Menteri Besar untuk beri kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dalam *academic* (dengan izin) supaya mereka menjadi satu *talent pool* (dengan izin) untuk kerajaan negeri Selangor.

Kedua, adalah tentang kod 42000 (pemberian dalam negeri). Rawang ingin bertanya apakah jenis bentuk pemberian dalam negeri yang dimaksudkan memandangkan jumlahnya telah bertambah? Dan ketiga adalah 43000 (pemberian ke luar negeri). Apakah maksud yang diletakkan dalam butiran ini? Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan memberi ulasan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Pada Rawang, saya boleh jawab yang itu. Peruntukan ini (dasar baru) ialah Biasiswa Menteri Besar yang telah (yang mula) kita



nak gubal. Cara pemberiannya ialah kita hendak memberi kepada anak negeri Selangor yang mempunyai keupayaan yang boleh dia mencerminkan kepimpinan masa hadapan iaitu serupa dengan cara pemilihan untuk *road scholar*. Jadi, kita belum dapat selesaikan dia punya perimeter. *Road scholar* itu ialah seorang yang bukan saja mempunyai kelulusan yang sangat baik dalam pelajaran, tetapi dia juga mempunyai kebolehan dalam *extra mural activity* termasuk dia mungkin pemain atau pelari untuk negara. Dia dapat dikatakan sebagai contoh *first class* dalam dia punya *degree* tapi dia juga seorang pelari untuk Malaysia. Kedua-dua itu akan merupakan mereka yang difikirkan layak untuk mendapat biasiswa ini supaya mereka boleh ditempatkan disatu universiti yang ternama supaya mereka dapat menjalankan pengajian di samping kita adakan *training* untuk mereka apabila dia kembali ke negara.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Mohon penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Pengerusi, Rawang ingin tahu siapa yang sebenarnya duduk dalam jawatankuasa untuk penentuan kriteria ini? Dan kedua, bilakah Biasiswa Menteri Besar ini akan dilaksanakan dan dibuka kepada warga negeri Selangor untuk membuat permohonan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Sebenarnya ia masih dalam perancangan dan kita telah meminta beberapa cadangan supaya panel pemilih itu terdiri daripada antaranya pakar akademia, kedua pakar daripada dari segi *Human Resource* dan juga termasuk beberapa orang-orang yang mempunyai pengalaman dari segi pemilihan tersebut. Tapi itu belum diumumkan dan ditetapkan oleh EXCO lagi ia masih dalam perancangan dan projek ini dijangka akan mulakan pada dihebahkan pada awal bulan Februari.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih. Lanjutan daripada penerangan Y.A.B. Menteri Besar, saya ingin merujuk kepada muka surat 54 di Bawah Kod 55200 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia terdapat biasiswa dermasiswa dan bantuan pelajaran sebanyak RM 8 juta lebih. Adakah sebahagian daripada wang ini akan digunakan untuk Menteri Besar *Scholarship* atau pun akan diwujudkan satu dana baru. Jika tidak digunakan mohon penjelasan penggunaan RM8 juta ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Satu, jawapan yang pertama, satu dana baru yang akan peruntukan untuk Menteri Besar *scholar*, itu satu dana baru dan itu kita anu, kedua, RM 8 juta ini dimasukkan ke dalam dana *scholarship fun*. Dana apa tu biasiswa dan juga biasiswa negeri dan ini digunakan untuk pemohon-pemohon yang ingin

mendapat pinjaman dan dari negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka ke pengajian tinggi. Walau bagaimana pun jika mereka mendapat kelulusan yang baik, mereka boleh dibenarkan menjadikan pinjaman tersebut sebagai biasiswa.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Puan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Ya Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Ingin saya tanya perkara yang baru juga. Untuk perkhidmatan dan bekalan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing, kalau berdiri terus kepada isu-isu sebelum EXCO memberi penjelasan. Kalau sudah duduk, saya akan beri kepada orang lain. Boleh ya.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Ok. Perkara secara amnya, di dalam semua sub seksyen ini kod objek 27,000, 28,000 dan 29,000 Bekalan dan Bahan-bahan Lain. Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli serta Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain yang dibeli dan Hospitaliti. Saya perhatikan peruntukan 2013 dan peruntukan 2014 rata-ratanya sama. Di mana RM100,000.00 peruntukan dalam 2013, 2014 pun sama. Jika 10,000.00 jadi RM 10,000.00 juga. Jadi macam mana *overhead cost* ini dengan izin, kita mengawal untuk memastikan kita membuat penjimatan penggunaan teknologi, mencari pembekal yang lebih murah dan sebagainya. Macam mana kita membuat penjimatan dan macam mana kita menunjuk penjimatan ini sebab setiap tahun kita memperuntukkan wang yang sama untuk *this overhead expenses*

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, salah satu daripada cara baru yang kita akan memperkenalkan di dalam bajet saya sudah melakarkan beberapa usaha untuk mengenal pasti apa yang dipanggil *value for money* jadi oleh sebab itu, kita akan melatih pegawai-pegawai untuk menilai sama ada usaha yang dilakukan atau pun perkara yang ditawarkan itu adalah munasabah dan sesuai walau pun kita mengelakkan juga terlalu lama untuk membuat keputusan dan timbul perkara birokrasi. Salah satu daripada perkara yang senang ialah kalau ada barang itu ditawarkan dia pegawai itu boleh menyemak sama ada barang yang sama ditawarkan di Giant, TESCO dan di syarikat yang dijual. Jadi dengan cara itu, dia boleh tahu sama ada harga yang ditawarkan itu munasabah.

Kedua, kita juga akan melatih pegawai itu mengasingkan 3 faktor yang tertakluk dalam kos. Satu ialah material kos. Kos barangan. Kedua, *main hour working* maknanya berapa jam dia boleh lakukan. Ketiga, ada perkara mengenai teknikal *knowledge*. Kalau kita gunakan ketiga-tiga konsep ini, dengan cepat kita dapat menentukan sama ada nilai atau perkhidmatan atau perkara yang dilakukan itu akan sesuai dengan harga yang ditawarkan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Rawang sudah bangun, sekali sahaja.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Pengerusi, sebab tadi butiran yang saya bangkitkan itu tidak dijawab.

**TUAN SPEAKER:** Mana satu.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Yang Butiran 52, kod 42000 tentang pemberian dalam negeri, muka surat 52 kod 43000 tentang pemberian luar negeri.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah pihak kerajaan muka surat 52. Kod 42,000.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Duit pencen untuk mereka-mereka yang pernah bekerja kita tapi dia duduk di luar negeri. Yang ini boleh jadi dulu ada *experty* pernah kerja dekat negeri Selangor. Dia dapat pencen, dia balik ke India dan kita kena bayarlah. Ha itu, makin lama makin kurang dia makin berkurangan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing mana satu yang belum dijawab.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tadi berkenaan bekalan. Saya amat puas, saya gembiralah dengan jawapan Y.A.B. Menteri Besar fasal usaha-usaha yang diambil untuk mengurangkan belanja dan memastikan *value for money* tetapi kalau kita tengok peruntukan daripada RM100,000.00 tahun lepas kalau kita buat *value for money* tahun lepas mungkin kita kurangkan kepada RM80,000.00 atau RM90,000.00 tahun ini. Baki dia RM10,000.00, RM20,000.00 tu macam mana kita nak sebab dia masih dalam belanjawan so nanti akhir tahun akan dinampakkan belanjawan tidak dibelanjakan atau pun mungkin ada pegawai yang buat Krismas *shopping at the year* so macam mana kita nak menangani isu ini?.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Sebenarnya sekarang tak ada polisi Krismas *Shopping* tak ada. Kalau berlebihan, dia akan dimasukkan ke dalam rizab tak de lagi Krismas *Shopping*. Dan kedua, kita juga tidak menekankan supaya mereka gunakan duit itu dengan cara berjimat, tidak, gunakan dengan cara yang secukupnya. Jadi dengan cara itu, kita akan dapat polisi masa depan. Kita akan dapat memantau kegunaan itu dengan betul jadi kita tak hendak oleh kerana pegawai itu untuk mengurangkan duit kertas yang sepatutnya dia beli, dia tidak beli. Jadi oleh sebab itu kita tidak hendak adakan masa itu tetapi kita benarkan tapi kita akan semak apa yang dipanggil dalam *term* akan datang ialah *wire* hasil itu dan sudah tentu pegawai itu boleh *justify* itu sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Jadual B1. Iaitu Wang sejumlah RM100,413,458.00 untuk Kepala B1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan

menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual 2 Pelbagai Perkhidmatan. RM 73,561,278.00.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, saya nak ingatkan saya bagi 30 minit untuk setiap kepala. Bangun sekali sahaja. Nyatakan semua item yang nak diminta penjelasan, kemudian saya nak bagi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang. Ya silakan Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Vot P.02 Pelbagai Perkhidmatan. Butiran 505000.

**TUAN SPEAKER:** Muka surat yang mana satu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Muka surat 84, kod 42000

**TUAN SPEAKER:** Muka surat 54

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Muka surat 84, *sorry*, maafkan saya 84. Saya merujuk kepada muka surat yang silap, 84 pemberian dalam negeri dan semua butiran dalam No. 1 hingga 16. Saya ingin tanya yang pertama tentang No. 1 Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor di mana terdapat kenaikan peruntukan daripada RM9.2 juta tahun 2013 ke RM9.7 juta tahun 2014. Cadangan saya ialah saya memandang berat terhadap kualiti perkhidmatan Perpustakaan di negeri Selangor walau pun kita boleh berbangga dengan Perpustakaan Shah Alam yang tidak ada di negeri Selangor agak mewah dan agak cantik tetapi kita tidak harus Puan Pengerusi bahawa banyak anak-anak kecil, anak-anak murid di kawasan luar bandar yang memerlukan peruntukan yang lebih banyak untuk membangunkan apa ni perkhidmatan Perpustakaan di tempat-tempat terpencil tempat-tempat di kawasan kampung dan sebagainya. Ada juga tempat yang tidak ada perpustakaan langsung dan kita mempunyai ramai anak-anak kecil yang mempunyai minat yang mendalam dalam membaca oleh sebab itu cadangan saya ialah peruntukan yang penambahan peruntukan sebanyak RM500,000.00 ini barang kali tidak mencukupi. Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat, EXCO yang berkenaan merancang dengan lebih rapi lagi menggunakan peruntukan ini sebaik, sependai-pandainya untuk mempertingkatkan, memperbanyakkan Perpustakaan Bergerak khususnya di kawasan-kawasan kampung yang terpencil. Dulu kita nampak banyak tetapi sekarang nampaknya kurang kelihatan van-van atau pun bas-bas Perpustakaan Bergerak, kali terakhir saya nampak adalah di kawasan Kuala Kubu Baharu. Itu pun saya nampak van dia atau pun dia punya bas agak usang dan tidak nampak dapat bergerak ke tempat-tempat yang jauh. Jadi saya minta perkara ini diberi perhatian.

Yang Kedua saya juga ingin menyentuh tentang No. 12, Majlis Sukan Negeri Selangor terdapat penambahan peruntukan saya hanya ingin menjurus kepada satu perkara iaitu tentang prestasi Bola Sepak di negeri Selangor ini. Saya sebenarnya sedikit terkilan apabila kami mendapati baru-baru ini kita ada menyaksikan perlawanan akhir antara Pahang dengan Kelantan di Stadium Shah Alam, bukan di Stadium Bukit Jalil. Jadi saya rasa ini memang satu yang boleh kita banggakan tetapi alangkah baiknya kalau yang mengambil bahagian dalam perlawanan akhir, bukan Pahang bukan Kelantan tetapi Selangor. Dan Selangor saya semak merupakan juara Piala Malaysia berapa kali ya Yang Berhormat Bukit Gasing. Lebih 30 kali kalau saya tak silap tapi 2,3 tahun kebelakangan ini prestasi agak lesu lebih-lebih lagi PKNS FC lebih hebat daripada Selangor FC. Saya rasa ini sesuatu yang kurang. Saya tidak kata malulah, tapi saya rasa ini sesuatu yang serius perlu diberi perhatian supaya prestasi bola sepak boleh, ya silakan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Tuan Pengerusi mencela sedikit. Saya ingin mencela apa yang dikemukakan oleh Y.B. Kampung Tunku apakah maksud Y.B. tadi apabila PKNS FC itu jauh lebih baik daripada negeri Selangor sendiri, ia membawa maksud bahawa kita juga perlu menukar kepimpinan Persatuan Bola Sepak di Selangor supaya pemimpin-pemimpin yang boleh berupaya untuk membawa satu dimensi baru dan kejayaan baru boleh dibawa masuk ke FAS.

Saya rasa cadangan ini perlu juga dilihat sekiranya perlu supaya pengurusan pada mana-mana sukan ini perlu dirombak semula sekiranya perlu supaya orang-orang yang menjaga menguruskan Badan-badan Sukan ini merupakan mereka yang profesional. Mereka merupakan mereka yang mempunyai pengetahuan dan masa untuk menguruskannya. Jadi saya lihat ini ada satu perkara yang saya rasa perlu diberi perhatian. Saya juga melihat tentang ada juga peruntukan sebanyak ....

**TUAN SEPAKER:** Kampung Tunku dalam masa sepuluh minit ya? Kampung Tunku beri semua mencela. Ya Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Sebab bangkitkan isu FAS ini saya kena bagi penjelasan, boleh?

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Seri Andalas nak bagi penjelasan?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Penjelasan pihak EXCO yang bagi penjelasan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya minta Tan Sri penjelasan dalam soalan saya. Saya....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya minta Tan Sri memberi penjelasan ....

**TUAN SPEAKER:** Menteri Besar benarkan untuk kes ini. Ok teruskan Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Dua perkara saya nak betulkan di sini bukan PKNS lebih baik dari Selangor, Selangor yang lebih baik daripada Selangor dalam kemajuan bola sepak di dalam negeri. Nombor dua yang saya ingat kita kena minta Kerajaan untuk meningkatkan perbelanjaan kepada FAS sebab dengan perbelanjaan FAS sahaja kita boleh meningkatkan taraf permainan di dalam negeri kita sekarang dan sekarang sudah pun nampak negeri-negeri lain termasuklah PKNS dan FELDA dan juga Johor keutamaannya perbelanjaan untuk Pasukan Bola negeri telah menonjol sampai 100%, 20%, 30% dalam tempoh satu tahun ini. Negeri Selangor di belakang dengan bayaran dan juga apa yang dikatakan *sponsorship* dari khususnya MBI kepada negeri Selangor dan ini saya minta Kerajaan untuk mengikut cara balik macam mana kita boleh meningkatkan perbelanjaan atau pun *sponsorship* kepada negeri Selangor untuk mereka mendapat pemain-pemain yang bakal dengan bakal baik di negeri untuk bayaran dan sebagainya. Ini saya ingat negeri kena bagi sedikit apa itu perhatian dan juga membuat kajian teliti dan dapatkan sedikit dana yang lebih boleh dibayarkan kepada FAS di dalam negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Seri Andalas itulah juga cadangan saya dalam perkara di mana peningkatan sebanyak RM250,000.00 ini kalau ianya mungkin tak cukup lebih-lebih lagi Majlis Sukan Negeri Selangor ia kena jaga acara-acara sukan yang lain juga. Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang kekerapan *State Investor Investment* SSIC di mana peruntukan pada tahun lalu dan tahun ini dengan tahun depan sama sahaja. Saya rasa ini tidak begitu masuk akal sekiranya kita hendak menjadikan negeri Selangor ini sebuah destinasi pelaburan dan saya lihat ada perlunya angka ini dilihat semula supaya peruntukan yang lebih banyak boleh diberi sekiranya perlu. Saya juga ini minta sedikit penjelasan daripada pihak Kerajaan tentang peruntukan lain-lain agensi yang tidak bermotifkan keuntungan di *point* 16 sebanyak RM1.089 juta diperuntukkan. Ini adalah untuk Badan-badan yang tidak bermotifkan keuntungan tapi tidak diterangkan di dalam buku ini. Apakah Badan-badan tersebut atau Agensi-agensi tersebut. Jadi saya minta *breakdown* daripada Kerajaan Negeri Selangor. Itulah sedikit sebanyak ucapan saya terima kasih.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Baiklah saya minta pihak Kerajaan memberi penjelasan. Tunggu sekejap saya minta EXCO bagi penjelasan.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada Kampung Tunku yang membangkitkan tentang Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor, saya setuju dengan apa yang disebutkan oleh Kampung Tunku di mana Kerajaan perlu memberi peruntukan yang lebih besar untuk perpustakaan untuk dibayarkan. Untuk makluman Kampung Tunku sebenarnya pihak Perpustakaan pun telah merancang untuk memperbanyakkan lagi cawangan-

cawangan di luar bandar khususnya dan juga untuk dengan izinnya *upgrade services* kerana kita mahu juga kualiti perpustakaan yang berada di Raja Tun Uda di Seksyen 13 juga di rasai di merata tempat khususnya di kawasan luar bandar. Untuk makluman saya tak ingat dia punyai spesifik permohonan peruntukan untuk bajet tahunan dari Perpustakaan. Dia lebih kurang RM16 juta yang kita minta tapi ini yang diluluskan. Jadi terima kasih kepada Kampung Tunku, kita juga mendapatkan sedikit bantuan daripada anak Syarikat khususnya daripada Kumpulan Perangsang yang membantu kita menyediakan bahan-bahan untuk Perpustakaan dan menyelenggarakan sedikit daripada perpustakaan di luar bandar. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Pengerusi, Tuan Pengerusi terima kasih bagi Kampung Tunku yang juga membangkitkan berkaitan dengan Majlis Sukan Negeri perkara 12 yang melibatkan peningkatan sedikit daripada perkhidmatan. Peruntukan perkhidmatan yang saya kira pada hari ini yang kita bincangkan sekarang adalah perbahasan berkaitan dengan perkhidmatan yang mana sudah tentunya dengan peningkatan ini sebenarnya kita berusaha bersama-sama tentang apa yang dibangkitkan dengan isu bola bagi pihak Kerajaan Negeri melalui sukan negeri Selangor untuk melihat bagaimana peningkatan pembangunan itu sendiri. Walaupun saya tidak menafikan pada hari ini sebenar negeri Selangor antaranya negeri yang dapat melahirkan ramai pemain-pemain bola sepak yang berbakat termasuklah kita mempunyai GLC-GLC yang terlibat sama di dalam pembangunan sepak dan mereka ada akademik-akademik tersendiri melalui GLC-GLC termasuk PKNS, PNSB dan sebagainya. Saya kira ini ada kekurangan kita sendiri sebenarnya cuma malangnya ramai yang di antara pemain-pemain kita ini berhijrah keluar daripada negeri Selangor mungkin disebabkan sebahagiannya adalah insentif yang lebih baik contohnya kalau nak dibandingkan dengan Selangor dan Johor yang mana mereka mampu memberikan elaun sehingga RM60,000.00 sebulan yang mana ini dari segi kita lihat kita masih lagi tidak meletakkan jumlah yang begitu besar. Puan begitu untuk tahun hadapan Kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri kita sudah melihat bagaimana perlunya ada satu akademik yang juga akhirnya akan memberikan atau pun dapat melahirkan pemain-pemain bola sepak terutamanya yang disentuh tadi di peringkat daerah dan sebagainya dan sebenarnya kalau kita melihat di peringkat kategori-kategori pemain kita contohnya Piala Belia di bawah umur 19 tahun yang mana ramai di antara pemain-pemain itu masih lagi berada di Selangor belum terpicat oleh negeri-negeri lain kita menjadi juara di peringkat Pertandingan, peringkat Kebangsaan dan malam tadi juga adalah Pertandingan Akhir di mana usaha inisiatif daripada Majlis Kerajaan Negeri Selangor daripada Kerajaan Negeri mengadakan pertandingan Kejohanan Bola Sepak Piala Menteri Besar di bawah 16 tahun dan saya kira telah melihat beberapa orang yang mempunyai keupayaan yang baik dan ini antara beberapa langkah yang baik terutamanya dalam perancangan kita untuk menubuhkan akademik bola sepak di peringkat negeri Selangor sudah tentunya dengan kerjasama daripada FAS. Cuma

Syarikat saya tidak bersetuju kalau peruntukan-peruntukan untuk bola sepak itu dipertingkatkan walaupun kita nafikan MBI sendiri menyumbangkan jumlah yang begitu besar kepada Persatuan Bola Sepak di negeri Selangor lebih daripada RM8 juta tahunan yang diberikan kepada Kerajaan negeri. Jadi saya ingat saya ucapkan terima kasih dan keprihatinan dan cadangan-cadangan daripada Y.B. tadi itu.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Boleh minta penjelasan EXCO?

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Saya minta penjelasan daripada EXCO sebenar tadi ingatan yang mengatakan banyak pemain kita berhijrah keluar daripada Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras, nanti saya bagi peluang kepada Paya Jaras. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat Kerajaan nak bagi penjelasan lagi?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya ada beberapa soalan yang tak dijawab ditanya di lain-lain agensi yang tidak bermotifkan keuntungan. Itu termasuk pembelian kepada Persatuan Pesara Pekawani Pusanita. Dia kita tapi peruntukan-peruntukan ini tidak boleh melebihi RM50,000.00. Jadi ada tiap-tiap itu ada dia punyai peruntukan. Kemudian saya juga Majlis Sukan Negeri yang .....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan Tuan Pengerusi sebelum Y.A.B. ....

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku Y.A.B. belum habis.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Bukan satu perkara yang dia sebut tadi tentang lain-lain agensi yang bermotifkan ... Satu sahaja cadangan saya bolehkah MB mengemukakan jawapan bertulis tentang senarai.....

**Y.A. . DATO' MENTERI BESAR:** Ok, boleh.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Itu sahaja.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya akan edarkan kepada Dewan untuk yang telah dilakukan pada tahun 2013 dan pada tahun 2012 kita ada senarai dia. Dan jangkaannya pun tidak berubah. Kedua Majlis Sukan Negeri ini. Yang RM5 juta ini tidak termasuk peruntukan untuk bola sepak dia tak masuk. Dia Bola Sepak dibayar oleh MBI yang RM7 juta itu. Jadi kita percaya tahun-tahun hadapan boleh jadi keperluannya adalah lebih tinggi. Saya melihat beberapa negeri cuba mendapatkan status mereka sebagai negeri yang berkeupayaan dalam Bola Sepak sebab Selangor mempunyai tradisi. Dalam 30 tahun yang lepas dalam 30 tahun lebih daripada 20 tahun dalam masa tersebut dimenangi oleh Selangor. Yang lain itu ada juga kita yang kalai jadi kita



mempunyai tradisi kemenangan yang lama. Tapi sekarang kita tengok terdapat pengambilan pemain-pemain profesional yang sekarang pembayarannya agak tinggi ada setengah itu mendapat lebih daripada RM100,000.00 sebulan untuk bermain. Jadi Selangor pada dasarnya membayar antara 20 ke RM25,000.00 sebulan. Jadi kita bezakan dan saya telah berbincang cuba mencari jalan bagaimana kita akan dapat pelapis yang sesuai untuk menentukan keupayaan negeri. Tapi saya percaya kita tak usah selalu ghairah dengan dan ini kita tapi apa yang kita perlu sediakan ialah akademik bola sepak dan perancangan bola sepak yang betul jadi tak payah kita terlalu ghairah nak menang setiap masa dan bergadai golok untuk perkara ini. Jadi tak payah itu sebab saya kata kita teruskan usaha ini dan tak ada lagi.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, sebelum Sekinchan mula saya nak memberi peringatan kepada semua ADUN. ADUN diberi 10 minit. Dalam 10 minit nak tanya penjelasan boleh minta Yang Ahli Berhormat Kerajaan jawab *on the spot* soalan yang dibangkitkan tetapi semasa Ahli-ahli Yang Berhormat memberi penjelasan tak boleh bangun lagi memberi penjelasan. Nak minta sebarang benda dalam masa 10 minit itu sahaja. Boleh ia, baiklah seterusnya Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Pengerusi, saya ingin berbahas mengenai dengan B2-50500 muka surat 84 berkaitan dengan 42000 bahagian 3 no. 3, iaitu Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), di mana ini adalah satu agensi di mana pertanggungjawabkan untuk menjaga rizab-rizab sungai, tanah-tanah di sebelah sungai untuk memelihara supaya tidak diceroboh dan sebagainya, walau bagaimanapun saya menyambut baik tentang peranan LUAS ini, tapi ada satu perkara yang berlaku di Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor di mana nelayan-nelayan tradisi, nelayan-nelayan persisiran pantai mereka memang sejak 50 tahun yang lalu mereka menggunakan muara-muara sungai, muara-muara sungai untuk membina jeti-jeti sementara, jeti-jeti untuk pendaratan ikan, kerana itu adalah rutin harian mereka itu adalah aktiviti untuk mencari nafkah hidup.

Selama ini mereka tidak diberi apa-apa pengiktirafan, mereka hanya diberi TOL dan kerajaan sebelum ini pun tiada apa-apa perancangan yang khusus untuk menyusun semula jeti-jeti berkenaan, pelantar-pelantar ikan di kawasan di Sekinchan, di Kuala Selangor, Tanjong Karang, Sungai Kajang, Sungai Besar dan sebagainya, kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan nelayan ini dan tak lama tahun lepas hingga tahun ini juga berlaku berbagai-bagai masalah di mana jeti-jeti pelantar ikan ini mereka, TOL tidak disambung kemudiannya mereka diberi saman dan diminta ada diminta untuk roboh, untuk buka dan sebagainya.

Terdapat satu 1 kes di Bagan Nakhoda Omar, satu jeti pelantar sudah di bina Empat RM400,000.00 telah dirobohkan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), saya meminta penjelasan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor bahawa

dalam kes ini kita kena ambil pendekatan, *win-win* (menang-menang) di mana LUAS dipertanggungjawab untuk menjaga tetapi pada masa yang sama aktiviti nelayan itu harus di pertahankan dan mereka diberi kemudahan bukan menyusahkan mereka, dan saya bersetuju dengan penguatkuasaan dan penyusunan semula tetapi harus diberi kemudahan untuk mereka dapat TOL dan sebagainya dan kalau tidak mereka merungut sampai hari ini kerajaan Pakatan Rakyat tidak prihatin terhadap masalah mereka, ini soal LUAS saya minta perkara ini di perjelaskan.

Dan seterusnya mengenai perkara nombor 11, Pendidikan Industri Yayasan Selangor, ini industri yayasan Selangor kemudian saya masuklah Majlis Sukan Negeri Selangor 12 di mana peruntukan RM5 juta untuk 5 kumpulan 2 untuk tahun ini, saya nampak saya cukup gembira kerana kerajaan telah menambah sedikit peruntukan dalam konteks ini untuk bangunkan sukan negeri, tapi nampaknya saya nampak 5.2 belum cukup lagi kerana banyak prasarana, infrastruktur peralatan sukan, permainan yang ada saya diberitahu oleh MSNS ini masih dalam keadaan uzur ada yang tidak mencapai standard untuk latihan pemain-pemain, perkara ini perlu diambil serius kerana kit perlu lahirkan atlit-atlit kita yang bertaraf bukan sahaja juara kampung, kita nak juara negeri, kita nak juara Malaysia, kita nak juga dunia. Tetapi kalau prasarana yang dibuat itu tidak mencapai standard bagaimana kita nak melahirkan atlit-atlit kita yang bertaraf antarabangsa, walaupun kita juara SUKMA, kita perlu pelaburan yang lebih untuk kita mengekalkan momentum dan konsisten yang komited dalam sukan ini.

Seterusnya saya juga nak minta penjelasan kerajaan negeri mengenai dengan *Tourism Selangor*, iaitu 15 Tourism Selangor Sdn. Bhd (TSSB) iaitu peruntukan 2 juta, 22000 untuk tahun 2014, saya nampak *Tourism Selangor* ini ada destinasi tumpuan orang ramai bukan sahaja pelaburan, berbagai-bagai aktiviti termasuk *tourist* pelancong daripada luar mereka meminati Selangor dan mereka datang ke Selangor dan peranan *tourism Selangor* ini untuk mempromosikan Selangor ini amat penting, amat penting maka dengan itu saya meminta agar peruntukan *tourism* ini dapat ditingkatkan pada masa yang sama kawasan-kawasan tumpuan pelancongan seperti contoh di kawasan DUN Sekinchan, sekarang kita bangunkan sebagai satu eco-pelancongan yang begitu hebat dapat sambutan daripada pelancong luar dan negeri, setiap minggu Ahad kelepasan am begitu ramai pelancongan datang tetapi apabila kita meminta peruntukan dan sebagainya daripada *tourism* selalunya mereka tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk membantu menyediakan prasarana dan sebagai bagi mempergiatkan promosi *tourism* pelancongan di kawasan seperti di Sabak Bernam.

Maklumlah di Sabak Bernam kita tidak ada aktiviti yang lain, kilang pun tak banyak sebab dalam aspek pelaburan pun kita belum lagi menjadi satu tumpuan pelaburan, maka dengan itu aktiviti pertanian sahaja rakyat di situ amalkan dan nelayan dengan untuk menambah pendapatan yang lebih kepada rakyat hanya ada satu cara iaitu melalui *tourism*, melalui pelancongan maka dengan itu saya berharap di pihak kerajaan

memandang serius dalam konteks tourism ini dapat mempergiatkan supaya Selangor pada tahun akan datang dalam tahun melawat ini, Selangor antara juara negeri yang paling ramai menarik pelancong datang ke Selangor dan juga di Sekinchan. Ha ini adalah antara sedikit perbahasan saya minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, kita akan menerima beberapa rintihan dari pihak daripada Yang Berhormat Sekinchan. Walau bagaimanapun saya nak ingatkan oleh sebab LUAS ditugaskan untuk menjaga kebersihan sungai, oleh sebab itulah pemantauan tentang pembinaan jeti-jeti perlu dilakukan, saya akan membangkitkan perkara yang dibangkitkan oleh Sekinchan kerana apa-apa pun kita mesti memberitahu kepada pemilik-pemilik jeti ataupun mereka-mereka yang membina jeti. Jeti-jeti yang dibina ataupun yang akan dibina mesti mendapat kelulusan dari LUAS supaya dapat dipantau dengan baik. Jadi oleh sebab itu, sebab kita dapati kalau kita tak jaga kawasan-kawasan tersebut, pengaliran air dan juga untuk satu mencegah banjir, kedua menentukan bahawa sungai itu dapat digunakan dengan lebih cekap lagi, maknanya kalau terlalu banyak jeti maknanya tidak bertindih-tindih tentang kegunaannya.

Kedua, apa yang kita beri kepada Majlis Sukan Negeri (MSN) ini, ialah yang kita bincangkan di muka surat 84 ini ialah bahagian perbelanjaan bukan bahagian pembangunan umpamanya nak buat stadium, nak buat apa tu,, nak buat tempat permainan apa semua itu, kita masukkan ke dalam pembangunan, jadi oleh sebab ini, ini untuk operasi, walau bagaimanapun boleh jadi dalam tahun ini kita kena buat tambahan tapi kita ambil daripada duit bukan daripada kerajaan untuk umpamanya SUKMA, SUKMA kita juga kena tambah peruntukan sebab kita terima kasih kepada Majlis Sukan kita sudah mula jadi johan SUKMA, sudah mula jadi, ha kita dah mula kemudian mengenai Tourism.

Tourism juga kita bahagikan kepada 2 peringkat satu ialah perbelanjaan, kedua kalau ada benda-benda yang untuk pembinaan kita *justify* dia dalam pembangunan, jadi kita dapat asingkan pentadbiran, perbelanjaan dengan pembangunan. Saya juga terlupa nak menjawab Selangor State Investment Centre (SSIC) kenapa 5 juta sahaja. Jawapannya begini, kita hanya bagi syarikat tersebut 1 insentif, kalau dia dapat sepuluh RM10 billion dia boleh dapat RM5 juta, kurang daripada RM10 bilion, dia tak dapat, dia hasilnya insentifnya lebih banyak pelaburan lebih banyak dia boleh dapat geran, iaitu sebabnya kita letakkan geran dan kita pantau dia daripada *amount of success*.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Ya Permatang.

**YB. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya ambil perbincangan di pelbagai perkhidmatan di bawah butiran 50500 muka surat 84, butiran 42000-perkara 1-16, saya nak merujuk kepada perkara 10 Pendidikan Industri Yayasan Selangor, saya dapati daripada 16 sektor yang diberikan peruntukan ini nampaknya Yayasan PIYS ini mendapat jumlah peruntukan yang terbesar sebanyak 17 juta lebih, berbanding walaupun ada sedikit penurunan berbanding dengan tahun 2013 tapi masih merupakan sektor yang terbesar diberikan sumbangan sebanyak 17 juta, saya minta sedikit butiran kepada pihak kerajaan mengenai butiran-butiran yang diperuntukkan kepada Yayasan Selangor, kerana dalam isu Yayasan Selangor ini saya lihat sewajarnya Yayasan Selangor ini mempunyai sepatutnya sudah menjadi *self finance* (dengan izin) sebagai agensi yang sudah boleh membiayai diri sendiri, kerana Yayasan Selangor merupakan agensi yang banyak kemudahan dan juga kemudahan kewangan yang sewajarnya boleh menjana pendapatan sendiri tanpa dapat perbelanjaan yang besar.

Saya nak merujuk kepada mengenai bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang, saya daripada maklumat yang saya dapati bangunan ini sedang di naik taraf di baik pulih dan dalam keadaan dia di baik pulih sudah sekian lama, sedangkan saya dimaklumkan *development order* (dengan izin) kebenaran merancang tidak lagi di perolehi dan Yayasan Selangor sudah kerugian, bangunan ini sudah kerugian sudah hampir (kalau tak silap saya) kalau pendapatan yang mereka perolehi sebelum dibaik pulih sewanya sekitar hampir RM400,000.00 sebulan, kalau kalikan dengan 12 bulan RM400.000.00 X12 = maknanya RM4.8 juta, perolehan daripada bangunan ini yang akhirnya sudah hilang kerana sudah di naik taraf hampir 2 tahun, maknanya kalau (2) tahun sudah hampir berpuluh juta lebih kehilangan pendapatan sedangkan kebenaran merancang saya dimaklumkan belum diperolehi daripada pihak berkuasa Dewan Bandar raya Kuala Lumpur (DBKL). Jadi, saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan apa sebenarnya yang berlaku dengan bangunan ini dan kerugian-kerugian dalam bentuk sewaan yang sedang ditanggung ini.

Yang Kedua berkaitan dengan Yayasan Selangor juga saya dapat maklumat mengenai bangunan Yayasan Selangor Petaling Jaya bersebelahan dengan Wisma AMCORP yang mana pada waktu ini, saya dimaklumkan dan saya mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan hampir 80% penyewa-penyewa sudah keluar dari bangunan ini, maknanya ini juga merupakan satu (1) pengurangan pendapatan yang begitu ketara yang tinggal hanyalah institusi-institusi Pentadbiran di bawah Yayasan Selangor yang mana kalau 80% sudah meninggalkan kerana mungkin sewaan yang semakin tinggi ditingkatkan atau pun mungkin keadaan bangunan itu yang mungkin tidak lagi sesuai dan sebagainya.

Saya juga nak mohon penjelasan daripada pihak kerajaan kenapa perkara ini berlaku kerana kalau diambil kira 80% sewa yang sudah keluar ini cukup besar dan ini amat

merugikan kepada pihak Yayasan Selangor sendiri yang sepatutnya menjadi sumber pendapatan yang boleh diguna untuk memperbaiki industri pendidikan dalam Negeri Selangor ini.

Yang Ketiga juga saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan khususnya mengenai pembangunan asrama di Kampung Pandan, ATPN juga ATDI yang sudah pun di kosongkan hampir setahun lebih, saya nak mohon penjelasan daripada Kerajaan bagaimana?, hari ini kerajaan dah tak beri biasiswa kepada anak-anak belajar di Selangor, hari ini harta mereka juga sudah dikosongkan, mereka saya dimaklumkan di dalam dewan yang lepas mereka akan dipindah di Kuala Kubu Baharu, di Ampang Pecah, sejauh mana perkembangan ini berlaku, sejauh mana asrama yang baru ini sudah dibina dan sebagainya kerana sudah hampir dua (2) tahun, setahun (1) lebih asrama ini sudah dikosongkan dan bakal dirobohkan untuk memberi pembinaan yang baru.

Jadi, bagaimana kerajaan negeri nak mengekalkan nak membantu dan menyokong industri ataupun peluang pendidikan kepada anak-anak luar bandar yang daripada Sabak Bernam, Tanjong Karang mungkin ada juga di kawasan-kawasan yang lain yang dahulunya dalam waktu kerajaan Barisan Nasional kita beri ruang mereka mendapat peluang pendidikan di kawasan bandar belajar di sekolah-sekolah terbaik di sekitar Kuala Lumpur yang mereka dapat 4 atau 5A yang tidak dapat masuk asrama penuh dan mereka kali ini diberikan peluang oleh Yayasan Selangor.

Jadi, dengan mengorbankan kedua-dua ATPN dan ATDI ini apa perancangan, sampai bila maksudnya akan dibina asrama yang baru ini di Kuala Kubu ataupun di mana-mana juga yang boleh menempatkan. Dan hari ini dalam jawapan-jawapan Dewan yang lepas saya lihat kerajaan memberikan jawapan bahawa mereka akan dihantar balik ke asrama-asrama kampung, asrama-asrama sekolah-sekolah biasa yang bukan itu sebenarnya menjadi tujuan utama Yayasan Selangor. Jadi, Y.B. Pengerusi saya nak mohon (ada tiga soalan yang saya hebahkan tadi) supaya dapat diberikan penjelasan.

Dan juga akhir sekali, saya juga nak bertanya mengenai tanah Yayasan Selangor yang satu ketika dulu pernah dibahaskan di dalam Dewan ini di kawasan Klang yang sudah diberi pemberimilikan kepada Yayasan Selangor tetapi sudah diambil semula melalui Borang 6A (diminta serah balik kepada kerajaan) untuk diserahkan kepada Pusat Kebudayaan Cina. Jadi, saya nak tanya bagaimana, apakah ada penggantian yang dibuat oleh pihak kerajaan kepada tanah yang diambil ini di Klang ini ditukar ataupun diberi tanah yang lain kepada Yayasan Selangor supaya Yayasan Selangor boleh terus memajukan sistem sektor pendidikan dalam negeri Selangor ini. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, saya benarkan Y.B. dari Permatang bertanya soalan ini. Tetapi soalan ini tidak ada kena mengena dengan pendidikan industri Yayasan Selangor. Tak ada. Tapi saya benarkan kerana boleh jadi saya kesian tentang keikhlasannya tetapi tidak tentu betul maklumatnya. Tapi yang ini, pendidikan industri Yayasan Selangor ini ialah untuk UNISEL. UNISEL (Universiti Selangor) ditubuhkan di bawah syarikat yang dipanggil Pendidikan Industri Yayasan Selangor. Dulu Yayasan Selangor campur dalam hal ini, lepas itu semua saham-saham ini telah dimasukkan ke bawah MBI. Tak ada lagi Yayasan Selangor. Nama saja lah. Tapi, dari segi pemilikan pun dia tak ada dah.

Dan kedua, mengapa kita kena bayar RM17juta tiap-tiap tahun. Ini tiap-tiap tahun, ini akan bertambah. Sebab UNISEL bina asrama secara apa yang dipanggil *built and transfer* (dia buat asrama tak ada *BOT*) dan mendapati tak boleh terbayar kerana sebab kos membayar tersebut tidak sanggup ditanggung oleh universiti itu sebab pendapatan yang dia dapat daripada hasil pembayaran pelajar-pelajar itu, hasil daripada pembayaran daripada pelajar-pelajar itu tidak cukup menampung untuk membayar kos-kos ini. Jadi, oleh sebab itu kerajaan negeri telah bersetuju mengambil alih semua hutang-hutang bank yang dihutang oleh UNISEL itu diambil oleh negeri dan negeri sekarang (RM17juta) itu membayar kepada bank-bank tersebut. Apa yang kita kata semua *capital cost* untuk pembinaan universiti ini akan dibiayai oleh negeri dan *operational cost* atau kos operasi akan dijaga oleh universiti dan pembayaran mereka adalah berasaskan kepada yuran-yuran yang dibayar oleh pelajar-pelajar. Itu sebab angka RM17 juta itu sudah kita masukkan. Tahun depan pun, boleh jadi kita RM17 juta juga. Kita hutangnya ialah RM160 juta ke RM170 juta. Untuk makluman Y.B. Permatang, perkara ini juga kita akan lakukan untuk KUIS dan Permatang mungkin terlibat dalam program ini. Itu sebab.

Jadi, walau bagaimanapun mengenai perkara Yayasan Selangor oleh sebab dia tak termasuk dalam bajet ini, saya nak sentuh sedikit. Walaupun tujuan kerajaan asalanya Yayasan Selangor dia tak termasuk dalam bajet kita sebab Yayasan Selangor tak perlu bajet dari negeri. Dia mempunyai, dia punya pendapatan dia sendiri dan saya sebagai pengerusinya menjaga dengan teliti tentang penggunaan dana tersebut. Tapi, untuk menunjukkan tumpuan kita dulunya Yayasan Selangor hanya menjaga tidak lebih daripada 2,000 pelajar dari desa untuk belajar di sekolah-sekolah di bandar supaya mendapat pendidikan yang secukupnya dan dapat esok kemudian menyaingi pelajar-pelajar di luar bandar. Seorang daripada pelajar Yayasan Selangor yang sudah berjaya ada bersama-sama dengan kita iaitu EXCO Kesihatan kita (Y.B. Dr. Daroyah) itu ialah daripada Yayasan Selangor.

Jadi, kedua yang nak saya terangkan. Walaupun kita berbangga, tapi dulunya Yayasan Selangor hanya menumpukan kepada 2,000 pelajar. Sekarang Yayasan Selangor sudah membiayai lebih daripada 5,000 pelajar. 5,000 pelajar. Yang dibanggakan ialah

jumlah pelajar yang kita lakukan dengan perbelanjaan daripada RM10juta menjadi RM30juta setahun. Jadi, sudah tentulah Y.B. Permatang sudah tanya. Jadi, menunjukkan kita jaga dana itu. Seperti yang kita lihat bangunan Bukit Bintang. Kita terpaksa tender semula sebab kita dapati nilai yang dikehendaki tidak dapat, tapi kita masukkan kos penender semula itu dalam kiraan kita untuk masa hadapan.

Akhir sekali, saya tidak menjawab. Saya akan minta pegawai Yayasan Selangor buat *report* untuk diedarkan kepada Dewan sebab untuk kita catitkan supaya jangan susahkan sangat. Dan Yayasan Selangor kalau Projek Kampung Pandan itu berjaya, akan mendapat pulangan lebih daripada RM400juta. Jadi, bukan. Ini bukan tidak kita memikirkan tentang masa depan anak-anak Selangor. Kalau dulunya (caranya) tanah itu tidak dibuat cara begitu diserahkan pada untuk diswastakan tapi tak tahu siapa yang akan dapat keuntungannya. Itu sebab. Jadi, jawapannya untuk pendidikan industri Selangor ini tak ada kena mengena dengan Yayasan Selangor walaupun ada namanya di sini dan RM17 juta itu akan berterusan untuk bayaran hutang yang sudah dibebankan kepada UNISEL.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Pengerusi, Rawang ingin

**TUAN SPEAKER:** Satu soalan pendek saja.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Ya, muka surat 84, kod 42000, perkara 2 (PADAT) dan juga 15 (TSSB). Tentang PADAT. Rawang ingin bertanya apakah perancangan kerajaan Selangor supaya kita boleh juga bekerjasama dengan komuniti tempatan untuk cari-cari *spot* (dengan izin) warisan daripada ada satu perancangan. Cuma daripada pihak kerajaan Selangor supaya warisan itu lebih pelbagai dan lebih *live* (dengan izin). Dan ada tak Bandar Batu Arang yang baru-baru ini digazetkan sebagai bandar warisan juga diletakkan dalam Jawatankuasa PADAT ini ataupun adalah satu projek khas yang lain?

Perkara 15 (TSSB). Rawang ingin bertanya apakah strategi memandangkan tahun depan adalah tahun melancong, melawat Malaysia dan juga untuk negeri Selangor. Dan adakah kita ada pegawai yang lebih ramai untuk menarik khasnya pelancong-pelancong dari negeri China dan Taiwan (sekarang merupakan China merupakan satu saya rasa satu kuasa melancong dan ekonomi yang amat kuat). Itu saja.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Puan Speaker, dan juga terima kasih kepada Y.B. Rawang. Secara ringkasnya memang kita ada beberapa tapak-tapak warisan di mana kita juga menggalakkan pihak komuniti ataupun masyarakat untuk

bersama-sama dengan kerajaan negeri untuk mencalonkan ataupun membuat kajian dan sebagainya. Jadi, Yang Berhormat telah sebut tadi Batu Arang. Memang Batu Arang dalam inventori tersebut. Bukan saja untuk inventori warisan, tapak warisan di negeri Selangor, tetapi satu kawasan yang amat berpotensi untuk pelancongan warisan.

Secara ringkas tentang TSSB. Kita setakat ini belum ada rancangan untuk menambah lagi pegawai-pegawai khususnya untuk menerajui negara China. Walau bagaimanapun, kita telah mempertingkatkan beberapa perjalanan untuk mempromosikan Negeri Selangor bersama dengan beberapa pihak swasta dan juga bersama dengan Tourism Malaysia.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB:** Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B2 iaitu wang sejumlah RM73,561,278.00 untuk kepala B2 (pelbagai perkhidmatan) menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B3 Dewan Negeri Selangor RM21,488,697.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Pengerusi. Kampung Tunku juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan yang melibatkan maksud bekalan B03 Dewan Undangan Negeri Selangor di bawah butiran program 505000

**TUAN SPEAKER:** Muka surat yang mana satu Yang Berhormat?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Muka surat 87. Biasanya saya akan sebut muka surat selepas saya sebut. Muka surat 87, butiran program 505000, kod objek (pentadbiran dan kewangan – 10000 emolumen). Terima kasih Puan Pengerusi kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan tentang perkara ini. Satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah tentang pengurusan Dewan Undangan (Dewan Negeri Selangor) di mana sebelum ini kerajaan telah pun mencadangkan bahawa akan mengadakan satu Enakmen Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor ataupun nama singkatannya SELESA. SELESA ini diwujudkan dengan satu tujuan untuk mengasingkan pengurusan dan juga perkhidmatan di Dewan Negeri Selangor ini daripada sektor perkhidmatan awam dan perkara ini adalah sesuatu yang memang patut dilakukan dari dahulu lagi. Cuma apa yang kita lihat sekarang ialah enakmen SELESA ini masih belum dibentangkan di dalam Dewan Negeri Selangor ini. Persoalan yang kita tanya dan saya rasa semua ADUN yang berada di sini juga ingin ataupun



sangat berminat untuk tahu ialah adakah kerajaan negeri Selangor akan bercadang membentangkan enakmen ini? Kalau bukan pada sesi kali ini, adakah ianya akan dibentangkan dalam sesi yang akan datang? Kerana sekiranya ia akan dibentangkan dalam sesi yang akan datang, makanya akan melibatkan peningkatan ataupun dari segi pembayaran emolumen. Apa yang saya lihat di sini untuk tahun 2013, bagi emolumen sebanyak RM10.6 juta telah pun diperuntukkan. Tapi untuk tahun

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat boleh berhenti sekejap?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula. Masa sudah menunjukkan jam 1.00 petang. Maka, saya tangguhkan Dewan sehingga jam pukul 2.30 petang nanti. Dewan ditangguhkan.

**[ Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari ]**

**(Dewan disambung semula)**

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa. Yang Berhormat Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi saya telah membicारा tentang emolumen di bawah Dewan Negeri Selangor ini dan saya telah menyebut tentang peruntukan yang sebenarnya telah kurang dari tahun yang lalu. Dan saya juga telah menyebut tentang Enakmen SELESA dan sekiranya kerajaan berhasrat untuk mewujudkan Enakmen Selesa ini, kalau bukan pada sesi kali ini maka saya berharap ia akan berjalan pada sesi yang akan datang. Dan sekiranya ianya dijalankan pada sesi yang akan datang, ianya akan dimasukkan dalam tahun 2014 dan dengan itu saya menjangkakan sebenarnya perbelanjaan untuk emolumen ini sepatutnya bertambah dan bukannya berkurang. Jadi saya ingin dapat meminta pendapat daripada Kerajaan Negeri Selangor dan meminta satu komitmen sebenarnya daripada kerajaan untuk mengadakan enakmen ini selewatnya-lewatnya pada tahun depan.

Kampung Tunku juga ingin membangkitkan tentang satu cadangan yang sebenarnya pernah dibangkitkan pada tahun lepas iaitu cadangan untuk mengadakan sidang dewan secara bulanan. Dan ini merupakan satu lawatan ataupun satu contoh yang Dewan ini belajar daripada Parlimen *Western Australia* dan ia merupakan satu cadangan yang bagus dan pernah juga dibincangkan saya kira di Mesyuarat EXCO tentang pelaksanaannya. Tetapi sampai sekarang kami masih belum mendengar apa-apa berita ataupun perkembangan terkini tentang cadangan ini dan saya berharap perkara ini juga dibawa kepada perhatian Yang Berhormat Kerajaan Negeri Selangor untuk dibincangkan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya cadangan-cadangan ini sebenarnya adalah berasal daripada banyak lawatan yang diadakan, banyak perbincangan yang diadakan oleh Ahli-ahli Dewan Negeri, antara PBC dengan rakan-rakan sejawatan di luar negara khususnya rakan-rakan kita di *Commonwealth Parliamentary Association* ataupun CPA. Di bawah pimpinan EXCO yang lalu iaitu Yang Berhormat Sungai Pinang, kami telah mendapat banyak peluang untuk memahami cara-cara orang lain mengendalikan Parlimen mereka. Dan saya juga bercadang di bawah bekalan ini supaya Kerajaan Negeri Selangor mempertimbangkan lebih banyak peruntukan diberi kepada para ADUN termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri dari kawasan pembangkang untuk menghadiri persidangan, seminar, *workshop* bengkel ini kerana saya rasa ini ialah tempat di mana kami sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri meningkatkan kemahiran kami untuk membaharui Dewan yang mulia ini dan juga untuk membawa pembaharuan-pembaharuan yang harus kita lakukan. Dan saya lihat dalam masa 5 tahun yang lalu usaha-usaha ini walaupun sedikit ianya telah membantu melonjakkan Dewan, melonjakkan status dan imej Dewan Undangan Negeri Selangor ke sebuah Dewan yang diakui oleh bukan sahaja di kalangan Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negeri di Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa di mana Dewan Negeri Selangor disebut oleh Setiausaha CPA dalam Persidangan CPA yang lepas di Afrika

Selatan. Disebut Dewan Negeri Selangor ini mendahului dewan-dewan yang lain dalam memperkasakan ADUN wanita, keterlibatan wanita dalam membuat keputusan. Saya rasa ini adalah satu, satu usaha yang baik dan oleh itu dalam saya membahas perkara ini, saya berharap Kerajaan Negeri Selangor boleh memberi lebih banyak peruntukan supaya ada Ahli Dewan Undangan Negeri boleh membuka minda dan meluaskan skop kerja mereka. Saya juga ingin membawa satu perkara tentang PAC iaitu Kelab Penyokong Kerajaan. Selain daripada menghadiri seminar-seminar di luar negara, di dalam negara, di dalam Negeri Selangor ini PAC juga sebenarnya mempunyai satu peranan yang sangat bagus sangat penting untuk dimainkan iaitu kami boleh menjalankan aktiviti bukan aktiviti riadah tetapi aktiviti yang boleh digunakan untuk mempertingkatkan kemahiran Ahli Dewan Negeri dalam membahas dasar-dasar Kerajaan Negeri Selangor. Dan saya rasa untuk melakukan itu PBC juga harus diberi peruntukan, diberi sedikit kuasa, diberi sedikit peruntukan untuk menjalankan program-program. Program seperti kursus, program-program seperti untuk mengenal tentang Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, program-program seperti bagaimana kita boleh meneliti semua penyata-penyata yang dibentangkan oleh syarikat-syarikat, anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Saya rasa program ini adalah bagus. Tak pernah ada rancangan untuk kita bangkitkan usaha ini tapi dalam masa 5 tahun yang lepas mungkin kerana kesuntukan masa dan sumber kewangan kita tidak dapat melakukannya. Jadi harapan saya di bawah Bekalan B03 ini, perkara ini juga dapat dilakukan walaupun sedikit. Jadi itulah ucapan saya di peringkat Jawatankuasa ini. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi..

**TUAN SPEAKER:** Mana-mana wakil kerajaan yang hendak menjawab.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kampung Tunku yang membangkitkan soal Dewan di mana saya adalah salah seorang Ahli Jawatankuasa yang mewakili Dato' Menteri Besar di dalam Jawatankuasa Pengurusan Dewan. Untuk berkenaan dengan isu Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor, Rang Undang-undang ini telah pun siap dan telah pun dikaji semula dan saya sendiri telah pun meneliti setiap peruntukan yang digubalkan dalam Rang Undang-undang tersebut dan telah pun dipanjangkan, dikemukakan untuk ulasan daripada Penasihat Undang-undang Negeri setelah kerajaan negeri, setelah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mendapat ulasan daripada Penasihat Undang-undang, maka kita akan bantangkan di Dewan ini dalam masa yang terdekat. Dan berkenaan dengan sidang bulanan, ini cuma adalah satu perkara yang dibincang secara tidak rasmi di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat setelah lawatan yang telah pun kita buat ke *Western Australia*, bukan sahaja *Western Australia* tetapi ke Melbourne dan Canberra. Belum ada lagi perbincangan yang rasmi di peringkat negeri ataupun di dalam Dewan ini. Berkenaan dengan seminar dan kursus, sesungguhnya kita telah pun menghantar wakil ADUN dan saya sendiri juga pernah menghadiri kursus ataupun seminar yang dianjurkan oleh CPA Cawangan United Kingdom dan setelah itu, selepas itu beberapa orang Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri ini termasuk Speaker, Tuan Speaker, termasuk Kampung Tunku, termasuk Mantan ADUN daripada Kajang, termasuk Tuan Timbalan Speaker telah pun dihantar untuk mengikuti kursus tersebut. Pada masa saya menghadiri

kursus tersebut, ianya adalah percuma. Kita cuma bayar tambang kapal terbang. Tetapi selepas itu disebabkan dasar bajet kerajaan negeri, Kerajaan United Kingdom kita juga telah bayar, tanggung semua yuran kursus. Itulah kesanggupan kerajaan untuk memberikan pendedahan kepada Yang Berhormat kita. Dan untuk cara yang mungkin lebih berkesan kerana itu bergantung pada jemputan. Dalam 4, 5 tahun yang lalu kita telah pun dijemput sebanyak 3 kali dan kita telah menghantar 5 orang. Tapi atas jemputan ini, dia ada kekangannya kerana dia lebih kepada orang baru. Wakil Rakyat yang baru atau Speaker yang baru. Oleh itu, telah pun dibincangkan secara tidak rasmi juga mungkin apa yang kita akan lakukan ialah kita buat seminar di sini dan kita menjemput, menjemput wakil daripada United Kingdom, Australia dan juga negara-negara Komanwel yang lebih maju. Jadi tak dapat ke luar negeri tapi yang pengetahuan luar negeri boleh di bawah balik juga. Itu satu caranya. Berkenaan dengan PAC, sebenarnya kalau mengikut tradisi dalam negara-negara Komanwel tidak ada Pertubuhan PBC. Ini cuma khusus untuk Malaysia dan sekiranya dilihat juga prinsip Dewan sebagai satu badan yang bebas memang tidak adil kalau kita hanya beri kemudahan kepada PAC. Kemudahan harus dibuka kepada semua ADUN tidak kira penyokong kerajaan ataupun pembangkang. Jadi saya kira ini boleh kita tangguhkan sedikit kalau kita nak buat kursus ataupun seminar dan kita serahkan kepada Jawatankuasa Pengurusan apabila ataupun kepada Suruhanjaya Perkhidmatan apabila Rang Undang-undang diluluskan. Dan buat masa ini juga dalam Jawatankuasa Pengurusan juga kita tidak membincangkan, memberi kemudahan yang khusus untuk PAC kerana itu tidak adil. Kerana dalam Jawatankuasa Pengurusan itu sebenarnya kita juga melantik Wakil pembangkang di dalam Jawatankuasa Pengurusan. Jadi kita juga perlukan anjakan paradigma dalam perkara ini. Dan sama ada kita nak buat memberi peruntukan yang lebih, saya rasa itu buat masa ini ia akan dicadangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan akan diserahkan untuk keputusan di peringkat EXCO tapi selepas lulusnya Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Dewan Negeri ataupun Selesa ini maka ia adalah hal ehwal Dewan itu sendiri yang akan diputuskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Dewan yang terdiri daripada Speaker dan juga terdiri daripada ADUN-ADUN daripada pihak pembangkang dan juga penyokong kerajaan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Taman Medan ingin menyentuh hal berkaitan di bawah Butiran 55 ribu, muka surat 88 bawah tajuk, bawah KOD 11 ribu, gaji dan upahan dan juga 12 ribu, elaun tetap. Seperti mana yang disebutkan oleh rakan saya sebentar tadi, salah satu juga amalan negara-negara maju adalah banyaknya Jawatankuasa Pilihan yang telah dibentuk. Dan saya lihat Jawatankuasa Pilihan yang telah dibentuk di dalam Dewan Undangan Negeri ini telah memainkan peranan mereka. Dan dalam usaha ataupun peranan mereka sebuah jawatankuasa pilihan yang bertanggungjawab, mereka perlu melakukan siasatan dan juga pemantauan. Dan dengan itu terdapat juga keadaan di mana mereka terpaksa pergi ke tempat-tempat lain hatta di dalam negeri dan juga di luar negara.

Jadi apakah terdapat pemberian elaun di situ untuk pelaksanaan jawatankuasa yang berkaitan? Yang keduanya, seingat saya dalam penggal yang lepas, kerajaan ada berjanji untuk menyelaraskan elaun-elaun tetap bagi Ahli Jawatankuasa Pilihan selain daripada Jawatankuasa Kira-kira Awam. Jadi apakah status kedudukan elaun tersebut yang telah dinyatakan di dalam penggal yang lepas?

Taman Medan juga ingin mengucapkan terima kasih kerana setiap ADUN diberi penambahan kakitangan bagi kawasan termasuk dengan elaun bagi kakitangan di kawasan. Hanya satu perkara yang Taman Medan fikirkan kakitangan tersebut hanya menerima elaun tetapi tidak mendapat hak seperti mana mereka terima dalam penggal yang lepas sama seperti penjawat awam yang lain. Jadi mohon penjelasan daripada kerajaan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Kejap, saya memberi pihak kerajaan peluang untuk menjawab dahulu.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ia terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih kepada Taman Medan. Ia, Jawatankuasa Pilihan ini sebelum ini amalannya, ia ditubuhkan oleh pihak eksekutif. Ia bermula daripada pihak eksekutif. Tapi mulai tahun 2008 pihak negeri, pihak Dewan Negeri yang mengambil inisiatif melalui Tuan Speaker. Dan sekarang, dengan tertubuhnya Jawatankuasa Pengurusan Dewan ini maka cadangan untuk menubuhkan apa-apa jawatankuasa sekalipun bolehlah dicadangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Dewan yang dipengerusikan oleh Tuan Speaker sendiri dan kemudian dari situlah prosesnya bermula. Jadi ini merupakan satu langkah ke hadapan sebelum kita mencapai tahap mengadakan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri itu sendiri. Dan berkenaan dengan penyelarasan elaun mesyuarat untuk Jawatankuasa Dewan, sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah pun meluluskan cadangan daripada yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Dewan, di mana setiap pengerusi, pengerusi akan menerima maksimum tidak melebihi RM2,000.00 dalam menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa. Sementara bagi Ahli Dewan Negeri, RM1,000.00 maksimumnya. Bererti setiap kali mereka menghadiri mesyuarat, mereka akan layak mendapat RM250.00 tapi maksimumnya kalau dikatakan ada 2 atau 3 jawatankuasa, maksimum yang boleh dituntut adalah RM1,000.00. Jadi itu adalah penjelasan, sudah tentu itu adalah satu penambahbaikan berbanding dahulu dengan RM75.00. Jadi saya rasa dengan penambahan sebanyak 4 kali ganda ini, ini dapat memuaskan kehendak-kehendak atau permintaan daripada ADUN-ADUN sekalian. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI:** Ya. Saya ingin merujuk kepada 50502, 10000 dan 20,000 berkaitan dengan emolument dan perkhidmatan dan bekalan.

**TUAN SPEAKER:** Muka surat berapa Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI:** 47. Saya lihat pegawai-pegawai yang ada di Dewan ialah Pegawai Tadbir khususnya Pegawai Tadbir dan diplomat. Ada cadangan-cadangan sebelum ini supaya ada disediakan Pegawai Penyelidik, *Reseacher* di sediakan di Dewan supaya Adun-adun boleh mendapat khidmat mereka untuk membuat kerja-kerja penyelidikan bagi memastikan keberkesanan Adun dalam menyediakan bahan-bahan untuk Dewan ataupun untuk memberikan pandangan. Jadi saya minta pandangan supaya Dewan ada juga disediakan Pegawai Penyelidik.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya.....ya.....

**TUAN SPEAKER:** Ya Sungai Pinang

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Pengerusi, sebenarnya Dewan telah pun melantik apa ni....*reseacher* ataupun penyelidik di bawah pejabat Speaker. Dan saya dimaklumkan bahawa bilangan ini akan ditambah sebab masa ni ada seorang telah pun dilantik dan bukan senang untuk menjadi penyelidik, saya telah pun dimaklumkan oleh Tuan Speaker bahawa iklan telah pun dibuat di *website* dan walaupun ada seramai enam ataupun tujuh orang yang datang untuk membuat temu duga tapi yang layak, yang difikirkan layak buat masa ni ada seorang sahaja kerana kita memerlukan orang yang lebih pengalaman bukan orang yang mempunyai kelayakan akademik sahaja. Jadi proses ini akan terus dijalankan dan saya berharap selepas SELESA ini diluluskan maka apabila Dewan mempunyai autonomi mempunyai kuasa untuk mentadbir urusan Dewan sendiri maka mungkin di masa itu peruntukan boleh ditambah boleh dibuat kepada Dewan ini kerana Y.B. sekalian yang akan meluluskan peruntukkan tersebut. Buat masa ini memang masih di bawah kawalan MMKN. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekinchan ingin juga mengambil perbahasan ya .....mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai 505000 muka surat 88 ya berkaitan dengan gaji dan upahan. Saya ingin menarik perhatian Dewan Tuan Pengerusi berkaitan dengan soalan-soalan pertanyaan bertulis yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan Negeri setiap kali persidangan. Kita sedia maklum bahawa setiap kali per.....setiap tahun kita mempunyai tiga kali persidangan di mana mengikut peraturan 22(2) Ahli Dewan dikehendaki menghantar soalan 21 hari awal untuk diproses oleh pihak urus setia Dewan dan jabatan-jabatan. Saya meminta dalam konteks ini jawapan soalan bertulis dan sebagainya dapat dikemukakan lebih awal kepada ahli-ahli Dewan untuk dijadikan rujukan. Buat sementara ini walaupun ada penambah baik, tapi saya nampak masih, masih ada kekangan di mana setengah-setengah soalan kurang-kurang tiga bulan.....dua bulan.....ha...ini pengalaman saya, saya untuk nak beritahu Dewan supaya benda ini dapat dikemaskinikan ha....saya yakin kalau seluruhnya ....seluruh anggota pentadbiran dapat ....jabatan dapat memberi kerjasama ini dapat dilakukan supaya ADUN sama ada daripada pihak

pembangking dan kerajaan dapat meneliti jawapan-jawapan dan memberi input yang lebih bernas dalam perbahasan. Itu satu. Yang seterusnya saya juga dalam konteks kita merakyatkan ekonomi dalam konteks kita menjaga kebajikan, saya berterima kasihlah kepada pihak Kerajaan Negeri kerana telah memberi signal hijau.....lampu hijau untuk menyemak semula elaun ahli-ahli Dewan....ini saya ucapkan terima kasih dahulu. Kemudiannya saya juga pada masa yang sama nak ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah menamban peruntukkan RM100,000.00 kepada ahli-ahli Dewan dalam akhir-akhir tahun ini ucapkan terima kasih dan saya nampak lebih proaktif pihak pegawai-pegawai kewangan kerana pada kali ini sekarang saya dimaklumkan sehari dua lagi sudah sampai ke.....duit itu sudah sampai ke pejabat, boleh diguna pakai oleh ahli-ahli Dewan. Ini...satu luar biasa, suatu tindakan keberkesanan yang luar biasa. Saya ucapkan tahniah kepada kakitangan Kerajaan khususnya pegawai-pegawai PWN. Saya yakin sekiranya kerjasama yang baik dilakukan sebegini Selangor lah peneraju bukan saja dewan, peneraju pentadbiran dan peneraju segala-galanya di negeri Selangor dan termasuk peneraju ekonomi. Maka pada masa yang sama saya juga ingin meminta penjelasan daripada kerajaan khususnya dengan kebajikan pekerja-pekerja kakitangan sektor awam ini saya pernah bangkit dalam perbahasan dasar saya mengenai mereka juga dibelenggu oleh kenaikan harga minyak ni sebab Barisan Nasional tak prihatin naik harga minyak ramai orang susah sampai ada terpaksa naik basikal pun ada. Ha, ini yang berlaku, jadi saya harap Kerajaan Negeri dapat peruntukkan sedikitlah insentif ataupun bonus sebulan ke setengah bulan kepada kakitangan seluruhnya di Negeri Selangor supaya Selangor ini merakyatkan ekonomi untuk semua bukan saja rakyat termasuk juga kakitangan. Ini yang saya minta. Dan seterusnya saya pernah banyak kali bangkit dalam Dewan ini berkenaan dengan ramai kakitangan kita yang statusnya kontrak .....statusnya kontrak...ya...ada yang sampai gred....kerja lima belas tahun, dua puluh tahun, N41 pun ada. Kontrak lagi. Saya minta Kerajaan kena semak betul-betul sama ada kita "bisa"...bisa enggak dengan izin ya, boleh ke tidak, boleh ke tidak diserap sebagai pekerja tetap. Ini akan menjaga kebajikan mereka supaya mereka lebih, dapat kerja dengan lebih kuat untuk kerajaan ya, dapat beri perhatian yang sepenuhnya kerana kalau tidak mereka banyak kemudahan mereka tak dapat. Saya tahu.....

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan kita tengah bahas pasal Dewan dengan negeri ya,,,,,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ini Dewan pasal pekerja-pekerja Dewan la ni. Ini berkaitan relevan, Tuan Pengerusi, ini relevan. Dia berkaitan rapat, rapat dengan pekerja-pekerja Dewan dan juga saya dimaklumkan sering kali saya pernah dua tiga kali dalam penggal yang lalu berkaitan dengan OT atau pun kerja lebih masa daripada bentara-bentara Dewan ni pekerja-pekerja Dewan ini yang setiap kali sidang dua minggu....dulu di Negeri Selangor lain, zaman Barisan Nasional Tuan Pengerusi sidang dia dua hari tiga hari sahaja. Jadi kerja dia tak berat. Setengah hari habis pun ada. Tapi di zaman pakatan rakyat ADUN-ADUN proaktif, kerja kuat dulu pembangkang penggal yang lepas teruk sangat, tengah hari dah hilang. Tapi kali ini oleh kerana elaun ada tambah ketua pembangkang kita ini kali Ketua Pembangkang kita naikan elaun pemberi pengiktirafan mereka pun ada, sekurang-kurangnya ada tak hilang semua. Aa...ini satu peningkatan. Satu peningkatan dalam memperkasakan demokrasi Dewan

Negeri Selangor. Ini saya minta penjelasan daripada Dewan supaya hak kakitangan ini yang status kontrak ini dapat dikaji dan elaun-elaun tambahan untuk Bentara dan sebagainya telah lama tidak dikaji....ya...Ini perkara yang cukup penting dan saya tengok amat wajar oleh kerana kos saran hidup yang sebegitu tinggi. Satu lagi perkara oleh kerana saya ada masa sepuluh minit saya nampak, nampak pemandu-pemandu, ramai pemandu-pemandu Menteri Besar, EXCO, mereka kerja siang malam, orang di hadapan, mereka perlu rehat yang cukup perlu apa....*stamina* yang baik untuk bawa EXCO, bawa Menteri Besar ke mana-mana, jangan ada sesuatu kesilapan, tak boleh, *single* kesilapan pun tak boleh, sebab penting untuk Negeri Selangor, inilah mereka kita letak harapan, rakyat letak harapan kepada kita. Pemimpin yang kita letak harapan. Jadi pemandu EXCO itu penting. Hak dan kebajikannya pemandu itu kita kena jaga. Saya difahamkan tuntutan elaun khas pemandu RM150 dulu pun tak dapat elaun khas untuk pemandu dan gaji mereka RM1,640.00 gaji pokok sudah lama tidak disemak. Kalau boleh saya minta jasa baik kalau ada disemak menyeluruhnya supaya mereka kerja tenang, fokus 100% untuk membawa, ya membawa EXCO kemari kesitu untuk *sharp* masa pun tepat sampai ke tempat mesyuarat. Jangan oleh kerana gaji dan sebagainya *attitude* kerja yang tidak baik orang kampung tunggu dalam satu majlis dua jam EXCO tak sampai....aa....ada saya nak bagi tahu dua tiga jam tak sampai. ADUN tengok pun satu macam apa ini satu tabiat satu teladan yang tidak baik. Saya kena teruk. Oleh yang demikian gaji *driver* itu, pemandu itu kita kena jaga kita kena pertahankan dan SOCSO.....mereka tak ada SOCSO. SOCSO pun “elek” dengan izin “elek” ....aa..Tamil. SOCSO pun tak ada.....”orak eneng” dengan izin....tak ada. Jadi saya minta ini seluruhnya dikaji ya....dan kemudahan insurans untuk pemandu kita tak ada. Sekarang di Pusat saya diberitahu CUEPACS ada jenis apa CUEPACS Care, CUEPACS Care yang dimana bukan kerajaan bayar dipotong gaji dia, RM190.00 RM490.00 ada. Aa..ini kita boleh bekalkan supaya keselamatan mereka, kebajikan terjaga, keselamatan terjaga, mereka tumpu 100% berkhidmat untuk Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI:** Mencelah sedikit.....

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan nak bagi ke, tinggal lagi satu minit.....

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI:** Apa pandangan Sekinchan tentang *driver-driver* ADUN ni. Ada tak boleh semak peruntukannya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Y.B. Kota Anggerik. Yang itu kita kemudiannya sebab kita pentingkan EXCO. Kalau tanpa EXCO mana ada kita. Kita perlu Selangor ditadbir urus dengan baik....Kemas dulu, kemas dulu EXCO dulu...ha...ini yang kita minta. Yang keduanya....yang ketiga....ketiga...boleh pula dua ya...

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Sekinchan, mencelah sekejap, mungkin layanan yang sama perlu diberi kepada kakitangan kawasan juga Sekinchan berkaitan dengan SOCSO dan sebagainya.



**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Taman Medan, memang kakitangan kawasan pejabat tu SOCSO pun tak ada. Jadi Y.A.B Tan Sri mesti kena minit dulu. Perkara yang kedua terakhir dalam masa kecemasan ini berkenaan dengan pengurusan pejabat ADUN dan juga gaji-gaji elaun pegawai pejabat. Sekarang kita Selangor kita bagi RM10,000.00 untuk elaun pejabat dan pegawai-pegawai di kawasan. Tetapi kita banding....jika kita banding dengan Pulau Pinang, Pulau Pinang pulau Mutiara tapi dia kecil, kita besar, Selangor peneraju. Dia RM16,000 bagi supaya gaji kakitangannya boleh dibagi bonus dengan baik.....RM16,000, kita sepuluh, jadi ini perlu kita kaji. Selangor peneraju segala-galanya kita tidak boleh belakang di bawah Pulau Pinang. Ini pantang sekali dicabar. Betul!!!! Dan seterusnya.....

**TUAN SPEAKER:** Ok habiskan Sekinchan, yang terakhir ya....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Buat yang terakhir untuk saya tutup. Memandangkan kita sudah mengiktiraf kedudukan Ketua Pembangkang di Negeri Selangor kita tengok Ketua Pembangkang sekarang walaupun hari tu ada sedikit konflik dia keluar tapi datang juga. Aa...ini bagi satu pujian ini. Datang juga....aa...ini ....oleh kerana kita mengiktiraf kedudukan pembangkang, bagi elaun lebih, kita kena tambah lagi, tambah apa, saya nak memperjuangkan untuk kawan-kawan pembangkang ini, kita nak suburkan demokrasi, kalau boleh pada tahun akan datang bajet kita, pembangkang dua belas ini walaupun ada ramai yang tak proaktif, tak datang kita kena bagi....ya betul.....tengok.....ramai tak datang kosong, saya tak tuduh tak fitnah, tak boleh fitnah dalam Islam ya....tak boleh.....tak boleh.....jadi...mereka...ini...yang terakhir....yang terakhir...untuk gulung...untuk gulung pulak...yang terakhir, mereka ini dipertimbangkan untuk bagi peruntukkan 50% pendahuluan supaya mereka ini tengok boleh kerja ke tak boleh, kalau boleh kerja jaga rakyat barulah kita teruskan. Permulaan 60% peruntukkan setiap tahun bagi pada pembangkang. Ini Selangor boleh lakukan, tidak pernah ada orang lakukan, Selangor sahaja. Selangor peneraju Ekonomi peneraju, Dewan peneraju, pentadbiran peneraju. Segala-galanya Selangor *number one*. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ok....Sekinchan..aaa...pihak Kerajaan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya tuan pengerusi, terima kasih kepada Sekinchan. Semangat dia berkobar-kobar. Tapi dalam masa kita bersemangat berkobar-kobar ni kita juga harus rasional. Kita kena menunjukkan teladan yang baik bahawa Dewan ini ahli-ahli Y.B. sekalian berupaya untuk menguruskan kewangan dengan baik. Nak minta kita tak payah uruskan senang. Bila kita nak uruskan aa...itu soal lain. Jadi memandangkan Dewan ini akan ke arah memberi kuasa mengurus sendiri Pentadbiran Dewan maka kita kena belajar dari sekarang juga. Jadi oleh itu saya mencadangkan memandangkan penggal ini Dewan ini telah pun menubuhkan jawatankuasa pengurusan Dewan isu-isu ini sepatutnya dikemukakan kepada jawatankuasa itu untuk dibincangkan sebelum dibawa ke sini. Seperti isu elaun mesyuarat untuk jawatankuasa pemilihan memang telah pun dibincangkan dengan sedalam-dalamnya dan kemudian diputuskan dibawa ke EXCO, tidak adapun bantahan di peringkat EXCO sebab dia telah pun dibincangkan diputuskan oleh jawatankuasa

pengurusan. Saya rasa lebih baik semua perinci-perinci nya....butir-butir dibincang di peringkat itu sebelum dibawa ke EXCO. Jadi adalah kajian dibuat dengan lebih mendalam supaya kita tidak melihat kepada angka sahaja. Soalnya....bukannya soalan, memang benar bahawa kalau mengikut peraturan 22 dimana soalan perlu dikemukakan 21 hari sebelum Dewan tapi tidak ada, tidak ada peruntukkan mengatakan bilakah ia akan disampaikan kepada ADUN. Jadi, yang Cuma untuk soalan secara mulut ia mestilah dijawab dalam sidang Dewan. Kemudian yang tidak terjawab dalam sidang Dewan maka dikehendaki dijadikan sebagai soalan bertulis yang akan dihantar selepas Dewan. Jadi begitu juga buat masa ini soalan untuk bertulis juga memang dihantar selepas kebanyakannya selepas dewan.

Walau bagaimanapun saya memahami bahawa mungkin masa yang diambil itu terlalu panjang kita akan cuba di peringkat pentadbiran untuk memendekkan tempoh tersebut tetapi juga saya meminta juga kadang-kadang soalan yang ditanya itu dalam satu soal itu melibatkan terlalu banyak jabatan umpamanya ADUN yang meminta perangkaan daripada 12 PBT jadi bayangkanlah pegawai kita di UPEN kena menghubungi 12 PBT untuk mendapat jawapan dan itu bukan kerja senang sebab ada yang belum dapat di peringkat PBT pun masih belum ada rekod tersebut kerana soalan kadang-kadang soalan yang tidak pernah ditanya sebelum ini. Jadi itu juga harus diambil kira, walau bagaimanapun kita berjanji akan kita membuat penambahbaikan dalam soalan menjawab menghantar jawapan kepada ADUN-ADUN. Kemudian pegawai kontrak saya juga cadangkan supaya dibawa ke Jawatankuasa Pengurusan sebelum di bawa ke peringkat ini tetapi soal SOCSO saya dimaklumkan bahawa sememangnya telah pun dibayar SOCSO ya, tetapi jangan risau sangat kalau tak ada SOCSO sekalipun disebabkan majikannya adalah kerajaan Negeri, maka dari segi kemudahan perubatan yang diberikan memang ditanggung oleh kerajaan Negeri sekiranya berlaku apa-apa kemalangan dalam masa mereka menjalankan tugas. Itu memang sebab itu kereta kerajaan tidak ada insurans sebab kerajaan sanggup atau mampu membayarnya.

Berkenaan dengan, ya sama juga soal elaun untuk pejabat di DUN termasuk juga kemudahan kepada anggota-anggota yang bertugas di pejabat DUN saya juga berharap perkara ini dikemukakan ke Jawatankuasa Pengurusan disediakan butir-butir lengkap sebelum kita membuat keputusan. Berkenaan dengan peruntukan kawasan 50 peratus kepada pembangkang pada dasarnya saya rasa tidak ada masalah cuma kalau dengan dasar yang sedia hari ini kawasan pembangkang juga telah sebenarnya telah di peruntukan diberikan peruntukan yang jumlahnya sama dengan kawasan-kawasan penyokong kerajaan, sekiranya kita memberikan 50 peratus lagi peruntukan kawasan kepada kawasan pembangkang bererti di kawasan pembangkang dia dapat 50 peratus lebih tinggi peruntukan dari kawasan penyokong kerajaan. Jadi itu tidak adil kepada penyokong kerajaan, maka kalau kita hendak melaksanakan 50 peratus peruntukan kawasan juga diberikan kepada Ahli Pembangkang maka kita akan tolak daripada penyelaras-penyelaras sekarang ini 50 peratus yang di peruntukan kepada penyelaras itu akan diberikan kepada pembangkang, jadi saya juga berharap perkara ini dapat dikemukakan ke Jawatankuasa Pengurusan dibincangkan dengan sedalam-dalamnya sebelum dibawa untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Mohon .....

**TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, erk.. Sekinchan,

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** ..... jika kita satukan tidak boleh

**TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Sekinchan, saya mintak duduk

**TIMBALAN SPEAKER:** Jadual B. 3 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Dua Puluh Satu Juta, Empat Ratus Lapan Puluh Lapan Ribu, Enam Ratus Sembilan Puluh Tujuh (RM 21,488,697.00) untuk Kepala B. 3 Dewan Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B. 4 – Perbendaharaan Negeri, Ringgit Malaysia, Seratus Lapan Puluh Lima Juta, Lima Ratus Empat Puluh Lima Ribu, Lapan Ratus Enam Puluh Lima (RM 185,545,865.00)

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tuan Pengerusi...

**TIMBALAN SPEAKER:** Ya. Bukit Gasing

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Daripada muka surat 95 saya ada sedikit pertanyaan berkenaan kod 42000 pemberian dalam negeri di mana ada satu peningkatan yang agak besar daripada 2.8 juta hingga 3.8 juta. Mohon sedikit penjelasan kegunaan pemberian dalam negeri untuk B. 04 ini.

**TIMBALAN SPEAKER:** Ya, wakil kerajaan. Ya Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, ini ialah peruntukan pemberian air percuma yang kita harap dia tidak berlaku tetapi kita buat peruntukan sebab kita jangkakan kalau semua selesai Insya-Allah dia berlaku pada hujung tahun tapi kita beri 6 bulan sampai Jun sebagai kontingensi dan kita buat peruntukan untuk perkara ini.

**TIMBALAN SPEAKER:** Ha.... ya..

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Adakah ini sama dengan kod 42000 pada muka surat seterusnya, muka surat 96 di mana terdapat RM8.25 juta serupa.

**Y.B. PUAN TIEW WANG KENG:** Soalan Tuan Pengerusi.

**TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Teratai

**Y.B. PUAN TIEW WANG KENG:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat yang ke-96, di mana ada beberapa perkara yang di mana tidak wujud dalam peruntukan 2013 yang mana saya rujuk kepada kod 505001 iaitu 11000 dan juga kod 505002 yang mana dua (2) perkara 28000, 29000 dan juga berkenaan dengan kod 507002 butiran iaitu di bawah kod 42000 dan saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kalau kita merujuk kepada muka surat ke-99 di mana berkenaan kod 10010 iaitu saya nampak di sini Kerajaan Negeri memang tidak ada pinjaman daripada Persekutuan. Jadi saya mohon Kerajaan Negeri memberi maklum balas. Terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER:** Wakil kerajaan

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Kita juga mesti ingatkan kita ada pinjaman dari Persekutuan tapi itu pinjaman dalam bentuk yang sudah kita lakukan iaitu pinjaman kerajaan Persekutuan ialah kedudukan pinjaman Kerajaan Negeri:-

1. Projek bekalan air sejumlah 775.6 juta tapi ini kita akan bayar ataupun kita akan lunaskan apabila penyusunan industri air dilaksanakan;
2. Kita juga diberi pinjaman untuk menyelesaikan masalah Amanah Saham Anak Selangor sebanyak 20 juta dan kita mengadakan pembayaran;
3. Ialah kita telah diberikan pinjaman untuk pembelian tanah Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, itu jer, dan kedua tentang dia butiran mengenai 4200 507002 iaitu tambahan tahun 2013 tak ada tapi 2014 ada, iaitu 31 juta iaitu *right-off* kita dah proses susut nilai dan penambahan perkhidmatan hospitaliti yang kewangan *right-off eight hundred thousand* penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli. Itu pun kita buat *probation* sekarang. Dulu tak ada *probation* untuk *maintenance* sekarang kita ada buat *probation* untuk *maintenance* supaya kita tak banyak *right-off*.

**TIMBALAN SPEAKER:** Jadual B. 4 – iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Seratus Lapan Puluh Lima Juta, Lima Ratus Empat Puluh Lima Ribu, Lapan Ratus Enam Puluh Lima (RM 185,545,865.00) untuk Kepala B.4 Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.5 – Caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun, Ringgit Malaysia, Seratus Dua Puluh (RM120.00)

**TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih. Tuan Pengerusi Sekinchan ingin mengambil bahagian dalam Vot B.5 – Caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun di mana 505000 muka surat 104 berkaitan pentadbiran dan kewangan 42000 pemberian dalam negeri. Saya ingin menyentuh dalam konteks bandar raya Majlis Bandaraya Shah Alam di mana perkhidmatannya saya nampak Majlis Bandaraya Shah Alam satu ibu negeri untuk negeri Selangor simbol kebanggaan untuk seluruh rakyat negeri Selangor tetapi pada masa yang sama saya nampak ada sedikit kelemahan perlu untuk di naik taraf walaupun sekarang ini secara keseluruhannya kita amat puas hati tetapi masih ada lagi kelemahan antaranya yang saya nampak adalah di setengah-setengah kawasan jalan-jalan ya, yang tidak diselenggarakan dengan begitu baik adalah jalan-jalan termasuk di bulatan ya, bulatan pun ada lekok-lekok dan sebagainya. Ha... ini sebagai satu Bandaraya pihak Bandaraya Shah Alam perlu ambil maklum pihak kerajaan ambil maklum kerana kalau ini akan menjejaskan imej kita kerana Shah Alam juga merupakan kawasan tumpuan ya... tumpuan pelancong–pelancong daripada Timur Tengah ramai pelancong Timur Tengah dan seluruh dunia datang ke Shah Alam, jadi kalau imej ini kita perlu jaga, itu satu.

Yang keduanya, dari segi pembersihan sampah-sampah ada sesetengah kawasan kebersihan sampah nya cukup baik ha... cukup baik tak ada masalah dari segi sampah nya, tetapi oleh kerana Shah Alam ini besar saya maklum tetapi masih ada kawasan seperti di kawasan perindustrian di Jalan Keluli, Seksyen 7, Shah Alam, saya nampak masih ada longgokan-longgokan sampah yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab tetapi pembersihan nya yang dilakukan oleh kontraktor pihak Majlis Bandaraya Shah Alam ini masih perlu diperbaiki kerana saya nampak ianya akan menjejaskan imej itu yang keduanya, ketiganya saya nampak juga banyak bukan sahaja di Shah Alam banyak apa *compactor-compactor*, kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh pihak PBT ini mereka bekerja bagus ada penambah baik daripada dulu tetapi masalahnya *compactor operator compactor* itu mereka sering kali bersama pekerjanya membawa longgokan sampah yang mereka boleh *recycle* kitar semula dan longgok-longgokkan di lori dan sering kali saya ikut di belakang saya bagi contoh, saya ikut di belakang jatuh gugur jatuh di tengah jalan satu paket, satu paket ini amat mencemarkan apa imej di mana-mana sama ada di Shah Alam. Ini perlu ada satu dasar, ada satu undang-undang supaya mereka ini walaupun ada nak kitar semula itu lain cerita tetapi kena pastikan tidak jatuh merata-rata di tepi jalan, ha.. ini tiba-tiba kita pemandu di belakang jatuh sepaket besar kemudian dilanggar, dilanggar, dilanggar, ha... bertaburan seluruhnya. Ha... ini mencemarkan imej, itu yang kedua.

Yang ketiganya, saya nak masuk Majlis Daerah Sabak Bernam, nombor sepuluh (10) ini yang saya nampak di sini secara saya nampak Majlis Daerah Sabak Bernam ini satu Majlis yang kita sedia maklum lah selama ini dia oleh kerana di Daerah Sabak Bernam ini kurangnya industri perusahaan ya, pembuatan kilang-kilang dan kutipannya tidak seberapa setiap tahun menanggung defisit dan setiap tahun mempunyai defisit yang tinggi. Oleh yang demikian, dia perlu, perlu penjagaan perlu keprihatinan daripada kerajaan negeri memberi geran-geran tambahan dan tadi saya terlepas sebenarnya tadi dalam perbahasan Menteri Besar saya terlajak sedikit nak bangun dah ter... ter... saya

tengok tadi ya... saya sentuh sedikit sahaja walaupun dia terkeluar sikit ya... saya nampak peruntukan...

**TUAN SPEAKER:** Mohon Jawatankuasa, Jawatankuasa perlu '*specific*'

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Jawatankuasa-jawatankuasa saya tahu, dia terlepas sikit makna saya tengok PBT ini cuma di peruntukan PBT ini besar 12 buah tempat nak dijaga dia bagi seratus ribu (100 ribu) tadi saya tengok yang sebelah tadi yang terlepas seratus ribu (100 ribu) saya tengok pendidikan, pendidikan tingginya, Modal Insannya, pendidikannya 100, 100, 100, 300 ribu, saya tengok perindustrian industri 300 ribu, tiga (3) tempat, 3 subjek tiga (3) tempat, PBT satu (1), ini pihak kerajaan kena ubah sebab PBT ini besar, nak jaga Sabak Bernam pun satu masalah sebab miskin.

**TUAN SPEAKER:** Balik, balik kepada Jawatankuasa sekarang, ya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Nak balik, nak balik dia pusing cepat nak balik ke Sabak Bernam. Di Sabak Bernam saya nampak prestasi perkhidmatan bagi Majlis Daerah Sabak Bernam ini masih kurang memuaskan secara keseluruhannya walaupun ada penambahan saya minta pekerja-pekerja khususnya pembersihan itu dapat dikendalikan dengan lebih baik walaupun pekerja-pekerja kita banyak gunakan tanggungan *outsourc*e, banyak guna sendiri itu perkara yang baik tetapi kita kena pantau daripada masa ke semasa khususnya di kawasan Sekinchan. Pengutipan dan pembersihan sampah masih ada masalah khususnya hari Sabtu, hari Ahad, selalunya sampah bertaburan seolah-olah tidak dibersihkan ini mencemarkan imej Sekinchan. Sekinchan menjadi satu destinasi pelancongan, eco-pelancongan yang begitu hebat di kawasan Sabak Bernam ini, jadi mencemarkan imej. Lagi satu perkara yang cukup penting saya nak bangkitkan di dalam dewan yang mulia ini mana bukan salah Daerah Sabak Bernam di mana ada satu pengusaha yang degil, pengusaha di bawah Majlis Daerah Sabak Bernam siapa dia. Seorang pengusaha namanya Sekinchan *Resort*, skim *resort* berada di Bagan Sekinchan, dia buat satu *resort* besar dalam tanah kurang daripada 3 ekar tanahnya di kawasan Sekinchan. Dilot, ini ada saya lot, seluas 2.6 ekar lot PT 371 HHD 2813, PT358 HHD 3021 ketiga-tiga empat lot ini campur lebih kurang 2.6 ekar di Bagan Sekinchan. Didirikan skim *resort*, saya mengalu-alukan sama ada dia Melayu, dia Cina, dia India, pengusaha yang memajukan pelancongan di Sekinchan saya mengalu-alukannya. Akan tetapi saya nampak secara teliti dia langgar semua syarat-syarat termasuk ceroboh tanah JPS, ceroboh dan bina bangunan di situ. Tinju yang besar dan tinggi di situ kelulusan, menara tinjau, tinjau pulak nak panggil naik menara tinjau di Sekinchan nampak cantik tetapi juru perunding dan konsultan tidak berani sains sebab strukturnya tidak kuat. Orang nak tinggi ke atas, apabila berlaku orang jatuh, ada kematian siapa nak dipersalahkan dalam konteks ini. Walaupun kita telah maklumkan kepada Majlis Daerah Sabak Bernam, mereka telah ambil tindakan nak roboh ini, sekarang satu tindakan bersepadu tetapi pengusaha degil tidak mahu memberi kerjasama KM tiada, semua tiada. Saya tak salahkan Majlis Daerah Sabak Bernam tetapi mereka dah cuba tetapi pengusaha degil, siapa pengusaha dia, nama dia Dato 'Jamal bin Mohamad Yunus, siapa dia pemilik rangkaian Restoran Ikan Bakar Sekinchan. Orang yang mengetuai tarian punggung di rumah Omega ini dia dan

sekarang dia telah dipilih sebagai Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar. Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Sungai Panjang mesti tentu tahu perkara ini, dia pun cabut, dia mencero boh, dia tahu perkara ini.

Saya tidak kisah dia orang politik ke apa, kita kalau nak berniaga ikut syarat-syarat Kerajaan betul ke tidak tetapi dia tidak dia langgar seolah-olah dia ada imuniti, dia ada kekebalan. Orang yang seperti ini kita harus buat sesuatu tindakan, ini saya minta Majlis bersama kerajaan kita buat sesuatu kerana kita tidak mahu barang siapa yang melakukan tindakan melanggar undang-undang walaupun dia orang politik. Ini perkara yang kita nyatakan jangan ingat kamu kebal, orang beritahu saya, dia ada pistol, dia takut, ada pistol lain cerita tetapi masalahnya dia langgar undang-undang, ceroboh tanah kerajaan. Saya minta pihak Kerajaan ambil perhatian dalam konteks ini. Sekian, terima kasih perbincangan saya.

**TUAN SPEAKER:** Wakil Kerajaan.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Pengerusi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sekinchan, saya mengambil maklum tentang perkhidmatan khususnya dalam soal pembaikan jalan dan sebagainya yang telah dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat Sekinchan. Jalan, kontraktor dan sebagainya kita akan mengambil maklum, saya akan maklumkan kepada pihak MBSA, pihak Majlis Daerah Sabak Bernam untuk memberi perhatian. Berkenaan geran tambahan kepada Majlis Daerah yang kedudukan kewangan tidak begitu kukuh juga telah pun diberi perhatian sebenarnya. Umpamanya dalam pembinaan padang cergas telah pun disenaraikan dalam pelan tindakan 5 tahun Kerajaan Negeri. Kita telah pun membekalkan, kita memberikan satu tawaran, satu untuk satu di kawasan Majlis Daerah Sabak Bernam, Majlis Daerah Hulu Selangor, Kuala Langat dan juga Kuala Selangor. Di mana apabila mereka membina satu padang cergas maka pihak Kerajaan Negeri akan taja satu. Jadi untuk Majlis Perbandaran, Majlis Bandar raya memang tidak ada. Cuma kita khususnya dan kita akan lihat daripada masa ke semasa termasuk juga kita akan memberi perhatian sekiranya ada peruntukan yang mencukupi UPEN peruntukan untuk pembangunan kita akan memberi keutamaan kepada majlis-majlis yang kedudukan kewangannya masih tidak memuaskan. Berkenaan dengan pengutipan sampah memang itu kita akan melihat cara keseluruhannya. Kita akan termasuk dalam rancangan ini kita akan menjalankan satu eksperimen dengan izin di semua PBT. Kita akan cuba dengan pengasingan, proses pengasingan sampah daripada sumbernya kita akan mula pengasingan sampah di setiap rumah ini mungkin satu caranya yang dapat membantu peningkatan dalam pengutipan sampah ini. Berkenaan dengan isu Sekinchan Resort saya akan mengarahkan pihak Majlis Sabak Bernam dan juga pihak Pejabat Tanah dan Daerah melihat perkara ini dan kerajaan prinsipnya adalah tidak membenarkan perkara seperti ini berlaku ia melanggar peraturan di semua undang-undang yang sedia ada ini. Kita tidak membezakan tidak ada penyokong kerajaan, pembangkang ataupun siapa-siapa berkuasa, berpengaruh besar di belakangnya. Prinsip yang kita amalkan di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat kita mematuhi dan memastikan undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HJ. SAARI B. SUNGIB:** Tuan Pengerusi saya merujuk muka surat 104 kod objek 42000 nombor 6 Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Saya ingin menyentuh beberapa perkara pertamanya dari segi kemajuan *development* dengan izin kawasan-kawasan cerun yang berlaku di Hulu Kelang adalah di bawah MPAJ. Didapati kita perlu perbaiki cara bantahan ataupun draf rancangan tempatan kerana dalam konteks apa yang berlaku pemajuan. Baru penduduk sekitar sedar bantahan itu terlalu lewat dan menimbulkan banyak masalah hubungan masyarakat dengan MPAJ khususnya konteks PBT yang terlibat. Jadi maknanya dalam pendekatan yang saya cadangkan, kalau boleh satu pendengaran yang lebih meluas sebelum draf rancangan tempatan diluluskan. Satu pendengaran yang satu partisipasi yang akan membolehkan pendengaran itu dilaksanakan dengan lebih baik. Setakat mana yang telah dilakukan seperti kesuntukan masa dan menyebabkan perkara itu tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kemudian dari segi kelulusan sesuatu rancangan biasanya MPAJ di bawah OAC dan kemudian gabungan beberapa jawatankuasa dan jabatan khususnya Jabatan Perancang. Tetapi apabila perkara itu sudah dilaksanakan Jabatan Kejuruteraan yang bertanggungjawab. Dan mereka menjadi sasaran tohmahan masyarakat yang seolah-olah memberi gambaran ada hubungan baik di antara Pemaju dengan Jabatan Kejuruteraan atau jabatan-jabatan MPAJ. Ini saya cuba betulkan kerana persepsi negatif dilontarkan oleh masyarakat awam terhadap pegawai PBT MPAJ. Jadi itu satu perubahan yang kita lakukan dan apa yang berlaku di kawasan saya di Hulu Kelang, MPAJ adalah tentang limpahan banjir lumpur yang bukan berlaku di lembah berlaku di atas bukit di Kemensah Height tempat yang tinggi. Ini disebabkan oleh sebab pemantauan sudah dibuat, syarat-syarat ketat sudah diberikan, pengabaian daripada pemaju. Jadi pemaju sudah diberi notis, di kompaun tetapi mereka tidak angkor dengan sifat *arrogant* mereka dengan izin. Jadi saya ingin mencadangkan satu pendekatan yang bersepadu di antara Kerajaan Tempatan MPAJ dengan Kerajaan Negeri. Pemaju-pemaju yang berkeras kepala ini diberikan satu tunjuk ajar, jadikan yang baiklah agar tidak dipersalahkan Kerajaan Tempatan MPAJ terhadap tingkah laku pemaju-pemaju itu sendiri. Yang keduanya saya ingin sentuh Pengerusi adalah tentang peruntukan MARRIS apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dengan memberi keutamaan bagi ADUN-ADUN untuk memberi pandangan tentang projek-projek MARRIS ini adalah satu perkara yang baik dan telah dilakukan diperuntukkan 2 juta pada masa yang lalu saya ingin mencadangkan peruntukan itu ditingkatkan kepada 5 juta satu DUN. Dan itu sahaja yang ingin saya kemukakan.

**TUAN SPEAKER:** Wakil Kerajaan.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Pengerusi, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Hulu Kelang perkara-perkara yang dibangkitkan saya ambil maklum dan akan saya sampaikan kepada pihak PBT. Ada satu dua perkara yang saya memberi penjelasan lanjut yang pertamanya pemberitahuan apabila adanya draf rancangan tempatan ataupun pindaan daripadanya. Pihak PBT telah mengikut tatacara yang diperuntukkan di bawah akta yang berkenaan iaitu Akta Perancangan Bandar dan Desa. Yang biasanya juga secara umumnya diiklankan di akhbar yang tertentu.



Disebabkan kesedaran dan juga sikap masyarakat yang kebiasaannya tidak mengambil peduli apa yang berlaku jadi itu menyebabkan berlakunya selepas apabila selepas draf itu diluluskan ataupun selepas pindaan diluluskan apabila perancangan atau kerja-kerja tapak hendak dimulakan baru mereka sedar bahawa terlepas peluang. Oleh sebab itu yang baru-baru ini apabila pihak Majlis Daerah Sabak Bernam mengemukakan cadangan rancangan draf tempatan mengingatkan Yang Berhormat Sekinchan juga sebagai wakil rakyat mengadakan sidang akhbar untuk mengulangi pemberitahuan ini, cara itu mungkin lebih berkesan kerana biasanya orang yang baca surat khabar dia tidak baca bahagian iklan. Bahagian iklan itu kita baca sepintas tetapi lebih tumpu kepada kenyataan yang dibuat oleh wakil rakyat. Dan apabila dan telah menasihatkan juga Y.B. Sekinchan supaya apabila dikeluarkan berita itu disimpan kalau boleh *dilamin*atekan seperti yang dibuatkan oleh Sungai Panjang, supaya apabila kemudian berlaku ada aduan bahawa pihak Kerajaan Tempatan tidak mengiklankan itu ADUN boleh tunjukkan, bukan sahaja diiklankan tetapi sidang akhbar telah dibuat diberi peringatan berkali-kali untuk menyemak sendiri draf itu sebelum ianya diluluskan. Itu memerlukan kesedaran dan juga perubahan sikap oleh pemilik harta itu sendiri. Dan berkenaan dengan peruntukan MARRIS dahulunya sebelum ini dahulunya MARRIS memang kewangan disalurkan kepada PBT. Selepas itu pada tahun 2012 telah pun diberi keutamaan kepada ADUN di mana ADUN yang menentukan senarai keutamaan sebanyak satu juta ringgit kemudian ditambah sebanyak dua juta ringgit dan untuk depan jumlah ini akan bertambah kepada 3 juta ringgit. Iaitu pihak PBT jumlah MARRIS yang akan disalurkan adalah bergantung kepada tiga juta untuk setiap DUN dan tambahan mengikut kepanjangan jalan raya yang ada dalam kawasan PBT itu sendiri. Bererti berlipat ganda sekarang peruntukan MARRISlah kita salurkan kepada PBT seperti yang telah saya maklumkan di Dewan yang mulia ini dua hari yang lalu iaitu pada minggu lepas di Majlis Bandar raya Shah Alam umpamanya daripada 20 juta tahun depan mereka akan memperoleh 88 juta. Itulah satu perbezaan yang amat ketara jadi untuk nak sampai kelima juta kita perlu kaji semula sebab melibatkan kewangan yang besar untuk 1 juta, 3 juta hingga 5 juta nampak kecil tapi apabila mengambil kira 56 kawasan DUN ini ia melibatkan kewangan yang besar kita perlu memastikan wang yang diturunkan itu kena pada tempatnya. Ia ada berlaku dahulu peruntukan turun tetapi dia belanjakan di tempat yang lain. Kita tidak mahu perkara seperti itu berlaku jadi kita berhati-hati dalam perkara ini. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Paya Jaras. Cempaka ada jawapan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Saya nak respons pada Hulu Kelang. Saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendengaran Awam, selalunya apa yang kita lakukan adalah kita minta kepada ADUN dan juga Ahli Majlis untuk membuat publisiti itu juga dan mengadakan perbincangan dengan penduduk-penduduk supaya penduduk sedar bahawa ada Draf Rancangan Tempatan yang akan diwartakan atau dibuat penerangan. Selain daripada itu, selain daripada dimasukkan di dalam akhbar-akhbar yang hala perdana sebab kebanyakannya akan diletakkan di belakang, kita mencadangkan supaya ia diletakkan di dalam iklan yang akan datang diletakkan di dalam Selangor Kini di mana ia boleh diletakkan di muka yang lebih senang dilihat oleh rakyat atau penduduk. Kemudian dari segi masa untuk membantah atau masa untuk

rakyat untuk mengkaji akan sesuatu Draf Rancangan Tempatan itu telah berlaku oleh kerana ada permintaan daripada penduduk. Di Ampang Jaya contohnya di mana kita telah menambah masa untuk penduduk untuk mengkaji Draf Rancangan tersebut. Jadi kita tidak *fixed* dengan izin kepada waktu yang ditetapkan semasa publisiti tetapi penduduk berhak membuat permintaan supaya dipanjangkan lagi masa untuk mereka mengkaji DRT atau Draf Rancangan Tempatan itu. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Paya Jaras.

**Y.B. Tuan Mohd. Khairuddin Bin Othman:** Terima kasih Speaker. Saya nak bertanya kepada Kerajaan berhubung kait dengan pembinaan Telekom Tower di tempat-tempat dalam kediaman. Saya diberitahu bahawa ....

**TUAN Pengerusi:** Di bawah perkara apa ni?

**Y.B. Tuan Mohd. Khairuddin Bin Othman:** Di bawah perkara...minta maaf 42000 perkara 1 dan item 5. Shah Alam dan Selayang. Saya diberitahu bahawa pembinaan *tower-tower* Telco Tower ini adalah tidak tertakluk kepada keputusan PBT, kelulusan PBT. Ini dimaklumkan. Cuma pertanyaan saya adakah pembinaan *tower-tower* ini oleh Kementerian Pendidikan contohnya daripada pusat adakah mereka ini tidak tertakluk kepada keputusan PBT ataupun syarat-syarat PBT. Kalau betul tidak benar saya minta Kerajaan melihat kepada satu *tower* yang dibina di dalam Paya Jaras di jalan BRP 7/3, Bukit Rahman Putera yang mana mereka membina *tower* tanpa kelulusan PBT dan *tower* ini menghampiri dan terlalu dekat dengan kawasan-kawasan perumahan. Saya mohon penjelasan.

**Y.B. Dato' Teng Chang Khim:** Ya, terima kasih kepada Paya Jaras. Secara umumnya segala struktur tetap yang dibina bukan sahaja struktur sementara pun sebarang pembinaannya memerlukan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan tetapi yang menjadi pertikaian selalunya adalah sama ada ia terlalu dekat dengan tempat kediaman dan sebagainya dan selalu yang berlaku adalah mereka mematuhi garis panduan yang diberikan oleh pihak Kementerian tetapi terdapat juga kebimbangan daripada pihak penduduk akan ketinggian dan juga saiznya. Ini semua di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan meluluskan atau tidak meluluskannya tapi ini perkara yang sensitif kerana ia melibatkan sama ada ada radioaktif ataupun tidak. Dan walaupun kadang-kadang ada kes di mana yang pemaju ni ada menunjukkan bahawa kadar radioaktif yang dihasilkan mematuhi garis panduan tetapi masih tidak dapat diterima. Jadi ini memerlukan perbincangan dan kita perlu mencari pertimbangan dalam kes-kes seperti ini. Terima kasih.

**Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran:** Tuan Pengerusi.

**TUAN Pengerusi:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih. Dalam pemberian dalam negeri, perkara 1, *sorry* perkara ke-3, Majlis Perbandaran Petaling Jaya. Dua perkara yang saya ingin saya bangkitkan.

- (i) Isu tanah runtuh kawasan Bukit Gasing, bukitnya.

Dalam satu tahun yang lepas, malangnya telah mengalami kejadian tanah runtuh. Oleh sebab itu saya berterima kasih kepada pihak Majlis Bandar raya Petaling Jaya kerana telah membuat kajian terperinci untuk melihat sumber untuk mengatasi kejadian-kejadian tanah runtuh ini tetapi kos untuk melakukan semua pembaikan cerun adalah sekitar RM 43 juta iaitu satu kos yang sangat besar. Separuh daripada kejadian ini daripada tanah persendirian, lot-lot banglo di kawasan Seksyen 5 Petaling Jaya dan separuh lagi di tanah awam, tanah kerajaan. Saya ingin memohon penjelasan adakah Kerajaan Negeri akan membantu dari segi kewangan atau dari segi lain untuk mengatasi isu tanah runtuh ini dan kerja-kerja yang perlu dibuat. Dimaklumkan kerja-kerja pun sudah bermula berperingkat-peringkat untuk menstabilkan semua cerun di sana dan saya rasa amat penting kita habiskan secepat mungkin kerja penstabilan cerun kerana tanah runtuh ini satu perkara yang berbahaya, boleh mencederakan orang, boleh mengambil nyawa.

- (ii) Perkara yang kedua merujuk perkara nombor 2, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Untuk menyambung perbincangan tadi fasal Rancangan Tempatan, kita memang ada proses untuk siarkan dalam akhbar, buat *press conference* dan sebagainya tetapi malangnya kita tidak ada satu proses untuk mencadangkan pertukaran zon. Jadi kita ada banyak pemilik tanah yang ingin mencadangkan bahawa zon tanah mereka ditukarkan mungkin daripada kediaman ke komersial, ataupun daripada industri kepada komersial dan sebagainya. Buat masa ini tidak ada satu proses formal untuk mereka mencadangkan. Di dalam proses Pendengaran Bantahan, contohnya yang berlaku kes di Majlis Perbandaran Subang Jaya, di dalam proses Bantahan Awam, mereka mengemukakan cadangan baru iaitu cadangan zon-zon yang tidak dipamerkan dan apa yang telah berlaku antara beberapa kes di Subang Jaya di mana kawasan yang mana zonnya adalah satu Pejabat Pos, satu lagi kawasan industri telah tukar kepada kawasan komersial. Dimaklumkan ini mengikut prosedur-prosedur dan undang-undang tetapi dua cadangan ini di mana Pejabat Pos yang dahulunya berwarna merah sekarang sudah tukar *zoningnya* kepada warna biru tidak melalui satu proses Pendengaran Awam. Tidak terdapat peluang kepada penduduk persekitaran untuk membangkitkan apa-apa bantahan. Di dalam kes industri lebih daripada 30 ekar industri telah bertukar menjadi kawasan komersial. Satu lagi keadaan di mana penduduk persekitaran tidak ada peluang untuk menyuarakan apa-apa bantahan. Jadi saya ingin minta ulasan Kerajaan kenapa ini boleh berlaku, yang pertama tapi yang keduanya saya ingin cadangkan sebelum proses Pendengaran Awam bermula kita buat satu lagi proses sebelumnya, kita buat satu proses memanggil dan memanggil cadangan secara rasmi supaya pemilik-pemilik tanah di kawasan yang ingin kita buat pindaan kepada Rancangan Tempatan boleh membawa cadangan kepada Majlis, boleh membawa

cadangan-cadangan mereka untuk diteliti oleh Majlis supaya semua cadangan yang hendak dibincangkan boleh melalui proses Pendengaran Awam sebelum pihak Negeri membuat keputusan terakhir untuk meluluskan atau tidak meluluskan cadangan tersebut. Sekian, terima kasih.

**TUAN PENERUSI:** Pihak Kerajaan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tentang kes di MPAJ tu kita telah membuat keputusan di peringkat *State Planning Committee* atau Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor bahawa tidak ada lagi pengubahan zon sekiranya ia tidak dipamerkan terlebih dahulu kepada rakyat. Jadi ini bermakna apa yang berlaku di MPSJ itu tidak akan berlaku lagi. Sekiranya ada berlaku perubahan ia perlu dimaklumkan kepada penduduk atau kepada rakyat terlebih dahulu. Berkaitan dengan zon-zon atau pemilik-pemilik tanah individu yang mahukan pengubahan zon, ini boleh dilakukan dan boleh dilakukan Pendengaran Awam secara berasingan bukan melalui Draf Rancangan Tempatan tapi boleh disekalikan atau boleh dibuat secara berasingan. Jadi maknanya untuk menjawab soalan itu boleh berlaku tidak perlu tunggu kepada Draf Rancangan Tempatan yang akan datang baru nak tukar.

Tentang masalah ataupun cadangan supaya penduduk perlu diberikan ataupun perlu ada satu perbincangan ataupun *pre*-bantahan, saya rasa perkara ini boleh kita bincang tapi masalahnya kalau dilakukan sebab Kerajaan Negeri sendiri tengah menghadapi satu telah memikirkan berapa lama tempoh sebelum satu perubahan itu perlu dilakukan, adakah 6 bulan, adakah 1 tahun? Kalau kita lihat di negara-negara lain seperti di Singapura, ianya dilakukan dalam masa begitu singkat kerana pembangunan itu berubah-ubah. Jadi bermakna untuk Negeri Selangor kita boleh menerima cadangan sekiranya ada permintaan untuk mengubah sesuatu zon dan telah berlaku di dalam PBT-PBT di mana terdapat zon-zon atau beberapa tuan tanah hak milik tanah yang dikemukakan untuk Pendengaran Awam untuk mereka sahaja. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Mohon penjelasan Tuan Pengerusi.

**TUAN PENERUSI:** Yang Berhormat Sungai Pinang. Yang Berhormat Bukit Gasing tidak boleh bertanya lanjut ya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih. Berkenaan dengan isu tanah runtuh di Bukit Gasing, Petaling Jaya. Pada dasarnya, pemilik-pemilik tanah dikehendaki memperbaiki cerun di dalam kawasan mereka kerana mereka adalah pemilik tanah dan bertanggungjawab untuk menjaga cerun di dalam kawasan mereka dan untuk kerja-kerja yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Petaling Jaya ini adalah sebenarnya dalam keadaan kecemasan, kita tidak mahu melihat ada nyawa terkorban akibat daripada kecuaiannya mana-mana pihak. Jadi Majlis tidak harus dipersalahkan apabila berlakunya perkara berikut. Jadi pihak Kerajaan Negeri melainkan tanah itu adalah tanah Kerajaan Negeri tidak akan memberi peruntukan dan juga sekiranya ada permintaan daripada pihak Majlis kita akan melihat kepada kes berkenaan sama ada tanah runtuh disebabkan kecuaiannya pihak Majlis ataupun kegagalan pihak Majlis

menjaga cerun tersebut atau meluluskan pembangunan di cerun yang tidak harus diberi kebenaran atau sebaliknya. Jadi kita akan melihat kepada kes tersebut sebelum Kerajaan boleh bersetuju untuk memberikan bantuan dari segi geran ataupun pinjaman peruntukan yang lain. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Jadual B.5 – Iaitu sejumlah RM 120.00. Masa sudah tamat, setengah jam ya sesuatu perkara. Jadual B.5 iaitu wang sejumlah RM 120.00 untuk Kepada B.5 Caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.6 – Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, RM 624,919,790.00.

**TUAN Pengerusi:** Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekinchan ingin mengambil bahagian dalam B.6, muka surat 109, 59200, RM 10,000.00 berkenaan dengan Emolumen. Dalam konteks pengurusan pembangunan hutan ini saya lihat ada 2 perkara yang saya ingin katakan di sini bagi perhatian Kerajaan Negeri di mana terdapat kawasan-kawasan hutan simpan di Negeri Selangor seperti di Bagan Pasir, Bagan Sungai Kajang, Bagan Tengkorak di mana ada sebahagian tanah-tanah ini sudah lama lebih 50 tahun mereka terokai untuk dijadikan kawasan-kawasan kediaman di situ dan sebahagian aktiviti perikanan dan sebagainya. Memandangkan kawasan itu adalah rizab hutan simpan dan sekarang ini mereka di kampung-kampung, bagan tersebut menghadapi masalah dari segi status tanahnya, dari segi TOL nya, dari segi pembangunan membuat bangunan barunya sering kali dikenakan tindakan kompaun oleh LUAS dan sebagainya. Ini antara masalah pengurusan pembangunan hutan di kawasan sebahagian kawasan di Negeri Selangor. Oleh yang demikian, saya meminta memohon penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tentang bagaimana kita ada satu kaedah yang lebih menyeluruh khususnya seperti di kampung bagan ni kita dapat pengecualian kawasan-kawasan tertentu supaya mereka tidak rutin harian penduduk ini tidak diganggu kalau tidak mereka sering di saman dengan aktiviti membaik pulih rumahnya pun di saman kerana mereka duduk di situ begitu lama kecuali kita ada tanah alternatif untuk mereka. Kalau tidak statusnya sering menjadi masalah rizab hutan simpan. Itu satu, yang keduanya berkaitan hutan simpan di Bestari Jaya sebahagiannya. Saya sering kali membangkitkan isu ini di mana saya melihat di situ banyak pencerobohan. Sebahagian daripada tanah itu adalah tanah milik KDEB, sebahagian besar, hampir seribu atau dua ribu ekar sudah diteroka. Sebahagiannya hutan simpan di Bestari Jaya juga diteroka oleh rakyat individu-individu di situ untuk penanaman pertanian, contohnya kelapa sawit dan sebagainya. Dan sekarang ini menjadi kecoh, sebahagiannya memberitahu saya oleh sebab dulu tidak ada satu pengawasan dan dulu diwar-warkan kemungkinan Kerajaan Negeri zaman dulu, zaman Barisan Nasional mereka akan ada orang tengah mereka akan kutip duit, ambil duit

dijual 3 ekar RM 18,000.00, RM 12,000.00 tak ada geran, kertas pun tak ada, tapi hutan, sebahagiannya hutan dijual oleh orang tengah tertentu untuk mengaut keuntungan dan mereka tanam kelapa sawit.

Sampai hari ini, sekarang KDEB sebahagian tanah KDEB nak diambil balik, saya dengar, nak diambil balik dan sebagainya ada yang kecoh di situ, macam-macam lagi berlaku. Jadi ada satu tindakan yang menyeluruh oleh kerajaan supaya benda ini tidak diceroboh lagi sebahagian hutan kalau tidak tanpa pemantauan yang drastik yang menyeluruh dia akan diceroboh lagi. Ini menjadi satu kesan yang sukar kita selesaikan pada masa akan datang. Jadi saya minta pembangunan pengurusan sumber hutan ini kita kena konsisten dan saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana sejak Pakatan Rakyat memerintah 2008, kita sudah tidak perlu mengharapkan *revenue* kutipan hasil cukai daripada hutan. Kita biarkan hutan di Selangor sentiasa hijau, paling kurang asas kita 30% bumi hijau hutan ini di simpan untuk generasi kita akan datang. Inilah Selangor yang kita sayangkan di sini, tanah air kita. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker.

**TUAN Pengerusi:** Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tentang Hutan Simpan dekat Bestari Jaya, saya rasa Yang Berhormat Sekinchan mungkin keliru kerana kalau tanah itu kononnya di bawah KDEB dan sebagainya, itu bukan di bawah Pentadbiran Jabatan Perhutanan Negeri.

**TUAN Pengerusi:** Bukit Lanjan, tadi yang saya dengar Sekinchan kata sebahagian dia tanah KDEB sebahagian dia tanah Hutan Simpan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Ya, saya tahu, saya tahu. So kalau ada mungkin surat daripada Kumpulan KDEB maksudnya itu bukan di bawah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun memang ada sebahagian sebelum 2008 yang seperti yang disebut oleh Y.B. Sekinchan dijual tetapi tak ada geran, ada yang buat parit dan ada yang cuba buat jalan yang kasar dan sebagainya. Kawasan tersebut sudah dibersihkan, tidak ada lagi kelapa sawit dan sebagainya dan kita juga ada penanaman dan juga pemuliharaan kawasan tersebut bersama dengan beberapa NGO dan juga jabatan-jabatan di mana setiap tahun sekurang-kurangnya kita menanam lebih daripada 2 sampai 3 ribu (3,000) pokok hutan dekat Bestari Jaya.

Tentang kawasan Bagan hutan simpan saya pun agak keliru Y.B. Sekinchan kerana kalau hutan simpan penduduk-penduduk tidak akan dapat kompaun daripada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) kerana LUAS jaga sungai dan air dan bukan hutan simpan. Kalau memang mencerooboh kompaun ataupun saman atau pun mungkin penjara itu kertas itu akan datang daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, so, saya minta Y.B. Sekinchan boleh semak semula, mungkin penguat kuasanya dah keliru kawasan, sempadan dan sebagainya dan kita akan cuba bersama-sama menangani masalah tersebut.

**TUAN PENGERUSI:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk muka surat 109 - B6 Kumpulan Wang Pembangunan 40000 - Pemberian dan Kenaan Bayaran dan saya ingin merujuk kepada muka surat 6, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan di mana tiga (3) peruntukan terbesar Jabatan Agama Islam Selangor – RM120 juta, Jabatan Pengairan dan Salinan (JPS) RM45 juta dan Jabatan Kerja Raya (JKR) RM121 juta. Spesifik khusus yang melibatkan Hulu Kelang, saya ingin minta penjelasan tentang tanah-tanah yang telah diberikan oleh Pejabat Daerah Gombak dan juga Kerajaan Negeri Selangor, dua (2) lot, satu di Melawati seluas 9 ekar bagi tujuan Sekolah Menengah Agama dan kemudian satu tanah di sempadan U4 yang seluas 4 ekar bagi tujuan sekolah agama. Jadi apakah status pembangunan sekolah agama yang dimaksudkan dengan pemberian tanah oleh Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah Tanah dan keduanya tentang JPS. Baru-baru ini di dalam .....

**TUAN PENGERUSI:** Yang Berhormat muka surat berapa ya?

**Y.B. TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB:** Muka surat 6.

**TUAN PENGERUSI:** 109.

**Y.B. TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB:** 199

**TUAN PENGERUSI:** Muka surat berapa?

**Y.B. TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB :** 109 ...

**TUAN PENGERUSI:** Bekalan.

**Y.B. TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB:** Bekalan.

**TUAN PENGERUSI:** Ya, bawah vot berapa?

**Y.B. TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB:** Saya merujuk kepada muka surat 6, Pembangunan.

**TUAN PENGERUSI:** Dia ada muka surat 109, Perkara B06.

**Y.B. TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB:** Ya.... merujuk kepada Pembangunan.

**TUAN PENGRUSI:** Ya, pembangunan betul tetapi dia di bawah Hutan.

**Y.B. TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB:** Bukan, Jabatan Agama Islam.

**TUAN PENGERUSI:** Oh, tidak, tak.....

**Y.B. TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB:** Tiada .....

**TUAN Pengerusi:** Bukan, bukan, Hutan sekarang..

**Y.B. TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Ya, Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Soalan saya adalah berkenaan dengan Kod 509200 Perkara 400000 berkenaan dengan caruman Kumpulan Wang Pembangunan Hutan. Di kawasan Teratai memang terdapat satu bukit yang terkenal iaitu Bukit Saga yang memang di situ terdapat kumpulan-kumpulan pencinta alam sekitar telah menubuhkan satu Kelab Pendaki Bukit Saga. Jadi harapan mereka adalah supaya Kerajaan Negeri dapat mewartakan Bukit Saga itu supaya hutan simpan itu atau pun rizab, atau pun kita kata pokok-pokok yang tumbuh begitu besar di Bukit Saga itu dapat disimpan dan diselenggarakan dengan baik, jadi mohon. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, Y.B. Teratai, saya tiada halangan cuma ada sedikit masalah tentang Kelab Mendaki Bukit Saga. Bukan masalah dengan mereka cuma mereka ingin masuk dekat pinggiran hutan untuk jalan-jalan, *exercise* dan sebagainya. Kita pun tiada masalah, kita sejak beberapa tahun, kita cuba cari jalan yang lain, atau pun *track* yang lain supaya mereka tidak melalui kawasan perumahan dan sebagainya. Tapi saya menyambut baik cadangan daripada Y.B. Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih, Y.B. EXCO. Soalan.... .

**TUAN Pengerusi:** Tak...tak....

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian untuk membincangkan maksud Perbekalan B06 berkaitan Butiran Program Aktiviti 50900 dan 509200 berkenaan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan dan Kumpulan Wang Pembangunan.

Tuan Pengerusi, kita lihat kawasan-kawasan hutan terutama di kawasan pantai khususnya di Hutan Bakau telah diterokai secara haram dan sebahagiannya telah mula terhakis kawasan hutan-hutan ini. Saya ingin mengambil contoh ini di kawasan Tanjung Karang di mana pantainya telah terhakis oleh kerana terdapat kegiatan pembalakan haram ke atas hutan-hutan simpan tersebut. Sebagai langkah-langkah selain daripada tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan Hutan, usaha-usaha untuk mengembalikan supaya hutan-hutan itu dapat ditanam dengan pokok-pokok. Apakah langkah-langkah yang berkesan yang kita hendak lihat terutamanya usaha-usaha untuk



menanam pokok-pokok. Saya dapati pengalaman kita ada usaha-usaha daripada Badan-badan NGO's untuk mengadakan kempen-kempen menanam pokok-pokok bakau dan saya sangat menyokong usaha-usaha ini tapi bagaimanakah langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan tersebut dapat dipulihkan dengan segera.

Yang Kedua, saya ingin juga menyentuh tentang Taman Alam di Kuala Selangor yang bukan kawasan Hutan Bakau yang telah dijadikan konsep *eco-tourism*. Saya difahamkan Taman Alam ini telah pun diswastakan pelaksanaannya. Walau bagaimanapun dari segi usaha-usaha untuk menarik pelancong dan juga kemudahan-kemudahan yang disediakan saya dapati masih di tahap sederhana dan perlu diberi tambah baik bagi membolehkan terutamanya untuk menarik pelancong-pelancong sama ada pelancong tempatan dan pelancong luar Negara terutamanya dalam usaha kita untuk memastikan bahawa program menarik pelancong, sektor pelancongan ini pada 2014 ini akan berjaya dengan sepenuhnya.

Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terutamanya untuk memastikan pemantauan pelaksanaan projek ini dan apakah langkah-langkah pembaikan yang perlu saya ingat dilaksanakan bagi pembersihan apabila kita menyambut Tahun Melawat Malaysia pada 2014 nanti, maka Kuala Selangor juga, Taman Alam ini bersedia sama-sama dengan Taman Kelip-Kelip dan juga taman yang berunsurkan sejarah di sana untuk menarik lebih ramai pelancong-pelancong ke kawasan tersebut.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih, Ketua Pembangkang, Sungai Burong. Di persisiran pantai dan juga kawasan Bakau tempat Sungai Burong dan juga DUN Tanjong Karang, kita memang jaga kawasan hutan simpan, cuma isu pokoknya adalah kawasan yang digazet sebagai hutan simpan bukan besar lagi dan kita boleh lihat, namun saya tidak boleh tunjuk dengan *visual* atau apa-apa, kita, banjaran yang kita katakan Banjaran Utara Hutan Simpan Paya Bakau itu dipisah, sudah lama dipisahkan oleh tanah-tanah lot persendirian. Jadi kita hanya boleh menumpu kepada beberapa tapak kawasan di mana di bawah hutan simpan digazet sebagai hutan simpan atau pun tanah kerajaan. Namun begitu, saya juga mengalu-alukan usaha oleh pelbagai pihak daripada jabatan, orang awam, pihak swasta dan sebagainya dan saya juga, saya harap daripada Pejabat Ketua Pembangkang untuk menanam atau pun memulih semula kebanyakan kawasan tersebut.

Isu yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang tentang Taman Alam Kuala Selangor, saya ingin maklumkan kepada Sungai Burong dan juga Ahli-ahli Dewan di sini bahawa Taman Alam Kuala Selangor atau pun dalam Bahasa Inggeris *Kuala Selangor Nature Park* bukan di bawah tanggungjawab Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Itu bukan digazet sebagai hutan simpan. Walau bagaimana pun digazet sebagai satu kawasan hijau kalau kita lihat Rancangan Tempatan yang tanggungjawabnya di bawah Majlis Daerah Kuala Selangor. Bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor dan kini dikelolakan oleh *Malaysian Nature Society*. Saya menyambut cadangan-cadangan daripada Ketua Pembangkang untuk menambah baik lagi dan juga untuk meningkatkan prestasi

tersebut dan kita akan ada satu dialog khas pada hujung minggu ini di Kuala Selangor dan Taman Alam Kuala Selangor akan dimasukkan dalam agenda.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Pengerusi, boleh satu lagi.

**TUAN PENERUSI: PERMATANG.**

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya mengambil sedikit perbincangan dalam B06 ini dengan merujuk kepada 509200 Kumpulan Wang Pembangunan Hutan ini. Jadi saya nak tanya kepada kerajaan mengenai hutan simpan yang ditimbulkan oleh Sekinchan tadi iaitu Hutan Simpan Bestari Jaya. Tapi saya tak tahu sama ada termasuk dalam vot ini atau pun tidak. Mengenai satu industri tanah liat yang berlaku dalam kawasan berkenaan yang mempunyai kawasan yang begitu luas, saya tak pasti. Saya nak minta penjelasan sama ada industri ini dilesenkan atau pun ianya hanya berupa satu pencerobohan kerana setiap hari hampir bertelentel tanah liat yang dibawa keluar hari ini yang memberikan kesan serupa padang bola di kawasan-kawasan berkenaan. Jadi saya nak pastikan sama ada ini mendapat lesen dan kalau ada apa pulangnya kepada kerajaan dalam industri ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih, Permatang. Tapak yang dimaksudkan oleh Permatang sebenarnya diberi milik kepada PKPS lama, jadi itu bukan di bawah hutan simpan di kawasan tersebut dan saya ingin juga tambah bahawa di kawasan tersebut memang ada lesen, syarikat tersebut.

**TUAN PENERUSI:** Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Ya, Tuan Pengerusi. Muka surat 109 B06 - Perkara 509200 dan 40000 – Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Berkenaan dengan Hutan Simpan Taman Rimba Templer dan juga Rimba Komanwel di mana perancangan kerajaan atau pun pandangan berkenaan dengan pembangunan yang sedang aktif di sekitarnya yang menyebabkan sedikit sebanyak mengganggu hutan simpan dan juga kawasan peranginan di sekitarnya. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Maaf, mungkin saya minta penjelasan daripada Taman Templer, apa jenis gangguan kerana mungkin saya tidak ada detailnya.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Sekarang kalau kita lihat banyak pembangunan dari segi perumahan-perumahan yang berprestij di sekitarnya yang sedang giat sekarang ini dibangunkan di sekitar di pinggir Hutan Rimba Templer dan juga Hutan Rimba Komanwel dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan supaya hutan simpan dan juga kawasan peranginan di dalamnya tidak terganggu di sudut ekosistem dan sebagainya.

**Y.B PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Taman Templer. Langkah yang utama adalah untuk memastikan bahawa ada zon penampungan antara kawasan perumahan ataupun kawasan perindustrian dan sebagainya dengan sempadan hutan simpan. Jadi satu zon memang di rizab dan dalam perancangan tersebut di peringkat PBT. Mereka mesti menetapkan zon penampungan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sg. Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Izinkan saya mengambil bahagian. Tuan Pengerusi dalam B06 50900 dalam 4000. Saya difahamkan di Sg. Panjang ada satu kawasan tadahan yang dibuat pengairan untuk sawah padi Saya difahamkan di kawasan hutan. Saya melihat dalam beberapa lawatan saya di tapak tersebut akan disediakan dalam tahun hadapan dalam bulan Jun.

Jadi saya melihat itu satu perkembangan eco-tourism yang boleh dibangunkan di Sg. Panjang sebab kawasan itu kawasan tadahan ada kolam yang besar. Jadi saya hendak tahu samada ini nanti akan menjadi sebahagian aktiviti Jabatan Hutan atau bagaimana?. Terima kasih.

**Y.B PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Saya rasa apa yang dimaksudkan oleh Sg. Panjang adalah projek IDA Barat Laut. Setakat ini kita tidak ada rancangan untuk ada projek pelancongan atau melawat di kawasan tersebut kerana itu satu tapak khas di mana sistem pengairan untuk membawa air kepada kawasan sawah padi dan sebagainya. Itu adalah tumpuan kita dan pada masa yang sama kita juga menumpu kepada penguatkuasaan sempadan-sempadan tersebut. Kerana dengan adanya projek tersebut ada sedikit masalah. Saya ingin jelaskan kepada Dewan ini pada awal tahun ini ada satu pembakaran terbuka di kawasan tersebut dan bila ada pembakaran terbuka kawasan seperti yang disebut oleh Sg. Panjang memang sukar untuk kita masuk dan padam api tersebut kerana satu itu adalah hutan simpan tanah gambut.

Keduanya ia jauh di dalam untuk kita membawa peralatan dan sebagainya bukan senang. Jadi kita ingin kurangkan interaksi dengan manusia sebanyak boleh. Maaf Tuan Speaker saya seperti menjawab P10. Walaupun ada kaitan B06 dan B10 jadi mungkin kita sekaligus ataupun...

**TUAN SPEAKER:** Tak apa nanti kita tunggu bila sampai ke sana.

**Y.B PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Ok. Terima kasih.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Tuan boleh saya tambahkan

**TUAN SPEAKER:** Tak boleh. Tadi dah ambil tu... fokus 10 minit berucap kalau duduk maka bermakna tamat giliran. Jadual B 6 iaitu wang sejumlah RM624,919,790 juta untuk kepala B6 caruman kepada wang kumpulan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju sila kata ya.

**DEWAN:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju cuba kata tidak. Di Persetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B 7 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor RM1,233,169 juta.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekinchan ingin mengambil bahagian dalam perbahasan B07 berkaitan dengan 50500 00114 muka surat 114 iaitu pentadbiran dan kewangan gaji dan upahan. Berkenaan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan ingin menarik perhatian Dewan ini berkaitan dengan kakitangan kerajaan bermakna pekerjaan ada terdapat banyak lagi jabatan-jabatan yang ada kekosongan tetapi tidak diisi sehingga mengambil masa yang terlalu lama tidak diisi menyebabkan kadang-kadang banyak urusan-urusan kerajaan yang terbantut di situ. Permohonan daripada rakyat bawahan mereka diberitahu ada kelewatan kerana apa kerana jawatan itu kosong tidak ada orang *contest* penguatkuasaan kadang-kadang diberitahu kita dimaklumkan pihak ADUN mengatakan jawatan itu kosong dan tidak ada orang isi dan tidak cukup penguatkuasa dan sebagainya. Maka dengan itu saya cadangkan kepada Dewan yang mulia ini kepada kerajaan agar kita kena semak seluruhnya tentang perkhidmatan kakitangan ini di mana yang perlukan kita gunakan dan tidak perlu itu lain. Yang perlu patut jangan ditunggu lama sangat untuk pengisian itu. Itu penting bagi tidak menjejaskan produktiviti perkhidmatan sistem penyampaian kepada rakyat. Itu penting.

Di sini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan dengan satu Pekeliling Kerajaan Seri Paduka Baginda Malaysia Skim Perkhidmatan bil. 2 tahun 1985 tentang tertib. Tentang pakaian semasa bekerja dan semasa menghadiri upacara-upacara rasmi bagi pegawai-pegawai awam kakitangan kerajaan. Pekeliling ini dibuat adalah untuk tertib garis panduan kakitangan awam supaya mereka dapat mematuhi arahan termasuk pakaian bagi pegawai lelaki Kumpulan A dan B long suit ataupun *bush jacket* dengan bahan kain yang sesuai. Seluar panjang dan baju kemeja bertali leher dan baju tersebut berlejang panjang dan baju hendaklah jangan dilipat. Ini antara saya nampak di dalam pekeling ini. Ini dan seterusnya pakaian untuk wanita 2.2.1. pakaian kebangsaan, pakaian kaum masing-masing yang sesuai dipakai semasa bekerja. *Jeans, slack* dan seluar pendek apa-apa pakaian yang menutup muka tidak boleh dipakai semasa bekerja.

Seterusnya pakaian seragam mengambil perhatian Dewan yang mulia ini tentang pekeling ini supaya kakitangan awam samada yang berkhidmat dengan SUK dan di mana-mana mereka dapat mematuhi pekeling yang ada. Saya nampak kebelakangan ini ada yang luar biasa. Saya minta perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang perkara ini. Jadi saya tidak mahu Sg. Panjang .....

Kota Anggerik mencelah.

**Y.B TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya tidak faham Sekinchan istilah pakaian luar biasa. Boleh diperjelaskan dalam Dewan ini.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Anggerik. Begitu prihatin ya. Saya cuma nak nyatakan di sini. Saya Cuma minta kerajaan agar dapat perhatikanlah sebab ini tertib kerja yang saya nampak kerana kita tidak mahu sistem kita, dasar kita bercanggah. Dengan pakaian yang dinyatakan di dalam ini. Saya minta semua rujuk kepada pekeling jawapan saya yang sekarang saya nampak ada luar dari pekeling yang berlaku oleh yang demikian saya minta ini disiasat. Ini penting supaya imej kita konsisten dengan dasar yang kita buat. Kita jangan bercanggah dengan dasar kerajaan yang buat.

Ini sahaja antara yang ingin saya nyatakan yang pentingnya produktiviti serta keberkesanan kecekapan kakitangan awam di semua sektor kerajaan negeri ini sejak 5 tahun yang lalu semakin hari semakin bertambah semakin meningkat produktiviti. Ini satu peningkatan yang cukup baik. Satu budaya pekerja di bawah Pakatan Rakyat yang berlainan tetapi sekarang semakin lama semakin bagus. Harap kakitangan semua kita terus kerja kuat dapat menjayakan agenda Kerajaan Negeri Selangor merakyatkan ekonomi negeri. Pada masa yang sama kita semua kakitangan kerja kuat insentifnya bayarannya cukup kita kena kaji satu persatu. Kita jangan biarkan ramai lagi antara kakitangan bawahan yang gajinya masih berada di bawah paras garis kemiskinan PGK RM1500 tetapi di kalau di bawah RM1500 kita kena semak satu persatu secara holistik. Ini yang saya minta ini supaya Kerajaan Negeri Selangor kita mematuhi standard daripada yang lain. Negeri lain “ngak mampu” tetapi Negeri Selangor kita mampu lakukan yang terbaik untuk seluruh rakyat Negeri Selangor.

Yang paling pentingnya kalau ada imbuhan-imbuhan khas hujung-hujung tahun ini kena umumlah kepada semua kakitangan supaya mereka dapat imbuhan kakitangan termasuk bonus. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sebelum saya beri peluang kepada wakil kerajaan untuk menjawab saya hendak mengingatkan kepada Yang Berhormat sekiranya hendak berucap untuk mana-mana *vot* kita akan beri masa 10 minit maksimum dan boleh untuk minta penjelasan Kerajaan dengan serta merta. Bermakna ketika masih berdiri boleh minta wakil kerajaan untuk jawab tetapi bermaksud boleh sambung selepas itu tetapi dengan syarat dia terus berdiri dan minta sebut dalam ucapan untuk minta jawapan terus serta merta daripada pihak kerajaan. Kalau dah duduk bermakna memberi peluang kepada wakil lain untuk berucap. Ya wakil pihak kerajaan.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih. Ada 2 perkara hendak saya nak ingatkan dalam perancangan sumber manusia. Satu ialah penempatan pegawai-pegawai perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Jadi oleh sebab itu kita perhatikan bahawa setengah-setengah jawatan di Selangor ini oleh kerana tidak sampai lagi peruntukan dari JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) ramai

pegawai-pegawai kita ialah pegawai-pegawai kontrak. Itu sebab ia berlaku sebab keadaan begitu.

Kedua juga oleh sebab itu dari segi jumlah yang ditetapkan oleh JPA adalah kurang daripada jumlah yang kita ambil. Jadi lebih ramai kita ambil dan kalau tunggu JPA maknanya lebih kurang pegawai kita. Walau bagaimanapun ada juga jawatan-jawatan yang tidak boleh diisi secara kontrak kerana kita perlu mereka-mereka yang mempunyai pengalaman dan apa yang dikatakan kelulusan profesional. Itu yang berlaku. Kedua kerajaan negeri dalam usaha kita dalam *budget* kita akan membuat beberapa pengkajian untuk mencari jalan supaya kerjaya pejawat-pejawat awam dapat dipertingkatkan dan mereka mempunyai keupayaan apa yang dikatakan *multi skill*. Sebab kita dapati kalau mereka tidak mempunyai *multi skill* mereka tidak dapat boleh kita letakkan di beberapa tempat supaya dapat beroperasi dengan sendiri.

**TUAN SPEAKER:** Sebelum saya memberi peluang kepada Yang Berhormat-Yang terhormat turut serta dalam perbahasan ini Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya dengan hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membawa usul. Dewan bersidang sepenuhnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 Dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam tujuh petang.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Timbalan Speaker, saya sokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai jawatankuasa. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Pengerusi terima kasih. Saya merujuk muka surat 113 Kod objek 10000 Emolumen. Menyentuh tentang bilangan perjawatan 2013, 17 orang dan 2014, 17. Memandangkan tugas-tugas yang membebankan khususnya melihat kepada laporan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri tahun 2012, yang menyentuh tentang urusan tatatertib. Pada masa laporan dibuat terdapat 50 kes tatatertib di mana 26 kes telah diselesaikan. 23 kes dalam tindakan prima facie dan antara kes-kes yang berlaku adalah tentang keputusan lucut hak emolumen dan buang kerja, lucut hak emolumen dan buang kerja dan beberapa kes yang begini. Jadi persoalan saya apakah kaedah-kaedah yang digunakan dalam konteks ini oleh Lembaga Tatatertib dan apakah tahap kerunsingan kerajaan negeri tentang tahap urusan tatatertib kakitangan awam di dalam kerajaan negeri dan apakah langkah-langkah yang akan diambil adakah *SPIES* yang dilaksanakan itu tidak berkesan hingga menimbulkan 50 kes tatatertib. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya. Terima kasih. Ah! satu perkara, saya perhatikan JPA Jabatan Perkhidmatan Awam mempunyai *SOP, Standard Operating Procedure* dan tata cara yang saya ingat sangat banyak. Dia banyak jadi oleh sebab itulah saya rasa kita boleh berharap kepada tata cara ini jika diikuti dengan baik kita akan dapat satu keputusan yang, yang menghasilkan perubahan. Tetapi, walau bagaimanapun, angka 50 adalah kecil jika dibandingkan 20 ribu pekerja. Jadi, dia memang ada selalunya keadaan begitu. Jadi, saya tidak, saya bertanya dengan pegawai dalam Suruhanjaya apa tu kerja dia kata memang angka itu memang tiap-tiap tahun dalam peringkat itu. Jadi maknanya baiknya ialah maknanya pemantauan kita adalah ketat. Tak baiknya ramai masih lagi dalam keadaan begini. Jadi, itu yang sebenarnya ini akan berlaku sebab dalam sistem perjawatan kerajaan tiada seorang pun boleh dihentikan kerja. Kerana dia mesti mengikuti proses yang, yang saya ingat terlalu berperingkat-peringkat. Jadi oleh sebab itulah keadaan ini berlaku. Dan apa yang perlu kita lakukan ialah proses penaikan gaji dan proses menilai pekerja itu mesti dilakukan oleh mereka-mereka yang mempunyai keupayaan kepimpinan baru adanya motivasi dari pegawai-pegawai bawahan.

**Y.B. PUAN TEW WAY KENG:** Soalan tambahan Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Teratai.

**Y.B. PUAN TEW WAY KENG:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin minta satu penjelasan daripada kerajaan negeri di bawah pentadbiran kewangan 5050010000 berkenaan dengan gaji dan upahan. Bagi, terdapat banyak atau sebahagian daripada pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Tempatan yang di bawah kontrak lebih daripada lima tahun. Soalan saya adalah sama ada Kerajaan Negeri bersedia untuk merujuk mereka kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (*SPA*) supaya mendapat jawatan tetap atau pun, apakah langkah-langkah untuk Kerajaan Negeri akan bertindak terhadap pegawai-pegawai yang berkhidmat di bawah kontrak yang melebihi lima tahun?

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. PUAN TEW WAY KENG:** Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi. Yang perlu kita nyatakan mengapa pegawai-pegawai ini ia masih lagi pegawai-pegawai kontrak. Antara sebab yang utama ialah kerana tak ada perjawatan yang diterima atau pun dipanggil waran yang diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Oleh sebab tidak ada perjawatan tersebut, apa perkara yang menyebabkan kita kena tunggu tersebut, sebab kalau tidak ada penerimaan ah! pengesahan itu orang yang diambil kerja itu tidak boleh dianggap sebagai pekerja tetap kerana apabila kita dianggap sebagai pekerja tetap kita akan mendapat pencen. Jadi, oleh kerana pencen tidak boleh diberikan sebab tak ada

dalam peruntukan tersebut itu perkara berlaku. Jadi, salah satu daripada usahanya ialah ini tidak berlaku dalam sektor swasta. Kerana tak ada skim pencen tapi skim *EPF* tapi mereka ini diberi dan *EPF* tapi tidak mendapat pencen. Jadi oleh sebab itulah terdapat keadaan yang ada kalanya bukan lima tahun berpuluh tahun ada juga yang pencen secara kontrak. Tapi tak dapat pencen. Itu sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Teratai boleh sambung. Ya.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih. Adakah ini kerajaan negeri Selangor merupakan satu-satunya negeri di seluruh Malaysia yang melaksanakan skim pemberian *EPF* kepada pegawai-pegawai di bawah kontrak yang telah berkhidmat dalam tempoh masa yang lama jikalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Negeri-negeri lain pun jika pegawainya kontrak dia dibayar, dia diberi caruman *EPF*. Ini untuk semua. Tapi, ada beberapa cadangan dan beberapa kiraan yang menunjukkan pendapatan daripada *EPF* itu ada kalanya lebih baik daripada pencen. Kerana pencaharum *EPF* akan mendapat *lumpsum* atau pun jumlah sepenuhnya apabila dia bersara. Manakala mereka yang pencen akan mendapat pendapatan bulanan sehingga meninggal dunia. Jadi strategi itulah yang kita kena ambil kira.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Ya. Terima kasih. Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih atas usaha bagi Kerajaan Negeri Selangor yang selalu menjadi negeri peneraju terutamanya menjadi negeri prihatin bukan sahaja prihatin terhadap rakyat tetapi juga terhadap pegawai kerajaan. Soalan seterusnya saya adalah berkenaan pegawai yang berkhidmat dengan cemerlang. Setahu kami ialah setiap tahun di peringkat Kerajaan Negeri Selangor dan juga di peringkat Kerajaan Tempatan, kita memang ada memberi satu anugerah Khidmat Cemerlang sebagai galakan ganjaran kepada pegawai-pegawai yang memang telah berkhidmat dengan cemerlang, sama ada di peringkat negeri atau PBT masing-masing. Akan tetapi ingin saya tanya apakah merit atau garis panduan bagi pelantikan pegawai khidmat cemerlang tersebut supaya yang bagi ganjaran ini bukan hanya telah menjadi satu, kita kata bonus secara bergilir-gilir. Adakah kerajaan negeri bersedia untuk memberi pegawai kerajaan supaya menghantar *report card* kepada penduduk-penduduk yang mereka berkhidmat di kawasan berkenaan atau pun bagi pelanggan-pelanggan, bagi agensi kerajaan masing-masing supaya suara rakyat diambil kira sebelum kita memberi Anugerah Pegawai khidmat cemerlang ini. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Pengerusi, cadangan itu boleh diambil kira tetapi pelaksanaannya mungkin bukan sesenang yang, yang kita lakukan. Di sektor swasta ada juga dipanggil *customers evaluation*, dipanggil penilaian *customer*. Tetapi, dia hanya berlaku dalam masa tersebut, diadakan satu borang khas, satu pertanyaan khas dibuat semasa itu dan dia dikumpulkan untuk enam bulan atau setahun. Industri



hotel ada melakukan perkara ini dan mereka yang dianggap *best* apa tu, pekerja akan dipaparkan di, di, di halaman atau pun di hotel untuk perhatian.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B 7. Iaitu wang sejumlah ringgit Malaysia RM 1,233,169 untuk kepada B 7 Caruman pada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B(8) Jabatan Pertanian RM 19,963.754. Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BN HAJI SHAFIEI:** Terima kasih tuan Pengerusi, Saya ingin membahaskan butiran 506000 Unit Perancang dan Pembangunan Negeri Kod Objek 10,000. Ah!

**TUAN SPEAKER :** Muka surat.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Di muka surat 119. Tuan Pengerusi. Ah! Kita dapati bahawa di beberapa kawasan khususnya di Sabak Bernam, di Kuala Langat dan juga kawasan-kawasan di Sg. Besar, dan saya hendak tumpukan khusus di kawasan Johan Setia, ia itu kawasan tanah revolusi hijau yang merupakan kawasan pertanian. Jadi, apa yang ingin saya bangkitkan kepada kerajaan negeri tentang ialah jalan-jalan yang digunakan bagi membawa hasil pertanian ini keluar di mana kita dapati jalan yang digunakan itu amatlah teruk dan daif keadaannya. Jadi, apakah kerajaan negeri berhasrat untuk mempertingkatkan melalui Jabatan Pertanian ini khususnya jalan-jalan pertanian supaya semua hasil yang dituai dapat dibawa ke pusat pengumpulan dan seterusnya dibawa ke pasar dengan seberapa segera.

Yang kedua. Berkenaan dengan pembangunan di kawasan tanah revolusi hijau di kampung Johan Setia dan juga Kuala Langat. Dewan yang mulia ini pernah dimaklumkan dalam perbahasan tahun 2012 oleh Dato' Menteri Besar bahawa kawasan tanah revolusi hijau sekitar 400 hektar yang ada di sekitar Johan Setia bersempadan dengan daerah Kuala Langat itu akan dibangunkan dengan aktiviti pertanian tanaman kelapa sawit. Jadi, saya ingin mengetahui apakah kerajaan Negeri sudah menyiapkan pelan pembangunan itu dan kalau ianya sudah siap bila agaknya akan dilaksanakan kerana kawasan itu sekarang adalah merupakan antara kawasan yang merupakan kawasan terbakar secara tahunan. Ya. dia musim, musim terbakar, jadi saya fikir kerajaan negeri perlu memperjelaskan ah! tentang pembangunan di kawasan itu kerana sebaik sahaja kerajaan negeri membatalkan halal hub yang sepatutnya diadakan di kawasan yang terlibat, kawasan ini sepertinya tidak diurus dengan baik hinggan pembangunan kilang haram tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Mohon penjelasan kerajaan negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Wakil Kerajaan, Y.B. Sabak

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih kepada Seri Muda ke atas soalan dan penjelasan. Berkaitan dengan jalan pertanian yang dimaksudkan di Johan

Setia jalan-jalan pertanian pihak Kerajaan tidak ada masalah untuk membaiki jalan masuk ke ladang dengan harapan kita dapat mempertingkatkan hasil tetapi jalan-jalan ladang ini, paling tidak kita akan letakkan sasaran bagi memudahkan hasil akan dapat dikeluarkan dan berkaitan dengan yang ke-2 Pembangunan Tanah yang dimaksudkan yang saya akan lihat tetapi setakat yang saya faham bahawa tanah-tanah ini masih lagi milik individu, masih lagi milik individu dan kerajaan akan cuba lihat kerana tanah ini masih bermasalah untuk dilakukan aktiviti pertanian kerana masalah kebakaran yang tidak ada henti. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Y.B. Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam Perbahasan 10010 muka surat 124, berkaitan B8 tentang Pembangunan Taman Agroteknologi ini di mana saya nampak Negeri Selangor sejak bertahun-tahun yang lalu kita telah terlibat secara langsung dengan kerjasama Kementerian Pertanian dalam membangunkan Taman Agroteknologi tujuannya tidak lain tidak bukan adalah untuk mendidik ramai petani-petani kita yang baru dididik supaya dapat menghasilkan hasil-hasil yang berbagai-bagai untuk menjadi seorang petani yang berjaya dan hasil pendapatan bulannya tidak kurang daripada 2000 atau 2500. Ini antara matlamat Taman Agroteknologi dan saya pernah melawat ketika di dalam PAC kita pergi ke Taman Agroteknologi Sungai Panjang, Sabak Bernam saya nampak kawasan di situ kita berbelanja duit yang kita salurkan terlalu banyak tetapi hasil pulangnya kesannya tidak begitu berbaloi. Ini antara perkara yang harus kita tinjau yang harus kita perhalusi kenapa sering kali projek-projek Kerajaan dilaksanakan hebahan begitu hebat sekali tetapi akhirnya keputusan yang kita dapat hasil yang kita dapat tidak seperti yang dijangka ini antara perancangan kesan perancangan. Walau bagaimana saya begitu setuju dengan langkah Kerajaan cuba memastikan pertanian ini ramai petani-petani kita ceburi dalam bidang pertanian. Walau bagaimanapun cara

**TUAN SPEAKER:** Minta maaf Sekinchan saya pun terlepas pandang dia Vot itu di bawah (P) ya Perbekalan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, ya tapi saya dalam konteks

**TUAN SPEAKER:** Pembangunan maaf bukan Perbekalan maaf

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** 505000 emolument perkara yang nak saya bahas ini tapi saya pantau dari soal Taman Agroteknologi ini sebab saya nampak ada perkara yang kita selalu terlepas pandang kerana belanja kita besar tapi hasilnya tidak berbaloi. Satu lagi yang saya nampak dalam soal padi ini industri padi dalam pertanian konteks pertanian ini. Padi di Sekinchan merupakan terbaik di Malaysia, dan produktiviti penghasilannya terbesar. Walau bagaimanapun sekarang ini yang saya nampak Jabatan Pertanian masih tidak dapat menghasilkan satu *variety* padi yang lebih *advance* lebih ke depan lebih canggih. Di mana kita sekarang menggunakan CLY ataupun MR219 atau 220 dan sekarang ada satu lagi *variety* yang baru 263 tetapi pada musim ini saya nampak ada sedikit masalah di mana sistem menuai ini hasilnya terjejas

kerana ada jangkitan daripada sakit kuning daunnya jadi kuning. Ini antara masalah yang perlu kita tangani oleh Jabatan Pertanian. Kenapa sehingga hari ini *variety* MR219 sudah lebih dari 15 tahun kita guna kita gagal lagi menghasilkan benih padi yang lebih canggih tahan dan tidak diserang oleh penyakit tahan penyakit, ini penting kerana petani ini mereka kalau benih yang mereka tanam bagus mereka akan menghasilkan pengeluaran yang lebih baik demi untuk memastikan bekalan makanan Negara sentiasa memenuhi paras yang kita capai. Ini antara saranan ataupun saya minta daripada Kerajaan Negeri dapat bantu dalam konteks industri padi ini dan harga padi sekarang ini berada dalam 1200 satu tan. Ini juga saya nampak dalam keadaan sekarang ini ada satu takuk yang lama kalau boleh Kerajaan boleh kaji dengan bagi pandangan kepada Kementerian supaya dinaikkan kerana industri padi ini sekarang ini sudah.

Untuk makluman dewan yang mulia ini sudah dimonopoli oleh Bernas di bawah seorang kroni syarikat iaitu Tan Sri Syed Mokhtar Buhari beliau telah menguasai lebih daripada 60 peratus, 50 lebih hingga 60 lebih saham-saham Bernas ini di mana ini bercanggah dengan dasar Kerajaan di mana penubuhan Bernas ini adalah untuk sebahagiannya memelihara, menjaga, mempertahankan kepentingan petani-petani bukan kepentingan kroni tetapi Barisan Nasional telah melakukan mereka biarkan kroni berleluasa dalam konteks ini

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh mencelah Sekinchan,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Mencelah

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan bagi Permatang

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sekinchan masalah harga padi ini kita pun sedia maklum kawasan kita sama-sama dari kawasan padi memang sukar nak ditentukan kali ini 1200 itu cukup baik berbanding dengan 1150 sebab pada dasarnya Kerajaan hanya menentukan harga *basic* tak menentukan kadar syiling jadi Y.B. Sekinchan kena tengok 1200 itu satu harga yang boleh diterima sebenarnya dan saya fikir isu mengenai harga padi ini tidak dapat ditimbulkan saya minta penjelasan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Y.B Permatang oleh sebab masa saya suntuk saya nak respons Permatang supaya dia puas hati. Saya cuma sentuh isu harga padi ini berkenaan dengan monopoli oleh Bernas walaupun kita tetapkan 1200 ini tetapi syilingnya kita masih 750 syilingnya. Mana Kementerian masih *outdated* kerana 750 lebih kurang jaminan kenapa kita tidak naikkan kepada 1200 dan sebagainya ini satu dan pada masa yang sama kenapa kita biarkan syarikat kroni oleh individu kita jaga seorang individu Tan Sri Syed Mokhtar biar dikuasai Bernas ini boleh diimport beras daripada luar Negeri yang murah untuk tekan harga petani. Ini persoalan yang saya timbulkan 172,000 petani seluruh Malaysia terjejas akibat angkara kerja-kerja Barisan Nasional ini.

Ini Permatang tak faham konteks ini, tak pe saya biarkan tetapi dalam perjuangan demi mempertahankan hak petani ini Sekinchan akan ke depan kita tidak kompromi soal kroni ini kita akan lawan kroni habis-habisan. Saya minta penjelasan apa *stand* Kerajaan Negeri dalam konteks ini. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Y.B. Sabak

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih kepada Sekinchan. Berkaitan dengan Agroteknologi ini walaupun beberapa masalah ditimbulkan oleh Sekinchan tadi namun Selangor masih lagi capai angka tertinggi dalam pengeluaran Agroteknologi berbanding dengan negeri-negeri yang lain di Malaysia di Semenanjung ini.

Berkaitan *variety* padi 219 ini sebenarnya masalah berkurang hasil bukan sekadar gantung kepada *variety* padi tetapi juga kepada soal persediaan sawah, kepada soal penuaian, kepada soal pembajaan, dan juga kawalan perosak, penapakan tanaman dan juga pengurusan air dan juga infrastruktur sawah, juga kesesuaian tanah dan biji benih yang sah. Ini semua perlu dilihat sebelum kita dapat mengesahkan bahawa *variety* padi yang kita gunakan sekarang, perlu kita tukar kepada jenis yang lain sebab bila kita tukar kepada jenis yang lain dibimbangi persekitaran yang sebagaimana yang saya sebutkan tadi tidak dapat kita sediakan maka saya yakin percaya bahawa hasilnya tetap akan sama juga.

Soal harga padi yang diletakan oleh federal pada kadar lantai adalah 750 sebenarnya masih lagi tetapi saya mengakui bahawa Selangor antara mendapat harga yang amat tinggi iaitu 1200 pada kadar 1200 dan berbanding dengan lain kerana mutu padi di Selangor ini lebih baik daripada mutu negeri-negeri yang lain bahkan Kedah pun sekarang ini sudah mengintai dan telah pun minta benih padi daripada Selangor ataupun yang disebut sebagai padi Selangor, sebab kita telah pun meletakkan meluaskan beberapa kawasan untuk memulakan *nature farming* menanam padi yang kita tidak menggunakan *chemical*, kimia ataupun racun dalam penanaman ini terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Y. B. Sungai Burong

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana memberi izin kepada saya untuk mengambil bahagian untuk membahaskan Vot P08 Jabatan Pertanian di bawah Vot 51001, Tuan Pengerusi

**TUAN SPEAKER:** Muka surat berapa ya

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Muka surat 122, Tuan Pengerusi pertanyaan bukan satu perkara yang penting kerana pertama sekali terletaknya jelapang padi di Negeri Selangor, yang merupakan sektor pertanian. Walaupun sektor pertanian menyumbang pertanian ke Negeri Selangor yang masih rendah tapi sebenarnya dari segi hasil tanaman pertanian hari ini telah menjadikan pertanian sebagai pertanian komersial kerana di sektor ini ramai petani-petani dari golongan

berpendapatan rendah yang perlu peningkatan produktivitiya bagi menaikkan hasil pertanian. Dari segi pengusaha-pengusaha padi kita dapati bahawa terdapat peningkatan yang tinggi pengeluaran hasil padi di kawasan jelapang padi di Tanjung Karang dan juga Sabak Bernam dengan adanya usaha-usaha dari Kerajaan Federal terutama telah memberikan subsidi daripada berbagai-bagai peringkat daripada mula membajak, menanam, persediaan tapak, yang berjumlah lebih kurang 2800 bagi setiap hektar bagi satu musim. Walau bagaimanapun pada musim yang baru ini saya bersetuju dengan Sekinchan terdapat serangan daripada makhluk perosak barangkali kita boleh merancang dan melaksanakan dari ketentuan oleh *Allah SWT*. Oleh kerana diserang oleh daun yang kering dan kuning ini menyebabkan hasil pertanian terjejas dan ini akan mengurangkan dan telah mengurangkan hasil keluaran petani-petani di kawasan tersebut daripada pencapaian KPI yang telah ditetapkan. Dalam masa ini saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor agar kita berusaha membantu golongan petani ini kalau Kerajaan Persekutuan telah membantu menyediakan subsidi lebih kurang anggaran 2800 hektar saya ingin mencadangkan sumbangan dalam bentuk *Direct Grant* kepada mereka daripada Kerajaan Negeri, ini sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah kekurangan hasil disebabkan oleh serangan makhluk perosak atau pun mungkin boleh bagi *compensation* ataupun sagu hati kepada petani-petani yang terlibat tanamannya dengan serangan makhluk perosak ini mungkin jumlahnya tidak lah begitu besar dan saya rasa ini boleh dilaksanakan oleh EXCO Pertanian, saya lihat dari segi harga padi sebenarnya sahabat saya Sekinchan ini tak memahami sengaja dia tak memahami bahawa harga padi ini ditentukan oleh faktor pemasaran, permintaan dan penawaran dan *players* dalam konteks ini bukan sahaja Bernas. Bernas hanya merupakan sebahagian kepada pembeli-pembeli padi di kawasan jelapang padi khususnya di Negeri Selangor ini khususnya *players* yang lain memainkan peranan saya sendiri mengawal operasi sebagai penasihat kepada koperasi pembeli padi di kalangan penanam-penanam padi di kawasan saya dan mereka sering kali menghadapi persaingan terutama daripada pembeli-pembeli pada kilang-kilang yang terdapat di kawasan bukan saja Bernas saya nak sebutlah nama kilang-kilang ini tapi kita tahu jumlah kehilangan besar dengan membeli padi yang menimbulkan persaingan dan kadang-kadang boleh menjejaskan harga padi. Jadi kalau harga padi ini semakin naik dengan pesaing dengan ini adalah lebih baik kalau misalnya Bernas membeli pada harga 1200 tetapi ada kilang-kilang yang membeli daripada itu maka ianya adalah lebih baik malahan saya tahu di antara kilang-kilang tidak membeli dia meletakkan harga kepada 1200 tetapi dia ada memberikan insentif kepada petani seperti membayar bayaran untuk membawa daripada ladang ke kilang. Jadi elemen-elemen ini sebenarnya telah meningkatkan hasil pendapatan

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, Sekinchan minta mencelah

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya tak bagi lah sebab ada 10 minit jer lagi kan. Kalau ada pun selepas ini

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan minta duduk

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya hendak juga mencadangkan kepada Sekinchan marilah kita sama-sama untuk membantu padi ini

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tapi kenalah bagi input

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Kita mintalah misalnya sumbangan daripada macam Kerajaan Negeri boleh membantu misalnya membolehkan persaingan yang sihat dalam pasaran padi ini. Yang ke-2 saya juga ingin membangkitkan perkara yang sama Y.B. Sekinchan tentang usaha-usaha yang terlibat oleh Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti pertanian terutamanya dengan memperkenalkan teknologi supaya hasil pendapatan pertanian bertambah. Sebenarnya konsep taman-taman Agroteknologi telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri pada masa yang lepas bersama dengan Kerajaan Persekutuan ialah bagi membolehkan pengenalan teknologi dalam bidang Agro bagi memastikan peningkatan hasil-hasil pertanian dan saya rasa beberapa projek perintis telah dibuat di negeri Selangor ini bagi mengasaskan kepada model-model tersebut. Tapi malangnya hari ini selepas beberapa tahun kita dapati Taman-taman Agro Teknologi ini mempunyai banyak masalah, banyak wang dan juga perbelanjaan telah diberikan, pembangunan infrastruktur, input pertanian dan sebagainya tetapi masih hasilnya tidak dapat memenuhi tuntutan yang disarankan. Jadi saya ingin menggesa supaya Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah positif bagi membolehkan ya Taman-taman Agro Teknologi ini, bagi memastikan supaya ia dapat dilaksanakan bagi menjana memberikan cetusan kepada peningkatan hasil-hasil pertanian secara inovatif dan berteknologi. Kalau boleh berteknologi tinggi. Yang ketiganya saya ingin membangkitkan tentang masalah pertanian di Jelapang padi di mana dalam musim tengkujuh ini masalah ini tidak berlaku tapi biasanya dalam musim kedua penanaman padi sering berlaku masalah kekurangan air pengairan di sistem pengairan di sawah padi ini. Oleh sebab pada masa itu berlaku musim kemarau dan dalam masa perbincangan-perbincangan-perbincangan dalam dewan yang lepas, EXCO yang berkenaan telah mencadangkan supaya akan membuat kajian, akan membuat kajian terhadap pengitaran semula air di kawasan sawah padi ini dengan menyediakan satu sistem di bawah pengendalian Jabatan Pengaliran dan Saliran untuk mengenal pasti cara-cara bagaimana air daripada terbuang daripada sistem buangan air itu sewaktu habis kita menanam padi, air terbazir aje, dia masuk dalam saluran ke sungai, dan kemudian masuk ke laut, air ini di kitar semula, disimpan mungkin dalam sistem perparitan yang ada dan kemudian boleh digunakan semasa musim kemarau. Jadi saya ingin mencadangkan, ingin bertanya terutama apakah kedudukan kajian-kajian yang telah dilaksanakan perkara ini dan kalau kajian ini telah dilaksanakan kita ingin tahu apakah langkah-langkah dari segi perancangan, dan kalau boleh untuk melihat bajet yang disediakan itu mengambil kira kepada sistem dan langkah bagi meningkatkan terutamanya daya pengeluaran di sektor padi yang sangat penting ini. Seterusnya tentang makhluk perosak yang berlaku di kawasan pertanian. Sebenarnya satu perkara yang hari ini, perkara itu mungkin remeh dan kecil tetapi memberi kesan kepada tanaman-tanaman terutamanya tanaman kontan yang ditanam oleh petani. Ialah musuh makhluk perosak ini ialah kera atau monyet dan juga babi hutan. Keadaan ini oleh sebab mungkin kadar *family* yang tinggi di kalangan makhluk ini maka kita dapati jumlah yang begitu banyak. Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Jabatan

PERHILITAN nampaknya kurang berkesan untuk menghalang atau menyekat pertumbuhan penduduk kera, monyet ini yang mengancam terutamanya tanaman dan juga babi-babi hutan yang juga ini mengancam tanaman. Jadi saya sangat berharap ya, EXCO Pertanian kerana ini melibatkan petani-petani yang menanam tanaman mereka yang sering terjejas dengan ini, kita ingin mendapatkan apakah juga langkah-langkah yang akan diambil terutama dalam bajet 2014 ini bagi terutamanya mengatasi masalah ini. Aduan-aduan ini telah banyak, saya ingat di kawasan Y.B. pun telah menerima, sering menerima aduan-aduan terutama daripada petani-petani tentang ancaman makhluk perosak yang berkenaan. Seterusnya juga tentang masalah jalan-jalan ladang. Jalan ladang ni disebut sebagai jalan pertanian.

**TUAN Pengerusi:** Minit terakhir ya.

**Y.B. DATO MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Yang terakhir ya. Ok. Jalan-jalan ladang ini perlu penyelenggaraan dari semasa ke semasa. Jalan-jalan ladang ini digunakan terutamanya untuk mengangkut buah-buah kelapa sawit dan oleh kerana jalan-jalan ladang ini merupakan jalan yang tidak ada rumah biasanya maka jalan ini sering terabai dalam keadaan yang teruk tetapi memerlukan penyelenggaraan dari masa ke semasa. Jadi saya memohon supaya peruntukan ini juga diberikan pertimbangan. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Y.B. Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih pada Sg. Panjang, aa.. pada Sg. Burong di atas keprihatinan dengan mengemukakan beberapa cadangan dan juga pertanyaan. Terutama sekali berkaitan dengan soal penyakit dan membantu kepada petani-petani, saya sendiri telah turun waktu dilanda sakit padi yang mendapat penyakit kuning baru-baru ini dan ketika lawatan itu dibuat padi kebetulan tengah berisi dan saya difahamkan bahawa, dan saya telah minta jabatan pertanian untuk turun supaya perhati dan tolong pantau maka daripada pemantauan, pertanian mendapati memang ada kesan terhadap hasil pertanian yang dihasilkan, ada penurunan sekitar dalam 10 ke-20 peratus daripada hasil yang sepatutnya dikutip, dituai pada masa tersebut. Jadi apa pun, kita pun telah memaklumkan pada Jabatan Pertanian supaya mengemukakan cadangan tentang bantuan yang boleh kita berikan. Insya-Allah hasil daripada maklum balas ini akan kita maklumkan kepada petani-petani dalam masa yang terdekat. Begitu juga berkaitan dengan Taman Agro Teknologi ini, memang kita sekian lama telah mengendalikan Taman Agro Teknologi dan ada yang berjaya dan ada yang tak berjaya. Itu kita mengakui dan apa pun beberapa Taman Agro Teknologi yang dulu beroperasi, sekarang kita telah mulakan untuk buka semula dalam satu sistem yang kita harap lebih baik dan akan dapat menghasilkan hasil yang lebih baik melalui pemantauan daripada pihak yang terlibat termasuk jugak daripada KPS memantau terhadap perkembangan Taman-taman Agro Teknologi ini bersama dengan jabatan Pertanian sendiri. Dan seterusnya berkaitan dengan pertanian ataupun sawah-sawah yang kekurangan air tu, memang setakat ini kita belum lagi berjaya untuk kitar semula air yang dibuang di, dibuang ke sungai dan ke laut untuk kita kitar semula, cuma kita harap beberapa program yang baru ini akan dapat membekalkan air yang cukup seperti takungan air di

Sg. Panjang dan insya-Allah, kita akan terus bincang dengan pihak Jabatan JPS supaya terutama sekali apabila di musim kemuncak di peringkat yang kedua penanaman padi ini, maka akan ada lah kawasan-kawasan yang terlewat dan masalah juga kita dimaklumkan ada petani-petani yang menggunakan, menggunakan sistem sendiri dengan menggunakan apa dipanggil belalang gajah ini untuk menyedut air dalam kadar yang tinggi untuk ke sawahnya menjadikan sistem di setengah tempat, tidak di semua tempat, menjadikan air akan sepatutnya dapat dimanfaatkan bersama jadi berkurang. Yang ini telah kita pantau dan JPS pun telah buat pemantauan dan kita akan cuba kemukakan cara yang terbaik bersama dengan JPS untuk menghadapi masalah terutama sekali di kawasan petani-petani di hujung-hujung utara, di sebelah utara. Dan kemudian masalah jalan-jalan ladang ini dan kita akan buat pemantauan lah dan memang bagi kita telah meletakkan bahawa jalan-jalan ladang ini yang kita klasifikasi sebagai jalan ladang yang tidak berpenghuni. Kita akan, kita, maksimumnya ialah kita akan meletakkan kasaran bagi mempermudah hasil dapat dibawa keluar dan dengan harapan apabila kita dapat mempertingkatkan tahap pembaikan tanah ladang ini kita akan dapat memaksimumkan hasil peningkatan hasil dapat kita lakukan. Jadi yang ini akan kita buat pemantauan dan kita akan cuba juga melalui Ketua-ketua Kampung, yang telah kita lantik untuk memberikan maklum balas kepada kita. Sekian.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tuan Pengerusi.

**TUAN Pengerusi:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang. Saya ingin merujuk kepada muka surat 119. Perkara 51001. Pembangunan dan perkembangan dasar baru. Saya amat tertarik kepada jumlah RM5 juta yang agak besar yang telah diberi kepada satu dasar baru berbanding jumlah asal 14juta kepada Jabatan Pertanian. Walaupun sumbangan gdp pertanian tidak begitu besar kepada negeri Selangor tapi pada pandangan saya pertanian ini memang cukup penting. Saya ucapkan tahniah kepada Sekinchan sebab di kawasan Sekinchan ni hasil padi amat tinggi. Apa ni, *revenue per acre* (dengan izin) adalah antara yang tertinggi kalau bukan tertinggi di negara ini dan saya ingin tanya daripada jumlah besar yang kita peruntukan ini apakah usaha kita untuk memastikan bahawa hasil daripada setiap *acre* pertanian seluruh Selangor ini dimaksimumkan. Macam mana kita dan apa rancangan kita kepada setiap jenis pertanian. Bukan sahaja padi, saya tengok pada petang ini kita bincang panjang lebar berkenaan padi tetapi di negeri Selangor ini kita ada pertanian lain. Bagaimana untuk setiap pertanian ini kita akan memastikan bahawa hasil per *acre* yang kita boleh memaksimumkan sebab negeri Selangor ni walaupun lebih besar daripada Perlis tetapi bukan besar sangat berbanding dengan bilangan penduduk yang dia ada jadi setiap inci tanah, setiap ekar tanah mesti dijaga dengan baik, mesti mengeluarkan hasil yang terbaik bagi negeri Selangor. Saya juga ingin membangkitkan isu pertanian di dalam kawasan bandar, *Urban Agriculture* (dengan izin). Maklum sekarang di kawasan perbandaran, terdapat banyak komuniti yang telah memulakan pertanian kecil-kecilan. Ada yang membuat dia di kawasan lapang, ada yang membuat dia di kawasan *left to over land* (dengan izin) di antara kawasan perumahan. Ada yang membuatnya di kawasan *reserve*, seperti di kawasan Bukit Gasing, sepanjang jajaran



KTM, *reserve* KTM dia agak luas, dan terdapat ramai yang telah memulakan pertanian di atas *reserve* ini. Macam mana kita boleh memformalkan sektor ini. Macam mana kita boleh memberi bantuan kepada sektor ini supaya hasil mereka, hasil pertanian di kawasan sini boleh dimaksimumkan sebab sekarang saya rasa penduduk-penduduk di sana tidak mempunyai bantuan daripada pihak luar. Mereka menggunakan teknologi rendah, mereka menggunakan pengalaman yang diturunkan daripada generasi yang lepas tetapi apakah cara yang kita boleh membantu mereka supaya apa yang dihasilkan di kawasan itu mungkin kawasan dia kecil, tak sampai satu ekar, tetapi apa yang dihasilkan di sana, adalah satu yang produktif. Macam mana juga kita nak perkembangan pertanian hidro, di kawasan bandar. Ada banyak *space* (dengan izin) di kawasan mungkin di bangunan tinggi, di kawasan flat kos rendah yang boleh digunakan untuk pertanian hidro untuk menjadi satu pendapatan sampingan kepada komuniti di sana. Jadi saya harap daripada jumlah wang pembangunan dan perkembangan, dasar baru ini yang cukup besar, sebahagian daripada itu akan diberi untuk tujuan ini.

**TUAN PENGERUSI:** Y.B. Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih pada Bukit Gasing. Dua perkara yang dikemukakan. Yang pertama berkaitan dengan tanah terbiar ni. Sebenarnya pihak Kerajaan Negeri pun telah melihat beberapa peluang terhadap pembangunan tanah-tanah terbiar umpamanya. Sebab apa tahun 2012 umpamanya, Kerajaan Negeri sahaja telah menerima hasil lebih kurang 45,500 ringgit daripada pengeluaran hasil daripada pengurusan tanah-tanah terbiar. Cuma apa yang jadi masalah ialah tanah-tanah terbiar yang dimiliki oleh individu. Yang ini, kita telah, kita mengharap supaya satu perbincangan antara pihak jabatan sendiri dengan individu untuk dibincangkan bersama supaya tanah terbiar yang tidak dibangunkan ini kemungkinan masalahnya, ialah masalah orang yang mengusahakannya atau mungkin tuan punya tanah sudah uzur, sudah tua dan sebagainya mengakibatkan berlaku tanah terbiar. Yang ini boleh dibincangkan, insya-Allah supaya kita dapat memaksimumkan, supaya kita harap Selangor ni tidak ada lagi tanah-tanah terbiar supaya kita usaha sama antara pihak pemilik tanah dengan pihak kerajaan itu sendiri.

Berkaitan dengan *urban farming* ini, ataupun pertanian bandar ini, pihak, Tan Sri Menteri Besar sendiri telah mengajak untuk kita melihat sekarang ini daripada beberapa buah negara supaya kita dapat laksanakan di negeri kita. Mungkin antaranya di Singapura, negara yang mengamalkan, ataupun memanfaatkan pertanian ataupun *urban farming* ini supaya dapat digunakan beberapa *area-area* bandar ini dijadikan sebagai pertanian cuma apabila berkaitan dengan *reserve-reserve* ini, pertama *reserve* KTM, ataupun *reserve* Telekom dan sebagainya. Yang ini, memerlukan satu perbincangan antara pihak pengusaha dengan pihak syarikat itu sendiri. Sebab kerajaan negeri tidak memberikan, tidak memberikan apa-apa bentuk keizinan dan sebarang bentuk bantuan sekiranya ia dilakukan tanpa adanya keizinan daripada pihak, pihak syarikat. Terutama sekali yang ditanam di bawah *high voltan* ini. Apa ni, di bawah Telekom, di bawah wayar yang bervoltan tinggi, yang ini sebab dia terpaksa menanggung risiko dan kerajaan negeri tidak hendak nak bertanggungjawab terhadap apa-apa yang berlaku kerana telah disedari bahawa tempat ini adalah merupakan

tempat larangan yang dimiliki oleh syarikat Telekom sendiri, walaupun permintaan untuk itu terlalu banyak. Jadi, kita sendiri tidak mengeluarkan apa-apa peruntukan untuk itu kerana masalah, masalah kadang-kadang pertanian ini dilakukan dalam bentuk yang tanpa keizinan pihak syarikat itu sendiri. Jadi, apa pun, yang lain-lain itu pihak kerajaan negeri bersedia untuk memberi kerjasama, memberi bantuan sokongan sama ada khidmat nasihat ataupun dalam bentuk baja ataupun dalam bentuk peralatan, yang munasabah untuk dilaksanakan. Cuma, berkaitan dengan bantuan-bantuan pertanian ini, suka juga saya menjelaskan bahawa untuk tahun hadapan, kita cuba bahawa bantuan-bantuan dalam bentuk pertanian ini kita tidak lagi berikan hanya dalam bentuk untuk dilaksanakan. Cuma, berkaitan dengan bantuan-bantuan pertanian ini, suka juga saya menjelaskan bahawa untuk tahun hadapan, kita cuba bahawa bantuan-bantuan dalam bentuk pertanian ini kita tidak lagi berikan hanya dalam bentuk bantuan semata-mata. Tetapi kita cuba melihat untuk kita beri dalam bentuk pinjaman. Tetapi maksud pinjaman ini, bukanlah, pinjaman ini maknanya kita hendak mereka memulangkan dalam bentuk wang tetapi mereka perlu memulangkan dalam bentuk *figure* hasil yang diperolehi. Umpamanya kita beri satu peralatan berkaitan dengan pertanian, apa-apa sahaja peralatan umpamanya mesin pemotong jerami, umpamanya untuk buat baja kompos dan sebagainya. Jadi, kita akan buat perjanjian dalam bentuk nilai. Berapa nilai harga itu, kita buat perjanjian dan mereka, pihak yang menerima bantuan itu perlu mengemukakan *figure* hasil yang disahkan oleh Jabatan Pertanian, kalau perikanan..perikanan kalau Jabatan Pertanian..pertanian. *Figure* hasil, pada masa ia dikeluarkan sehinggalah mencapai kepada jumlah nilai yang kerajaan negeri telah keluarkan. Ini bertujuan supaya kita tidak, kita hendak menanamkan sikap yang baik dalam amalan pertanian ini. Sebab kita tidak mahu lagi beberapa berita-berita yang kurang baik daripada petani-petani. Iaitu lah apabila kita kerajaan negeri beri bantuan untuk anak ayam umpamanya, sudahnya anak ayam hanya bertukar bakul sahaja tak sempat turun ke tanah. Kita beri umpamanya mesin enjin bot umpamanya, dia jual enjin bot. Jadi, kita akan ikuti sahaja pemantauan ini supaya petani yang terlibat ini betul-betul serius dan fokus dalam mengendalikan urusan pertanian mereka. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tuan Timbalan Speaker, satu sahaja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Masa dah habis. Jadual B (8), Jabatan Pertanian ... Jadual B (8) iaitu wang sejumlah RM19,963,754 untuk kepala B (8), Jabatan Pertanian menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B (9), Pejabat Tanah dan Galian, RM20,643,953.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Puan Pengerusi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kg. Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Pengerusi, Kg. Tunku ingin merujuk kepada muka surat 143 maksud Bekalan Vot B (09), Pejabat Tanah dan Galian, Butiran Program 5050000 Kod Objek (R) Pentadbiran dan Kewangan di bawah emolumen 100100. Dalam peruntukan belanjawan tahun 2014 ini diperuntukkan hampir RM7 juta untuk tujuan emolumen. Jadi Kg. Tunku ingin menyentuh sedikit tentang pengurusan kakitangan awam yang bertugas di Pejabat Tanah dan Galian di negeri Selangor ini ya. Pertama, tentang beban kerja dan juga tenaga kerja yang sedia ada di dalam Pejabat Tanah dan Galian ini. Seperti apa yang diketahui umum bahawa memang Pejabat Tanah dan Galian ini menghadapi kesuntukan tenaga pekerja dalam pada setiap masa jadi untuk tahun 2014 ini, kalau kita rujuk kepada Puan Pengerusi, kalau kita rujuk kepada anggaran belanjawan ini, kita akan lihat untuk tahun depan, sebenarnya bilangan perjawatan akan berkurang daripada 330 kepada 328. Saya ingat ini juga merupakan sesuatu yang tidak begitu masuk akal kerana dalam kita memperkasakan pengurusan di Pejabat Tanah dan Galian ini, bilangan perjawatan seharusnya meningkat dan bukannya merosot dan saya juga sempat memerhati *trend* pengagihan tenaga pekerja di dalam Pejabat Tanah dan Galian ini, saya mendapati bahawa bilangannya lebih kurang sama. Iaitu antara 320 lebih hingga 330 lebih. Ia tidak banyak berbeza. Saya mencadangkan kepada kerajaan negeri Selangor apabila kita menaikkan emolumen ini, kita juga harus mempertimbangkan di mana bilangan perjawatan ini juga harus dinaikkan khususnya dalam beberapa tugas yang saya rasa PTG masih menghadapi kesukaran iaitu, PTG masih belum lagi mempunyai bilangan sokongan profesional yang mencukupi. Apa itu Pegawai Sokongan Profesional yang saya maksudkan di sini, iaitu Pegawai-pegawai seperti Pegawai Profesional yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan undang-undang, Akauntan, Jurutera dan sebagainya. Mengapa kita memerlukan pegawai ini? Kerana, saya lihat tugas yang diletakkan kepada Pejabat Tanah ini semakin hari semakin banyak dan ia memerlukan pengetahuan yang spesifik terhadap sektor-sektor seperti undang-undang.

Kami sedia maklum bahawa ada kes mahkamah yang perlu diuruskan oleh PTG dan terdapat tunggakan. Sebahagiannya disebabkan oleh kekurangan pegawai ataupun kelewatannya disebabkan oleh apa ni, Pegawai Pendakwa raya. Jadi, saya minta sekiranya ada terjadi kejadian seperti ini, kita perlu menambahkan pegawai yang mempunyai kemahiran dalam jurusan undang-undang ini. Kalau kita tidak ada maka kita perlu melantik firma-firma guaman di luar untuk menjalankan tugas ini dan seterusnya meningkatkan kualiti kerja Pejabat Tanah dan Galian. Ini berlaku di sektor yang melibatkan undang-undang. Terdapat juga bahagian ataupun tugas-tugas yang melibatkan kemahiran dari segi perakaunan, ekonomi kewangan dan juga jurutera, kejuruteraan awam dan sebagainya. Jadi saya rasa, ini perlu diberi perhatian sekiranya pun kita tidak ada pegawai yang mempunyai kemahiran ataupun pengetahuan dalam bidang ini, maka saya juga mencadangkan supaya lebih banyak peruntukan disediakan untuk menghantar pegawai-pegawai tanah ini menghadiri kursus-kursus di Universiti supaya mereka sekurang-kurangnya, mereka ada juga konsep dan pemahaman terhadap isu-isu tanah ataupun isu-isu undang-undang dan saya rasa isu-isu berjangka pendek ini sebenarnya sentiasa ada. Maka, kalau tidak ada pun kita boleh menjalankan *collaboration* dengan IPT-IPT yang sedia ada dan saya rasa mereka akan

sudi menawarkan bantuan mereka kepada kita dengan kos yang lebih, yang munasabah.

Seterusnya, saya juga ingin menyentuh tentang, penempatan pegawai di dalam PTG ini. Ada juga penempatan, terdapat juga kejadian di mana pegawai yang ditempatkan di PTG ini dia tidak, dia dilantik oleh JPA dan tidak mempunyai pengetahuan yang secukup-cukupnya tentang hal ehwal tanah dan ini merupakan satu masalah kerana pegawai baru yang datang untuk bekerja di bawah PTG ini sekiranya dia tidak ada kemahiran ataupun pengetahuan dalam pengurusan tanah, maka kesinambungan itu tidak ada. Dan dia memerlukan masa yang panjang untuk menyesuaikan diri dengan cara-cara kerja, dengan borang-borang yang ada dalam Kanun Tanah Negara. Saya rasa ini adalah suatu yang perlu diberi perhatian, jadi, saya minta pihak kerajaan negeri Selangor melihat perkara ini, meminta kalau boleh pada masa-masa depan penempatan pegawai ke dalam PTG, bukan sahaja PTG sebenarnya, termasuk juga PTD, Pejabat Tanah dan Daerah, ia perlu dibincangkanlah dengan kerajaan negeri Selangor, khususnya dengan Ketua Pengarah supaya mereka yang dihantar ke dalam, yang dihantar oleh JPA ke dalam Pejabat Tanah ini mempunyai pengkhususan ataupun sekurang-kurangnya pengalaman dalam bidang pengurusan tanah. Jadi, itu adalah dua cadangan utama yang ingin saya sampaikan di sini.

Akhir sekali, *point* yang terakhir ialah saya memohon supaya dipertimbangkan. Isu tanah ini adalah satu isu yang sangat penting untuk kerajaan negeri Selangor. Selain daripada mengadakan satu audit pengurusan, satu audit di peringkat di bawah Pejabat Menteri Besar, saya juga ingin mencadangkan supaya, untuk Pejabat Tanah dan Galian ini, kita adakan juga satu audit pengurusan setiap tahun dan saya juga ingin mencadangkan supaya Pejabat Tanah dan Galian ini menyediakan satu laporan tahunan yang akan dibentangkan di dalam Dewan ini supaya orang ramai akan tahu apa yang telah dilakukan, apakah pencapaian yang telah dicapai oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor untuk satu tahun yang lalu. Sekarang ini, saya rasa kita tidak ada apa-apa laporan tahunan. Kita ada laporan tahunan daripada agensi kerajaan, perbadanan kerajaan, syarikat-syarikat kerajaan tapi kita tidak ada satu laporan tahunan daripada Pejabat Tanah dan Galian. Saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik, mungkin bermula tahun depan kita boleh melakukannya dan kita bantangkan kepada Dewan ini apa yang telah dilakukan. Apa kelemahan ataupun cabaran yang akan Pejabat Tanah menghadapi dan kita boleh berbahas ataupun mencari idea untuk menyelesaikannya di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, itulah apa yang ingin saya sampaikan dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini terima kasih Puan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, saya jemput pihak kerajaan untuk memberi ulasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, Kg. Tunku betul apabila dia menyatakan kepentingan Pejabat Tanah dan Galian. Dia merupakan satu *resource centre* untuk negeri Selangor sebab kutipan cukai sekurang-kurangnya RM500 juta dikutip setiap tahun melalui Pejabat Tanah dan Galian dan Pejabat-pejabat Daerah. Jadi, di Pejabat Daerah, ada juga Pejabat Tanah yang dikelolakan kemudian akhirnya

Pejabat Tanah dan Galian. Walau bagaimanapun, dalam struktur penjawat awam, JPA, pengkhususan jawatan tidak dikumpulkan di bawah satu pejabat tetapi di bawah beberapa perbadanan ataupun di bawah *centres*. Umpamanya, kalau inginkan peguam, mesti melalui Jabatan Peguam, Peguam Negara. Dia, hantar apa yang dipanggil, *secondment*, kalau inginkan dipanggil *Land Surveyor*, dia pula daripada jabatan yang lain. Kalau ingin pula *Accountant*, dia dari Akauntan Negara, jadi dia ada *secondment*. Oleh sebab itu satu daripada usaha yang kita mula cuba lakukan ialah mengumpul mereka sebagai satu projek *is a touch project center* di mana dalamnya diketuai oleh Pengarah Tanah dan Galian dan di sokong oleh profesional ini sebagai satu tugas tertentu sebab mereka-mereka ini sebab mereka-mereka ini tertakluk kepada apa yang dikatakan kenaikan kerjaya melalui aliran-aliran mereka sendiri. Jadi kalau akauntan melalui aliran mereka, kalau *lawyer* melalui aliran mereka. Jadi itulah sebabnya satu usaha *to redesign the job* yang dalam pejabat-pejabat tanah ini perlu dilakukan. Walau bagaimanapun sebelum melakukan perkara ini kita perlu perbetulkan proses kerja, oleh sebab itulah proses kerja telah mula kita lakukan dengan mendigitalkan *to digitalize* fail-fail jadi dengan itu bila proses kerja dapat dilakukan barulah *team work* itu dapat ditubuhkan. Jadi saya rasa ini adalah dalam perhatian Kerajaan Negeri dan sudah tentulah banyak perkara-perkara yang boleh diperbaiki dan dipertingkatkan terutama melatih pegawai-pegawai itu mempunyai *multiskilling* dia bukan saja pegawai tanah tetapi dia juga mempunyai ilmu tentang undang-undang tanah. Dia juga mempunyai keupayaan untuk melakukan *land survey* dan kalau kita dah ada *multi skilling* ini sudah tentu kerja-kerja yang di buat di Pejabat Tanah adalah lebih cepat lagi. Jadi ini akan kita cuba usahakan dan kita berharap perkara ini akan diperbaiki dari semasa ke semasa *we cannot make a revolution change* kerana proses itu mesti berperingkat-peringkat sebab apa dalam membuat perubahan itu pekerja-pekerja ini masih lagi berinteraksi dengan pengguna-pengguna Pejabat Tanah. Jadi kalau kita buat perubahan yang besar dia akan menyusahkan masyarakat yang menggunakan perkhidmatan Pejabat- Pejabat Tanah.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Pengerusi, Rawang ingin merujuk kepada muka surat 143 butiran 505001 Pentadbiran dan Kewangan Dasar Baru. Saya ingin tahu sejauh manakah sistem elektronik ataupun sistem pengkomputeran yang kita gunakan setakat ini untuk wujudkan data tanah bagi juga mengurangkan salah satu cara untuk pergantungan kita kepada mungkin *human resource* manusia dan dengan sistem yang lebih efisien ini dia boleh kurangkan juga banyak kerja.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, dia dalam proses pelaksanaan boleh jadi kita akan boleh membawa ADUN-ADUN melawat tempat simpanan fail di Stadium Shah Alam. Ada beberapa lori fail dah kita simpat dekat Stadium Shah Alam dan data yang tinggal di pejabat ialah *thumbdrive* yang menyimpan data-data tersebut, jadi ada tapi dia sekarang dalam proses pembesaran dan umpamanya kalau kita nak

cari fail yang dibuat pada Tahun 2000 jadi kita boleh terus tengok dalam komputer tentang fail-fail itu dan boleh di *download* untuk usaha kerja dan seterusnya.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Puan Pengerusi. Puan Pengerusi saya mungkin nak tanya soalan lebih kurang sama dengan apa yang dibangkitkan oleh pihak Rawang dan saya minta penjelasan terus daripada pihak Kerajaan mengenai sistem pengkomputeran hak milik peribadi tanah sebagaimana yang dibuat Kerajaan sekarang. Jadi setakat mana sistem ini, apakah telah dilaksanakan sepenuhnya maknanya merekod semua hak milik tanah dalam seluruh Negeri Selangor. Kemudiannya yang kedua saya juga ingin dapat maklumat daripada pihak Kerajaan bagaimana sistem maklumat peribadi pemilik-pemilik tanah ini dilindungi oleh pihak Pejabat Daerah, Pejabat Tanah ataupun PTG contohnya. Jadi kita sedia maklum bahawa setengah orang mungkin mahu maklumat-maklumat hak milik peribadi harta-harta mereka berupa hartanah dan sebagainya dilindungi daripada boleh dicerobohi oleh mana pihak yang berkepentingan sama ada apa dalam keadaan sekalipun. Jadi mesti ada satu sistem kalau kita boleh *access* semua hak milik peribadi, orang itu boleh juga dikatakan sebagai satu pencerobohan peribadi kepada hak milik individu-individu yang tertentu, jadi bagaimana sistem ini boleh melindungi hak milik peribadi ini. Dan yang ketiganya, saya mohon juga penjelasan bagaimana, apakah sistem yang diwujudkan ini pengkomputeran ini membolehkan maklumlah sekarang ini kita tahu dalam sistem teknologi maklumat sekarang ada juga kepandaian individu-individu tertentu dalam membuat hak milik atau pindah milik yang boleh dibuat menggunakan komputer secara *online*, boleh juga dibuat sekiranya sistem ini begitu terbuka. Jadi bagaimana perkara ini boleh di atasi oleh pihak Kerajaan supaya pindah milik ini nanti tak adalah orang kata tiba-tiba esok pagi orang tengok tanah dah hilang daripada hak milik dia kerana sistem yang barangkali mungkin boleh dicerobohi dan boleh dipindah milik itu secara menggunakan sistem yang hari ini. Jadi saya minta penjelasan itu. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Puan Pengerusi. Soalan yang dikemukakan oleh Permatang tentang kecurigaan tentang sistem-sistem ini ialah soalan yang paling awal ditanya oleh pegawai-pegawai Pejabat Tanah. Sistem yang dibuat ialah apa yang dipanggil sistem terbahagi kepada 3 sistem. Sistem dipanggil *read file*. *Read file* maknanya orang boleh menengok tapi dia tidak boleh mengubah maknanya sistem itu dia dibuat *read file* boleh untuk semua tapi bila nak buat perubahan sistem itu mempunyai kawalan-kawalan yang banyak itu. Ketiga-tiga kawalan itu termasuk mengetahui sesiapa yang membuat perubahan-perubahan tersebut dan dalam pada itu juga fail itu juga ada juga mempunyai yang dipanggil *control* bererti setiap perubahan yang dibuat ada *duplicate* maknanya sudah ada satu sistem yang mengambil data masa orang buat perubahan. Jadi setiap masa perubahan itu tidak bila dibuat saja oleh seorang itu rekod tentang apa yang dibuat sudah diasingkan. Jadi dengan cara itu bererti kita akan dapat menghalang tentang penyalahgunaan sistem-sistem tersebut termasuk katakanlah ada orang memasukkan apa yang dipanggil *worm* dalam sistem tersebut. Itu pun telah kita buat supaya dia ada *a standby system* jadi kalau ini masuk,

ini *off line standby system* dia *immediety offline standby system* yang ada. Jadi sebab itulah ini perkara-perkara bukan untuk Pejabat Tanah. Pengalaman-pengalaman ini diambil daripada sistem *banking* sebab *banking* hilang duit lagi, lagi banyaklah oleh sebab itu sistem-sistem ini bukanlah satu perkara yang baru yang dalam apa dipanggil *data management*. Perkara yang ditanya awal itu yang kita boleh jemput melawat stadium lepas itu kita juga akan pergi ke setiap Pejabat Daerah jadi bila dah siap di bahagian Ibu Pejabat Bangunan SUK kita akan pergi ke setiap Pejabat Daerah. Saya bayangkan lagi 3 tahun akan datang Pejabat Daerah, Pejabat Tanah di depannya itu sangat kecil belakangnya tak ada lagi fail yang bertimbun, tak ada, dia dah hilang. Fail itu dah tak ada di situ, jadi sangat bersih dan sangat menarik jadi kalau datang tak payah beratur tapi duduk dekat *laptop* sahaja. Itu dia punya gambaran yang kita nak buat ataupun Penolong Pegawai Daerah akan turun padang membawa Pejabat Tanah bersama dengan beliau iaitu bersama dengan iPad, itu gambaran yang kita nak lakukan. Jadi saya rasa banyak lagi perkara yang perlu kita perbaiki dan kemas kini dan kita merasakan kalau Selangor sebagai negeri ingin beroperasi dengan cekap Pejabat Tanah dan Pejabat Tanah dan Galian mesti dipertingkatkan tentang keupayaan pengurusanannya.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras. Singkatkan ya Paya Jaras, terus kepada isu itu.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Baik terima kasih Puan Speaker. Saya hendak bertitik tolak daripada disebut oleh Rawang berhubung kait dengan sistem tanah ini. Kita maklum telah dilancarkan untuk mengetahui kedudukan tanah di Selangor ini cuma itu berhubung kait tanah cuma saya nak kepastian daripada Kerajaan bagaimana dengan Sistem Cukai Tanah terutama dengan kes-kes yang Kerajaan tersalah cukai pada waktu Kerajaan dahulu. Saya bagi contoh Yang Berhormat Speaker, kes dengan rujukan PTG Selangor 51/1/9-1/05 dengan tajuk Permohonan Pengurangan Bayaran Cukai Tanah Bagi Geran 59005 hingga Geran 59008 dan Geran 62820, ini telah diluluskan oleh MMKN pada tahun 18 Mei 2005, persoalannya mengapa kes ini tidak selesai? Apakah Kerajaan tidak ada sistem mengetahui bahawa kita terlebih caj dan tidak lagi membuat pembayaran, Speaker.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Biasanya dalam apa-apa organisasi Puan Pengerusi lebih caj tu dia orang diamlah (Dewan ketawa) tetapi *this is, the truth is* kalau ikut sistem *banking* kalau dia bayar tak betul maknanya caj tak betul, buku tak boleh *balance*, dia kena pulangkan balik, itu dia punya sistem. Sistem tu bila bayar tak betul, maknanya dia kena, dia tak boleh *balance* dia punya akaun, dia kena pulangkan balik. Jadi kalau betul kerajaan negeri silap memberikan, mengenakan cukai, dia pemilik tanah berhak untuk *claim, that's a right*. Jadi teruskan usaha *claim*lah tak ada *no issue, no issue* dan *principally* saya tengok sistem itu tak ada sistem cek. Kalau kita buat, saya tengah menyediakan sistem cek yang mana kalau kita silap dia akaun itu tak *balance*. Jadi, dia kena betulkan, jadi, tapi jawapannya ialah kalau kerajaan silap kerajaan kena bayar, itu sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Masa sudah cukup untuk Kepala ini Jadual B09 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta, Enam Ratus Empat Puluh Tiga Ribu, Sembilan Ratus Lima Puluh Tiga Ringgit untuk Kepala B09 Pejabat Tanah dan Galian menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B10 Jabatan Perhutanan Ringgit Malaysia: Sembilan Belas Juta Lapan Ratus Lima Puluh Enam Ribu Enam Ratus Lima Puluh Sembilan.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B10 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia: Sembilan Belas Juta Lapan Ratus Lima Puluh Enam Ribu Enam Ratus Lima Puluh Sembilan Ringgit untuk Kepala B10 Jabatan Perhutanan menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B11 Pejabat Mufti Ringgit Malaysia: Tiga Juta Seratus Dua Puluh Enam Ribu Tiga Puluh Empat.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B11 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia: Tiga Juta Seratus Dua Puluh Enam Ribu Tiga Puluh Empat Ringgit untuk Kepala B11 Pejabat Mufti menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B12 Jabatan Kerja Raya. Ringgit Malaysia: Seratus Dua Belas Juta, Tiga Ratus Dua Puluh Ribu, Enam Puluh Tiga.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Puan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 186 Bahagian Perkhidmatan dan Bekalan di mana angka-angka anggaran 2014 adalah sama dengan peruntukan 2013. Dengan angka-angka yang sama ini saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan sama ada memandang serius atau tidak terhadap penambahan lampu jalan mengikut permintaan rakyat. Ini adalah kerana penambahan lampu jalan yang beratus-ratus tiang itu akan menimbulkan kos penyelenggaraan yang tinggi sekurang-kurangnya bayaran bil elektrik setiap bulan akan bertambah. Saya dimaklumkan oleh Penghulu Mukim di Hulu Selangor bahawa semenjak Pakatan Rakyat mengambil alih kuasa pemerintahan di negeri Selangor maka mereka tidak pernah diminta untuk mengemukakan cadangan penambahan pemasangan lampu jalan. Saya ambil satu contoh iaitu di Mukim Hulu Bernam Selatan di mana permintaan rakyat terhadap lampu jalan adalah sebanyak 90 tiang yang mana tiang telah disediakan tetapi peralatan bekalan lampu tidak dipasang lagi. Ini adalah satu mukim sahaja, bagaimana dengan seluruh Hulu Selangor ada 8 mukim dan seluruh negeri Selangor pula. Kita sedia maklum bahawa lampu jalan adalah menjadi



satu keperluan kerana dia untuk keselamatan penggunaan jalan raya dan mengurangkan kadar jenayah. Ini bukan sahaja dalam muka surat 186 tetapi daripada muka surat 179 hingga ke muka surat 187. Kesemuanya angka-angka adalah sama. Jadi setakat ini kerajaan negeri, setakat manakah mementingkan penambahan pemasangan lampu jalan ini untuk mencahayakan Selangor ataupun *Selangor Shine*.

**TUAN SEPEAKER:** Yang Berhormat Sijangkang.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Kuala Kubu Baharu yang cukup prihatin berkaitan dengan lampu jalan. Saya kira kerajaan negeri Selangor membelanjakan jumlah yang begitu besar sebenarnya untuk penyelenggaraan lampu-lampu jalan yang sedia ada. Pun begitu sebenarnya berkaitan dengan penambahan lampu jalan ini juga diberi perhatian terutamanya di kawasan-kawasan yang menyebabkan kebanyakan kemalangan dan sebagainya dan saya kira, walaupun saya tidak ada data secara tepat pada tahun ini dan tahun-tahun sebelum ini, berkaitan dengan penyelenggaraan lampu jalan ini tetapi boleh saya katakan ia menyumbang satu jumlah yang cukup besar walaupun sebelum ini saya lihat bagi tujuan pengurusan ini dimasukkan di dalam pembangunan tetapi apabila kita pisahkan penggunaan kewangan kerajaan negeri untuk penyelenggaraan lampu jalan ini telah membelanjakan jumlah kewangan yang cukup besar. Pun begitu saya akan lihat sepertimana tadi dimaklumkan bahawa Hulu Bernam Selatan keperluannya 90 tiang. Saya kira itu satu jumlah yang, yang 90 tiang sudah ada cuma lampu sahaja tidak ada. Saya kira ini jumlah yang cukup besar dan sudah tentu di semua daerah ada keperluan-keperluan dan kita akan melihat secara profesionalnya daripada Jabatan Kerja Raya ini mana yang ada prioriti yang perlu kita akan lakukan untuk pada tahun hadapan, terima kasih.

**TUAN SEPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan B12 mengenai Perbelanjaan Bekalan bagi JKR Jabatan Kerja Raya 505000 muka surat 171 mengenai emolumen. Berkenaan dengan JKR ini saya sukacita ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini dalam konteks jalan-jalan khususnya jalan raya Persekutuan 5. Jalan Persekutuan 5 yang segmen daripada Kapar ke Sabak Bernam di sebelah khususnya daripada Tanjung Karang ke Sabak Bernam di mana saya nampak jalan-jalan berlekuk-lekuk, tidak rata tetapi kebelakangan ini, dalam sebulan dua ini sudah diturap dan dinaik taraf. Pada masa yang sama saya meminta supaya jalan tersebut dipantau dan diselenggara dengan baik kerana jalan itu merupakan jalan yang cukup sibuk dengan kenderaan dan kemalangan berlaku cukup kerap sekali apabila hujan kerana permukaan tidak rata, satu selekoh kecil itu pun akan berlaku apabila ada takungan air hujan di situ akan terbabas akhirnya yang menyebabkan kemalangan sering berlaku di jalan Persekutuan 5. Saya minta pihak kerajaan memantau soal penyelenggaraan Jalan Persekutuan 5 ini walaupun kita tahu sedia maklum bahawa jalan ini di bawah selenggaraan JKR Persekutuan, tetapi kerajaan negeri kita harus ambil maklum dalam perkara ini. Pada masa yang sama di depan BERNAS Sekinchan sampilah Parit Empat hingga ke bomba di situ jalan-jalan dan lampu-lampu jalan di kiri kanan ye sering kali tidak hidup, rosak dan sebagainya

tidak berfungsi kerana apa, kerana saya diberitahu tender sudah tamat dan sebagainya. Keadaan ini telah menjadi gelap di kawasan tersebut, tumpuan taman-taman di sekitar. Jadi sering kali juga akibat kegelapan menyebabkan kemalangan, ha.. kegelapan. Jadi inilah antara menjadi punca kita nak minta supaya perhatian diambil oleh JKR agar dapat segeralah, ye segera menyenggara dan membaik pulih semua lampu-lampu jalan di situ. Pada masa yang sama satu *point* yang ingin saya tekankan adalah jalan Taliair 5 daripada Sekinchan menuju ke Said A, Jalan Taliair 5 inilah, dulu ini jalan bendang tetapi sudah menjadi jalan sebahagiannya sudah begitu elok cuma kita dah minta pada satu ketika dulu diperluaskan, dilebarkan untuk kerana jalan itu begitu sibuk. Sekinchan ini terkenal dengan kawasan pelancongan sekarang. Bas pun masuk, dulu hanya kenderaan sahaja, sekarang bas. Jadi kawasan itu sudah dilebarkan. Saya ucapkan terima kasih kepada JKR tetapi dia tinggal 0.5 kilometer tak buat, ha.... itu dah 2 tahun dia tinggal kerana peruntukan

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sekinchan, sudah masuk isu pembangunan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, ya.. saya tahu, cuma saya

**TUAN SPEAKER:** Sila hadkan kepada Bekalan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ok saya bawa sedikitlah sebab, bekalan-bekalan. Jadi benda ini mintalah diambil perhatian supaya kerana banyak kali saya sudah sebut dalam Dewan, tidak ada tindakan lagi. Sekian, terima kasih. Saya tidak mahu panjang lebar, sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Yang Berhormat Kerajaan, er... Yang Berhormat Ahli Kerajaan Negeri, tolong bagi ulasan.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih. Saya kira Sekinchan pun cukup prihatin, sepatutnya kita bahaskan Bekalan dah masuk Pembangunan. Walau bagaimanapun saya kira ini adalah antara perkara-perkara yang sedia diketahui umum berkaitan dengan jalan, jalan rosak, jalan berlubang dan sebagainya. Kalau kita lihat daripada segi aduan pun yang berlaku pada tahun 2012 sebahagian besarnya kalau boleh saya sebutkan di sini berkaitan jalan rosak adalah perkara yang sangat banyak kita terima aduan daripada kepada JKR iaitu 30 peratus. Masalah lampu jalan rosak juga, atau lampu-lampu isyarat 24.7%, lampu jalan rosak 11.7%, bermakna ini antara perkara-perkara yang memang sudah diketahui keperluan-keperluan ataupun permasalahan yang berlaku dan pun begitu dengan peruntukan yang ada, bagi pihak kerajaan kita melihat prioritinya, mana yang perlu kita buat terutamanya di kawasan-kawasan kalau lampu sudah tentulah kawasan-kawasan yang mendatangkan bahaya, kawasan-kawasan yang boleh menyebabkan kemalangan, masalah salah laku sosial dan sebagainya itu menjadi prioriti. Begitu juga dengan masalah jalan dan kita juga merancang tahun hadapan bagaimana dengan kewangan yang kita ada, kita boleh menjalankan projek-projek kita dengan penuh strategi. Sebagai contoh jalan, kita baik pulih ataupun naik taraf waktu yang betul, waktu panas bukan waktu hujan yang mana waktu hujan risiko untuk rosak semakin tinggi dan inilah perkara-perkara yang

sebenarnya kita lihat kepada prioriti dan saya kira sehingga kini segala perancangan dan projek-projek yang dijalankan adalah mengikut profesionalnya, profesionalisme yang telah dilakukan oleh JKR itu sendiri, terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Puan pengerusi, terima kasih. Saya merujuk muka surat 180, Butiran Program 505200, Kod Objek JKR 28000 JKR Gombak, Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil. Kita lihat bahawa ada peruntukan RM2.4 juta bagi tahun lalu dan tahun sekarang dan tahun yang akan datang, cuma saya ingin mendapat ulasan daripada pihak kerajaan negeri dari segi SOP *Standard Operating Procedure* hubungan antara JKR Gombak dan JKR Selangor kerana saya tidak melihat ada konsistensi dari segi SOP. Pertamanya dalam kes aduan saya tentang jejantas yang atapnya, bumbungnya sudah rosak berlubang-lubang di MMR2, prosedurnya jelas JKR Gombak melapur kepada JKR Selangor dapat peruntukan dan dibaiki dalam tempoh masa yang agak pantas. Tetapi tahun ini, tahun lalu saya telah membuat aduan tentang dengan izin *sound barrier* di MMR2 berdepan dengan Taman Malawati dan Taman Permata didapati prosedurnya tidak teratur dan tempoh masa yang diambil cukup lambat. Baru-baru ini saya dimaklumkan bahawa projek itu akan dilaksanakan tetapi tanpa jadual yang tetap. Jadi minta penjelasan daripada pihak kerajaan dari segi SOP, dari segi konsistensi dan ketetapannya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Hulu Klang. Saya kira ini yang berkaitan di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan kita mungkin boleh semak semula dan biasanya peruntukan yang diturunkan kepada negeri dan cuma pelaksanaan daripada kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri memantau projek-projek yang dilakukan. Pun begitu saya akan cuba dapatkan secara *detail* nya *Standard Of Procedure* yang diamalkan supaya perkara-perkara yang menyebabkan kelewatan dan sebagainya tidak akan berlaku pada masa-masa akan datang.

**Y.B. TUAN KAMROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tuan Pengerusi

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 171, Kod 505003000 berkenaan dengan aset yang mana tidak terdapat peruntukkan pada tahun 2013 tapi bagi anggaran belanjawan 2014 ini kita telah agihkan RM182,000.00 untuk 550 untuk perkara berikut dan juga saya merujuk kepada butiran.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Teratai, apa masalahnya untuk isu yang telah dibangkitkan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Saya ingin mohon penjelasan atas penambahan atau anggaran yang telah diagihkan untuk perkara berikut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Itu sahaja ke?.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** .. dan satu lagi adalah 503001, dengan Kod 2000 dengan anggaran RM1.8 juta dan saya dengan ini ingin mengambil kesempatan untuk menarik perhatian Kerajaan Negeri Selangor supaya mengambil berat atas permohonan atau perkara-perkara yang patut disempurnakan yang mana telah ditangguhkan sekian lama seperti pembinaan jalan-jalan, *missing link* dan sebagainya. Seperti mana di DUN saya iaitu terdapat 1 jalan yang sepatutnya menghubungkan dari kawasan Bukit Cheras Hartamas ke kawasan Taman Bukit Teratai. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Itu adalah Pembangunan. Yang Berhormat Sijangkang.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Tunggu sekejap ya, Sungai Air Tawar saya bagi peluang nanti.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, Teratai. Saya kira berkaitan dengan 505002, pertambahan peruntukkan untuk aset RM182,000.00 yang tidak ada diperuntukkan pada tahun lepas. Sekiranya adalah berkaitan dengan pembelian kenderaan Ketua Audit. Berkaitan dengan pembelian kenderaan ia akan menjadi aset kepada JKR. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Terima kasih, Tuan Pengerusi saya mengambil perhatian mengenai dengan Kod Projek 1040, Jalan.

**TUAN SPEAKER:** Muka surat mana satu.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Muka surat 198.

**TUAN SPEAKER:** 198.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Perkara.

**TUAN SPEAKER:** Yang itu sudah masuk Pembangunan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Pembangunan ya.

**TUAN SPEAKER:** Kita hadkan kepada B, Bekalan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Ok, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ok, ya.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih, Tuan Speaker, Kinrara ingin membangkitkan satu masalah di JKR Petaling.

**TUAN SPEAKER:** Muka surat?.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Muka surat 179. Sebenarnya Kinrara ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mempertimbangkan untuk memberi peruntukkan yang lebih bagi JKR Petaling untuk mendapatkan lebih banyak pekerja atau *engineer* di bawah JKR Petaling. Ini oleh kerana JKR Petaling adalah satu kawasan yang amat luas dan banyak DUN sebenarnya ramai Yang Berhormat- Yang Berhormat di sini bawah JKR Petaling. 6 DUN, ramai yang bawah JKR Petaling, jadi satu masalah atau satu aduan yang kita kerap terima adalah selalunya tidak cukup kakitangan daripada JKR Petaling, walaupun aduan yang kecil seperti lubang jalan, *port hose* atau jalan yang bawah kawalan JKR Petaling. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya yang berkaitan dengan isu pekerja, ataupun penjawat awam, ataupun *engineer* ataupun apa sahaja. Memang kalau kita lihat di kebanyakan Jabatan kita mempunyai kekangan dari segi bilangan penjawat-penjawat awam ataupun seperti mana di daerah-daerah Petaling ini khusus untuk *engineer* dan sebenarnya soal perjawatan ini adalah bergantung kepada jawatan yang disediakan oleh dan ini bergantung kepada Kerajaan Persekutuan. Walaupun begitu, saya kira sekiranya ada keperluan mungkin boleh dilantik secara kontrak dan sebagainya. Walaupun itu, kena ada persetujuan daripada Kerajaan Negeri lah. Saya kira saya, kita akan melihat pertimbangan berkaitan keperluan penjawat-penjawat awam ataupun *engineer* yang disebutkan tadi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bangi dulu.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya nak merujuk ke muka surat 195, Kod 10040500.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Bangi, 195 itu pembangunan. Kita sekarang perbincangan bekalan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Oh, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih, Tuan Speaker, saya ingin bertanya berdasarkan muka surat yang disebut oleh Yang Berhormat Kinrara tadi. Kepada Yang Berhormat EXCO, bagaimana cara menyelesaikan masalah di antara 2 konflik iaitu masing-masing mengatakan bidang kuasa masing-masing. Jalan Persekutuan digunakan oleh rakyat Selangor, jalan Persekutuan yang digunakan oleh lebih 10,000 rakyat yang mana semuanya bergantung kepada 1 *traffic light* dan kerana 1 *traffic light* ini setiap bulan jalan di antara Jalan Rahidin dengan Kuala Selangor ini mempunyai kemalangan setiap bulan untuk 7 tahun kebelakangan ini. Tidak ada 1 tahun pun tidak, tanpa ada kemalangan. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO, bagaimana cara kita nak selesaikan ini. Pergi pada JKR, JKR kata ini jalan Persekutuan. Pergi pada Negeri kata tidak ada bidang kuasa, sedangkan rakyat merana untuk keluar ke jalan ini Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya kira ini adalah kaitan dengan peruntukkan walaupun kita mendapat peruntukan juga daripada Kerajaan Persekutuan dan bilangan projeknya sebenarnya begitu banyak dan sudah tentulah ada *priority-priority* yang mana yang akan diutamakan di dalam projek-projek tertentu. Saya tidak menafikan kalau yang disebutkan oleh Yang Berhormat Paya Jaras tadi ya. Bahawa perkara ini sudah ditunggu, dilaporkan begitu lama dan menyebabkan permasalahan kepada rakyat begitu lama. Cuma seperti mana dikatakan tadi, ia bergantung kepada peruntukan kalau kita lihat pun sebenarnya peruntukannya begitu besar, kalau kita lihat senarai projek JKR Selangor yang di bawah Kerajaan projek Persekutuan sendiri ya, jumlah pembinaan pada tahun 2012 hingga 2013 sejumlah 340 projek yang menelan belanja lebih kurang RM2.4 bilion dan masih ada lagi projek-projek itu yang setelah siap pembinaan dan masih ada lagi ya. Itu yang masih dalam pembinaan dan projek-projek yang telah siap dalam pembinaan lebih kurang 395 projek yang telah siap menelan belanja lebih kurang, hampir RM780,000.00 pada tahun yang lepas. Sebab itu saya katakan ia memerlukan perbelanjaan sebenarnya yang asasnya, dan projek Kerajaan Negeri di bawah JKR Selangor projek yang masih dalam pembinaan adalah 40 buah projek yang menelan belanja lebih kurang RM645 juta dan yang telah siap 128 projek yang mana menelan belanja RM199,000,000.00. Tadi, minta maaf, pembinaan adalah RM645,000,000.00 yang siap RM195,000,000.00, 128 projek. Jadi saya kira projek yang dijalankan sebenarnya banyak dan sudah tentulah yang dijalankan ini mengikut *priority-priority*nya dan Insya-Allah saya kira apa yang dibangkitkan oleh Paya Jaras kita akan melihat, cuma saya kira tidak begitu besarlah permasalahan kalau kita nak lihat mungkin antara Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri dan saya kira projek-projek yang dilakukan oleh JKR sudah tentulah mengikut profesional tersendiri.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Seri Serdang ingin bertanyakan kepada EXCO bahawa Jalan Persiaran.

**TUAN SPEAKER:** Muka surat mana satu Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Muka surat 179, JKR Petaling.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Sering berlaku, boleh dikatakan setiap minggu kemalangan di Persiaran Kota Perdana. Bila ditanya kepada PBT ini di bawah JKR. Bila ditanya kepada JKR, ini di bawah PBT. Minta pihak EXCO perelaskan. Persiaran Kota Perdana di bawah DUN Seri Serdang.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Seri Serdang. Saya kira saya akan dapatkan maklumat ini daripada JKR berkaitan siapa yang sepatutnya bertanggungjawab ke atas jalan itu. Walaupun begitu saya kira kita juga perlu mengemaskinikan jalan-jalan yang ada di Negeri Selangor ini, mana di bawah Kerajaan Persekutuan, mana bawah Kerajaan Negeri atau di bawah Majlis dan sebagainya yang kadang-kadang kita ada keraguan atau ada kekeliruan yang berlaku, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, Jadual B12 iaitu wang sejumlah RM112,320,063.00 untuk kepala B12. Jabatan Kerja Raya menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B13, Jabatan Pengairan dan Saliran. RM74,965,956.00.

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Dewan yang budiman. Saya nak berbahas bagi peringkat Jawatankuasa bagi muka surat 203, butiran 55000, perkara 10000 Emolumen yang membabitkan perbelanjaan sekitar RM10,894,000.00 lebih. Tuan Pengerusi, Jabatan Pengairan dan Saliran merupakan sebuah Jabatan yang amat penting bagi memastikan program pembangunan dalam Negeri Selangor dapat berjalan lancar dan memastikan kejadian-kejadian seperti banjir dan limpahan air keluar kawasan dan menghalang proses pembangunan dan menarik pelabur. Namun begitu, saya melihat perbelanjaan yang telah digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk membelanjakan dengan jumlah yang sangat tinggi ini kadang-kadang tidak menampakkan kualiti dari segi perkhidmatan yang ditunjukkan oleh sesetengah Jabatan khususnya oleh pegawai JPS dan sesetengah pegawai-pegawai mereka. Ini terbukti dalam mesyuarat kita sebelum ini ataupun pertemuan yang dianjurkan oleh kita mendapati dari segi *budget performance* ataupun prestasi bajet, JPS tidak menggunakan belanja mereka sepenuhnya dan sering kali membangkitkan alasan-alasan tertentu tetapi masalah banjir sebagaimana yang berlaku di banyak kawasan termasuk di kawasan Batu Caves berlaku. Bagi pihak di Gombak pula, secara spesifik saya boleh kemukakan bahawa kegagalan pihak Jabatan tersebut untuk menghantar pegawai-pegawai mereka khususnya dalam mesyuarat-mesyuarat yang penting di antara mesyuarat yang perlu saya rasa untuk dihadiri oleh semua penjawat-penjawat utama di peringkat daerah ialah Jawatankuasa Tindakan Daerah. Namun begitu, hasil dapatan hadir kehadiran pegawai-pegawai ini daripada maklum balas saya sendiri yang

hadir dan juga daripada Ahli-ahli Dewan Negeri yang lain yang hadir dan juga kadang-kadang pegawai-pegawai yang hadir mereka sering kali menghantar pegawai-pegawai yang gagal untuk memberikan jawapan dan tidak mempunyai kapasiti yang secukupnya untuk memberikan keputusan bagi setiap keputusan-keputusan yang dibuat dan ia terbukti bila saya melihat daripada apa yang terhasil daripada laporan belanjawan ini walaupun kita tak nak masuk dalam bab pembangunan, tetapi saya tak nak sentuh isu pembangunan tapi bila kita lihat dalam Vot P, ataupun Pembangunan ada beberapa kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir. Misalkan kawasan sekitar Selayang yang juga terkena dengan sahabat saya di Taman Templer, baru-baru ini dalam sekitar bulan September, kita ada satu masalah banjir yang sangat besar di kawasan tersebut dan punca masalah itu kita dah berulang kali diberikan taklimat oleh mereka. Puncanya ialah kerana sub laluan air di bawah Jalan Kuching yang melintasi Bandar raya Kuala Lumpur dan ia kesan dari kawasan Kuala Lumpur. Namun begitu saya dapat taklimat baru-baru ini dikatakan mereka telah siapkan kertas sekitar RM5,000,000.00 kepada Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan jajaran daripada Sungai Udang sampailah ke jalan di bawah Jalan Kuching tersebut. Tapi daripada belanjawan yang ada tak termasuk, saya tak pasti sama ada surat ataupun kertas kerja itu dah dihantar ataupun pihak Negeri belum lagi memproses ya. Jadi saya nak minta penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri berkenaan dengan kertas itu. Ini saya rasa ada melibatkan bagaimana hubungan pegawai dan sebagainya yang mungkin boleh membantu kita menyelesaikan isu banjir. Saya rasa isu ini saya dah bangkitkan banyak kali. Laluan air yang melintasi Sungai Udang perlu melintasi kawasan di KL, tapi disebabkan sekatan di kawasan tersebut disebabkan banyak *utilities* dengan izin ataupun laluan-laluan kabel optik seperti MAXIS dan lain-lainnya menyebabkan laluan air menjadi sempit walaupun kosnya adalah kos Kuala Lumpur yang banjir adalah kawasan Batu Caves. Jadi dengan lebih belanjawan yang ada pada Kerajaan Negeri saya rasa tak apalah bagilah RM5,000,000.00 dekat Kuala Lumpur kita *claim* kemudian lepas kita dapat Putrajaya untuk kita selesaikan masalah ini Yang Berhormat pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sijangkang.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Batu Caves. Saya kira isu banjir ini adalah satu isu yang memang selalu diperkatakan di negeri Selangor ini yang kalau kita lihat bukan saja di Batu Caves, malah banyak tempat lagi yang terlibat dengan banjir yang juga kita sedia maklum ada peruntukan-peruntukan yang tidak dapat digunakan. Saya tidak menafikan ada perkara-perkara yang sudah dikenal pasti untuk diselesaikan. Tetapi ini masih lagi di dalam proses penyelesaian dan sebagainya kerana isu banjir ini sebenarnya (untuk jangka pendeknya) mungkin beberapa aktiviti-aktiviti yang mudah dapat dijalankan. Tetapi untuk jangka masa panjang sudah tentulah memerlukan kajian-kajian secara menyeluruh dalam penyelesaian berkaitan dengan isu banjir ini.

Saya tak nafikan juga di Jabatan Pengaliran dan Saliran ini sebenarnya kita mempunyai kekangan daripada jumlah perjawatan yang ada. Di setiap daerah, hatta di JPS negeri pun sifatnya begitu. Sebagai contoh kalau di Jabatan Pengaliran Saliran di peringkat



negeri, kita tidak mempunyai pegawai EQS yang tetap. Terpaksa melantik pegawai secara kontrak kerana sifatnya dalam membuatkan BQ dan sebagainya yang diamalkan menggunakan pegawai daripada JKR untuk membuatkan BQ ini.

Dan kalau kita melihat secara pembangunannya di negeri Selangor pada hari ini, saya kira duit (seperti mana yang dikatakan oleh Dato' Menteri Besar), kita tidak ada masalah dalam kewangan. Cuma dari segi pelaksanaan dengan jumlah pembangunan yang begitu rancak dengan permasalahan juga begitu banyak terutama berkaitan dengan banjir. Saya kira sudah tiba masanya untuk kita fikirkan bagaimana penambahan-penambahan kakitangan ini yang perlu kita lihat semula dan perjawatan-perjawatan yang kita boleh kemukakan kepada kerajaan persekutuan supaya dapat meluluskan beberapa perjawatan-perjawatan yang penting di dalam kita menguruskan masalah di negeri Selangor ini. Hatta, tidak dinafikan pelantikan secara kontrak untuk melantik pegawai-pegawai yang tertentu untuk menyelesaikan permasalahan kita yang banyak terutamanya dalam penyediaan kertas-kertas cadangan di dalam penyelesaian isu-isu yang disebutkan oleh Batu Caves tadi.

Dan saya kira, saya mengambil catatan untuk kawasan Batu Caves yang memang antara tempat yang juga kerap berlaku banjir yang saya kira ini juga perlu diberi perhatian secara khusus dan saya akan lihat apa berlaku kepada kertas cadangan di dalam masalah penyelesaian banjir di Batu Caves yang Batu Caves sebutkan tadi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Puan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 204, 505000 – 11000 (gaji dan upah). Saya lihat masalah banjir ini ialah berkaitan dengan masalah perancangan. JPS adalah antara jabatan yang dikehendaki untuk meluluskan sebelum sesuatu perancangan itu dilaksanakan. Apa yang saya lihatkan ialah kita luluskan pembangunan di hulu tanpa terlebih dahulu kita betulkan aliran air di sebelah hilir mengakibatkan aliran yang kecil itu dilalui oleh pembangunan yang pesat. Saya ambil dua contoh. Taman Berkeley adalah taman lama yang mana aliran air *culvert* yang melalui bawah *highway* itu adalah hanya sesuai untuk ketika itu.

**TUAN SPEAKER:** Y.B. Kota Anggerik, kaitannya dengan gaji dan upahan?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** *Efficiency.*

**TUAN SPEAKER:** *Efficiency.* Terus kepada *point.*

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Kecekapan. Bila mana jabatan ini perlu ada kecekapan yang sebelum meluluskan sesuatu pembangunan itu, dia ada apa ini maknanya kena *firm* dari segi pembangunan. Tidak akan meluluskan pembangunan di hulu sebelum dibetulkan dahulu di sebelah hilir. Dan JPS kena *firm* kali ini sebab masalah banjir ini bukan hanya di satu-satu kawasan, tetapi ia meluas kerana perancangan yang tidak begitu teliti. Berkeley tadi hanya contoh sahaja sebab

kawasan yang *culvert* lalu di bawah *highway* itu kecil dan Bandar Klang (BBK) itu dimajukan.

Keduanya contoh saya ialah kawasan Bukit Raja. Di mana kawasan estet itu dia *raise up the water level* (dengan izin). Maka, air dilepaskan dan perancangan ini mestilah jelas supaya tidak membenarkan air dilepaskan ke kawasan sebelah dan *retention pond* mestilah dibina di dalam kawasan pembangunan. Minta perhatian EXCO.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Kota Anggerik. Saya kira kita mengambil maklum tentang perkara itu. Dan saya kira di antara penyelesaian, kalau saya nak sentuh pasal pembangunan sudah tentulah kawasan tebatan Sungai Rasah (antara perkara jalan penyelesaian). Pun begitu, saya tak menafikan bahawa kita perlu bertindak dengan lebih baik daripada segi pengurusan atau *efficiency* di pihak jabatan sendiri supaya akhirnya permasalahan-permasalahan yang berlaku ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Saya ingin mengambil perhatian berkenaan dengan JPS Daerah Petaling.

**TUAN SPEAKER:** Muka surat? Yang Berhormat?

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** 211. Berkenaan dengan

**TUAN SPEAKER:** Y.B. Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** 211 adalah pembangunan. Sekarang kita masuk perbincangan bekalan. Ini B.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** 211 - 10020 (program naik taraf sistem saliran).

**TUAN SPEAKER:** Muka surat 211?

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Muka surat 211 adalah untuk pembangunan.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Oh, ok. Belum lagi. Ok.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Pengerusi. Merujuk muka surat 203, kod objek 1000 – emolumen yang melibatkan kerjasama di antara JPS Selangor dan JPS Pusat Malaysia yang merujuk kepada projek *River of Life* dari Empangan Klang Gate hingga ke Kuala Lumpur. Persoalan saya adalah tentang siapakah *owner* (dengan izin) pemilik pada program tersebut? Kerana apabila saya berbincang dengan Pegawai Daerah Gombak, di satu peringkat awal tidak ada pemakluman yang berkaitan dengan pemindahan kawasan setinggian tepi sungai, IKS dan sebagainya. Jawapan telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada saya di atas soalan saya dan saya nak faham siapa *owner* kepada projek tersebut? Kerana seolah-olah beberapa konsultan sudah dipilih untuk mengadakan *social work* tentang pembersihan sungai sampai ke *rivertrail* di Kemensah dan sebagainya. Jadi, dia bukan saja melibatkan Sungai Klang sahaja tetapi sungai-sungai yang ada anak-anak sungai yang masuk ke Sungai Klang. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Hulu Kelang. Untuk projek *River of Life*, pemilik atau *owner* nya adalah kerajaan persekutuan. Walaupun dia melibatkan kawasan-kawasan di kawasan jajaran sungai yang berada di negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan dan butiran 505000 di bawah kod objek 10000 berkaitan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran ini. Saya dapati bahawa walaupun mungkin Jurutera Daerah dan juga pegawai-pegawai teknikal yang ditempatkan di satu-satu kawasan itu mempunyai kemahiran dan kelayakan yang bersesuaian, apa yang kita lihat berlaku juga. Perpindahan pegawai-pegawai dalam tempoh yang agak cepat yang mana ini sedikit sebanyak telah mengakibatkan perancangan yang dilakukan oleh pegawai di sesuatu daerah itu menjadi tergendala ataupun tersangkut. Jadi, saya mohon kepada kerajaan negeri sebelum dibuatkan sebarang perpindahan mungkin kita boleh mempertimbangkan untuk mendapatkan dahulu (sebagai contoh pejabat Jabatan Pengairan dan Daerah Klang umpamanya, kita dapatkan dahulu perancangan yang dilakukan), supaya apa juga yang dikemukakan oleh ataupun yang dicadangkan oleh pejabat-pejabat Jurutera Daerah ini boleh diperincikan supaya bila berlakunya perpindahan pegawai yang terlibat ada usaha-usaha yang berterusan dilakukan. Jadi, disebabkan peningkatan atau pembayaran gaji dilakukan oleh pihak kita, maka perkara ini juga harus diberi perhatian supaya produktiviti itu tidak terganggu. Mohon penjelasan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Sri Muda. Saya kira kita tidak menafikan bahawa kepentingan Ketua Jabatan ataupun Jurutera Daerah yang bertanggungjawab di dalam sesebuah daerah terutamanya di dalam perancangan ataupun projek-projek yang dirancang. Tetapi, saya kira kalau sebenarnya kerja-kerja yang dilakukan ataupun perancangan itu juga dilakukan secara *team work* yang mana pegawai-pegawai yang lain juga mempunyai pengetahuan ataupun tanggungjawab yang sama. Cuma mungkin sedikit sebanyak juga ada faktor-faktor

yang akan menyebabkan kelewatan dan sebagainya dengan sikap-sikap individu itu sendiri. Dan saya kira ini boleh diambil perhatian dan saya akan lihat perkara ini untuk tindakan kerajaan negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B13 iaitu wang sejumlah RM74,965,956 untuk kepala B13 – Jabatan Pengairan dan Saliran menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B14 – Jabatan Agama Islam Selangor RM229,391,956.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Puan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 231, 515000, 11000 – Pendidikan Islam. Saya dapati

**TUAN SPEAKER:** Maaf Y.B. Kota Anggerik. Muka surat?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** 231.

**TUAN SPEAKER:** 231.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** B ya? B?

**TUAN SPEAKER:** Ok.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya lihat jumlah keciciran pelajar di sekolah rendah yang tidak bersekolah agama rakyat agak tinggi dan perancangan pembinaan KAFA atau Sekolah Agama Rakyat ini kena diatur dengan rapi khususnya di kawasan-kawasan permatang padat, kawasan flat dan sebagainya. Oleh kerana tidak ada perancangan rapi, jadi jumlah kelas-kelas untuk kelas KAFA dan kelas sekolah rendah agama ini jadi tidak mencukupi dan jumlah keciciran kian meningkat. Jadi, saya mencadangkan supaya kerajaan negeri memandang serius isu ini. Memang ada cadangan supaya KAFA ini diserahkan kepada rakyat untuk uruskan. Tapi permintaan tinggi untuk dibelah KAFA. Jadi, pendedahan awal untuk ilmu-ilmu Islam ini kena diberi kepada mereka.

Seterusnya, saya merujuk kepada muka surat 223 berkaitan dengan 518000 – pengurusan masjid (dasar baru) iaitu 2800. Perkembangan pesat kesedaran Islam di bandar meningkatkan jumlah jemaah untuk solat Jumaat meningkat begitu tinggi. Di kawasan bandar, masjid-masjid dibina tidak boleh sama dengan masjid-masjid yang dibina di kampung-kampung. Kalau di kampung mungkin muatan 1,500 cukup untuk sebuah masjid. Tetapi di bandar, muatan sekurang-kurangnya 5,000. Di kawasan Shah Alam ini kalau setakat muatan 2,500 untuk masjid-masjid baru ini tidak cukup. Jadi, ramai jemaah bersembahyang di bawah pokok, atas jalan dan sebagainya. Saya

minta supaya JAIS ini untuk masjid-masjid baru di bandar, sekurang-kurangnya muatannya ialah 5,000 orang.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih kepada Kota Anggerik. Tuan Pengerusi, berkaitan tentang keciciran pelajar Sekolah Rendah Agama Rakyat ini, Sekolah Rendah Agama, saya pun tidak dapat menganggap Sekolah Agama Rakyat ini sama ada yang dimaksudkan Sekolah Agama Rakyat atau pun sekolah KAFA tapi apa yang dapat saya jawab ialah saya memaklumi tentang hal yang demikian dan ada setengah-setengah sekolah rendah, sekolah KAFA yang dibina oleh satu jawatankuasa yang tersendiri terutama sekali oleh pihak masjid atau pun pihak surau yang mana biasanya nazir atau pengerusi itu sendiri menjadi pengerusi kepada sekolah KAFA yang tersebut dan memang dari sudut kapasiti untuk menempatkan pelajar masih lagi tidak terlalu padat dan ramai pelajar masih lagi tidak dapat ditempatkan di sekolah-sekolah KAFA ini dan kita dimaklumi permintaan yang tinggi namun ada beberapa sekolah juga yang sebenarnya telah kita bina tetapi pihak pengurusan sekolah rendah atau pun sekolah KAFA ini dia tidak mahu untuk memindahkan pelajarinya ke sekolah baru. Saya dimaklumkan di Taman Medan, difahamkan dia telah membina sekolah yang baru tetapi masalahnya ialah belum lagi dibuat penempatan namun saya masih lagi berbincang dengan pihak pengurusan bagaimana untuk menempatkan pelajar ini ke sekolah agama yang baru dan cuma keadaan fizikal di sekolah itu digambarkan perlu kepada pembaikan lagi. Soal yang kedua ialah soal masjid dan saya sendiri memang telah pergi turun ke beberapa buah masjid bahkan ada masjid yang saya datang lewat, saya terpaksa sembahyang di halaman dan ketika itu hujan turun lebat di masjid Seksyen 19, tidak jauh dari CIAST, itu surau tapi sudah tidak dapat menampung. Sebab itu saya telah minta supaya berkaitan dengan masjid-masjid ini supaya satu perbincangan, satu jawatankuasa dibincangkan khusus bagi melihat keperluan terhadap pembinaan masjid-masjid walaupun kita telah pun menyenaraikan masjid-masjid yang perlu kita bina dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Namun melihat kepada keperluan yang sangat mendesak terutama sekali di kota, di kawasan-kawasan bandar yang jumlah kawasan masjid itu agak kecil, agak terhad dan masalah yang timbul adalah kita memerlukan kawasan yang agak lebih besar. Jadi selain daripada itu kita akan cuba untuk membesarkan masjid yang sedia ada atau pun kita akan memberi kelulusan kepada mana-mana surau yang boleh dijadikan sebagai masjid untuk solat Jumaat maka kita akan mempermudah urusan itu bagi menampung keperluan kekurangan tempat di masjid-masjid ini dan tentang keperluan untuk kita bina masjid dalam ruang yang boleh menempatkan 5,000 masyarakat itu bergantung pada kepadatan penduduk yang satu kajian nanti akan kita buat. Jadi apa pun kita akan melihat bahawa 2.8 juta umat Islam terutama sekali yang telah wajib untuk solat Jumaat dalam lingkungan 1.4 juta tolak kanak-kanak dan tolak orang perempuan lebih kurang kita akan dapat melaksanakan supaya tidak ada seorang pun umat Islam di Selangor ini yang telah wajib untuk menunaikan solat Jumaat, mereka beralasan tidak solat Jumaat kerana tiada tempat lagi di masjid-masjid. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Tuan Pengerusi.

**TUAN Pengerusi:** Sebelum saya panggil Yang Berhormat yang lain, pengurusan masjid adalah di bawah bekalan, boleh dibangkitkan. Pembinaan masjid adalah di bawah pembangunan, tolong bangkitkan dalam usul pembangunan nanti ya. Sri Muda.

**Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Shafiei:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian untuk butiran program 515000...

**TUAN Pengerusi:** Muka surat?

**Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Shafiei:** Muka surat 231, Pendidikan Islam. Di bawah kod objek 11000 gaji dan juga upahan...

**TUAN Pengerusi:** 200....maaf, saya tidak dengar dari sini.

**Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Shafiei:** 231.

**TUAN Pengerusi:** Ok.

**Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Shafiei:** Jadi saya ingin membawakan berkenaan dengan isu gaji dan juga upahan ini dan kita semua sedia maklum bahawa Kerajaan Negeri telah beberapa kali menaikkan gaji dan juga elaun petugas-petugas, guru-guru Kafa tetapi ada juga rungutan yang kita terima daripada kerani-kerani yang bertugas di kawasan sekolah-sekolah Kafa yang terlibat sama ada sekolah Kafa biasa atau pun Sekolah Kafa Integrasi yang mana gaji yang diberikan kepada pembantu-pembantu khususnya kepada kerani-kerani ini amat kecil walaupun ada andaian atau pun sememangnya wujud jarak kerja masa itu yang tidak seperti orang lain. Ia tidak sampai 8 jam tetapi saya fikir oleh sebab Kerajaan Negeri dan juga negeri Selangor, kita mempunyai satu sumber yang agak banyak dan Jabatan Agama Islam juga diperuntukkan satu bajet yang cukup besar, perlu lah dibuat satu kajian teliti supaya petugas-petugas atau pun kerani yang bertugas di sekolah-sekolah ini dipertimbangkan untuk dinaikkan satu bentuk ganjaran yang bersesuaian tidak lagi seperti sekarang ini ada yang RM700 atau pun RM800. Cara untuk menaikkan gaji itu atau pun elaun itu mungkin boleh kita fikirkan. Mungkin dengan memanjangkan masa bertugas mereka atau pun mungkin melalui kaedah-kaedah lain tetapi perkara ini perlu lah diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri kerana mereka juga adalah merupakan kakitangan sokongan yang boleh mempertingkatkan kualiti sesebuah sekolah Kafa khususnya. Jadi mohon penjelasan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi:** Terima kasih kepada Sri Muda. Bagi gaji guru Kafa sendiri, kita masih lagi mengekalkan masih lagi dan telah sampai kepada angka RM1,300. Itu setakat ini dan memang ada dalam tuntutan yang terakhir adalah sampai kita akan naikkan kepada RM1,500 tetapi satu kajian akan kita buat terhadap kenaikan itu namun berbanding dengan negeri lain sebenarnya memang kita mempunyai guru Kafa telah menerima emolument jauh lebih tinggi berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Namun pandangan terhadap cadangan untuk menaikkan elaun kerani ini boleh lah kita bincangkan melalui satu jawatankuasa untuk dinilai semula supaya kerani

juga akan dapat menikmati sedikit namun kita belum setakat ini belum lagi menyediakan apa-apa cadangan untuk itu dan sebarang cadangan boleh dibincangkan.

**TUAN Pengerusi:** Tanjung Sepat.

**Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Hassan:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tanjung Sepat ingin mengambil bahagian, rujuk kepada muka surat 230, butiran 505000, perkara kod 11000 gaji dan upahan. Ingin mengambil perhatian kepada Kerajaan Negeri supaya memikirkan bahawa ketika ini dan akan datang difahamkan bahawa Kerajaan Negeri akan membina bangunan-bangunan sekolah baru. Oleh sebab itu Tanjung Sepat mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memikirkan tentang kakitangan-kakitangan yang berstatus teknikal supaya mereka ini dapat memantau tentang pengurusan pembinaan sekolah-sekolah atau pun masjid-masjid, bangunan-bangunan yang dibina oleh Kerajaan Negeri dan juga dalam aspek penyelenggaraan sekolah-sekolah di bawah JAIS itu sendiri. Ini berkaitan dengan muka surat 231, butiran 515000 dan juga kod objek 28000 dalam aspek penyelenggaraan dan pembaikan kecil di mana kita dapati bangunan-bangunan, sekolah-sekolah Kafa atau SRA itu sendiri yang terletak di bawah JAIS begitu uzur dan kenampakan pintu-pintu sekolah rosak dan juga lantai-lantai retak yang tidak diselenggarakan dan diambil peduli seolah-olah tidak diambil peduli oleh kerajaan. Oleh sebab itu Tanjung Sepat mencadangkan atau pun memohon Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan pegawai teknikal agar dapat memantau aspek-aspek yang berkaitan dengan bangunan. Terima kasih.

**Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi:** Sebahagian mungkin yang ditanya itu berkaitan dengan soal pembangunan terhadap pembinaan sekolah-sekolah yang baru terutama sekali sekolah-sekolah maahad tahfiz dan sebagainya. Memang satu perkara yang menjadi masalah kita bukan sekadar kita membina sekolah dari sudut fizikalnya tidak menjadi perkara yang besar tetapi kita menghadapi masalah perguruan. Bila kita bina sekolah, menghadapi kekurangan guru yang akan mengajar di sekolah tersebut dan berkaitan dengan sekolah-sekolah yang uzur ini pun kita memaklumi sebab itu kita pun telah mengeluarkan sejumlah dana yang agak besar dan tahun ini kita mempertingkatkan sedikit kepada RM1.9 juta ini bagi kita melihat semula terhadap penambahbaikan sekolah-sekolah yang ada ini jadi peringkat pejabat agama daerah boleh memantau dengan kerjasama JKR saya kira untuk melihat beberapa perkara-perkara yang patut diberi keutamaan untuk dibaiki dalam setahun yang akan datang melalui jumlah peruntukan RM1.9 juta yang akan kita turunkan. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Batang Kali.

**Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya merujuk kepada muka surat 235, butiran 54200, kod 27000. Ini lebih kepada pertanyaan mengenai kelengkapan ICT di SRA. ICT bagi kita sekarang ini adalah merupakan satu keperluan lagi dah bukan lagi satu kemudahan terutamanya dalam zaman dunia tanpa batasan ini. Tetapi saya dapati di sekolah-sekolah SRA ini, kemudahan ICT tidak diambil berat. Ini kerana saya baru-baru ini ada dijemput untuk

ke SRA di Jalan Jenjarum, Bukit Sentosa. Mereka mengharapkan satu bentuk keperluan komputer. Dapat satu pun jadi lah kata mereka untuk memberi pendedahan atau pun kemudahan kepada murid-murid seribu lebih orang ini. Kalau satu agak-agaknya cukup tak? Jadi ini perkara-perkara yang dibangkitkan dan juga saya nampak di situ apabila timbul perkara bekalan ICT atau pun komputer ini tiada atau pun tidak mencukupi untuk anak-anak murid di SRA Jenjarum ini timbul satu persoalan sama ada kalau benda ini nak kita bagi, apakah perlu kita juga melihat sama ada keperluan kakitangan itu perlu diambil berat keperluan kakitangan dia. Kedua saya tengok kelengkapannya itu macam mana rupa kelengkapan itu nak kita bagi. Berapa banyak komputer itu kalau ada seribu lebih orang ada pagi petang belajar, agak-agak berapa banyak komputer yang nak diberikan itu? Yang diminta pada saya sepuluh tapi yang mampu saya sebagai wakil rakyat yang berstatus pembangkang ini satu komputer sahaja lah yang mampu saya bagi. Ketiga yang saya tengok ialah bentuk latihan. Jangan kita anggap apabila SRA ini ia lebih kepada pendidikan agama, ia ini tidak perlu kompetitif atau pun bersaing dengan sekolah-sekolah yang berbentuk biasa ini. Jadi saya mohon kepada EXCO yang berurusan dengan perkara-perkara ini mengambil berat sama supaya anak-anak di SRA ini juga mendapat pendedahan komputer yang setanding dengan sekolah-sekolah biasa yang ada di sekeliling mereka. Terima kasih, Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih kepada Batang Kali. Berkaitan dengan permohonan terhadap bekalan komputer bagi sekolah ini saya fikir bukanlah satu perkara yang sukar. Apa yang perlu ialah membuat permohonan terutama sekali yang paling dekat ialah melalui ADUN-ADUN yang pihak kerajaan atau pun melalui penyelaras DUN yang telah kita lantik supaya pihak ADUN atau pun penyelaras dapat memberikan sumbangan komputer kerana ini biasa dilakukan, biasa dibuat oleh ADUN-ADUN yang lain kepada Sekolah-sekolah Rendah Agama ini.

Dan latihan dalam bentuk latihan ini, ini memang kita sendiri telah selama ini ialah walau pun kita memaklumi ada beberapa kekurangan tetapi pihak Jabatan Agama Islam Selangor telah melakukan banyak bentuk latihan-latihan kemahiran bahkan latihan komputer pun kita telah lakukan bukan sekadar melalui beberapa apa ni melalui ILDAS sendiri telah mengambil beberapa pelajar-pelajar yang terpilih untuk latihan komputer yang asas bahkan latihan-latihan amali dalam bentuk pembinaan jati diri juga sentiasa dilakukan di peringkat sekolah ini. Jadi apa pun kita memang pada tahap ini memerlukan kepada penambah baikkan bagi memastikan bahawa pelajar-pelajar kita di Sekolah Rendah Agama ni tidak jauh ke belakang berbanding dengan pelajar-pelajar di sekolah kebangsaan biasa.

**TUAN SPEAKER:** Ada lagi.

**Y.B. MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sikit lagi. Saya lihat jawapan daripada Yang Berhormat EXCO tadi tu, seolah-olah melepaskan tanggung jawab kepada Wakil-wakil Rakyat di sekeliling mereka. Bagi saya kalau di sekolah biasa kita boleh membuat satu kemudahan khusus maknanya lebih fokus. Kalau di sini kita tak fokus kalau macam tu. Kita tak nak seolah-olah melihat anak-anak ni yang bersekolah di



SRA ni mendapat keistimewaan kemudahan macam sekolah biasa. Jadi kita tak boleh membuat perbandingan begitu dan bila kita rujuk kepada permohonan bekalan ini yang dibuat di dalam ini di dalam bajet-bajet ini kalau RM27,000 ni kalau saya ambillah utiliti juga sebagai satu daripada bahan bajet tak kan banyak ini kita nak peruntukan untuk SRA di seluruh negeri Selangor ni. Ini kalau RM10,000.00 untuk 27,000 ni kod 27,000 ni berapa buah komputer boleh kita bagi kepada SRA ni. Satu SRA habis dah. Jadi mesti ada seriuslah. Serius sikit untuk melihat anak-anak bangsa yang beragama Islam ini juga memperoleh kemudahan dan keistimewaan macam sekolah-sekolah lain. Sekolah-sekolah yang selalu dipanggil sekolah-sekolah sekular ni supaya diberi perhatianlah. Saya minta perkembangan ni akan mendapatkan menampakkan satu yang lebih baiklah pada masa-masa akan datang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ada lagi isu yang hendak dibangkitkan. Ok, Yang Berhormat Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih pada Batang Kali dan ialah itu sebenarnya salah satu daripada jalan yang saya yang antara yang biasa kita lakukan untuk memohon komputer kepada sekolah-sekolah ini sebab selain daripada apa yang kita bekalkan daripada peringkat negeri ini bahawa apa yang kita turunkan tadi ialah berdasarkan kepada keperluan yang mendesak kepada sekolah. Jadi memang atas kita tidak mempunyai kemampuan kalau kita nak letakkan satu sekolah kita nak berikan dalam jumlah yang besar tanpa menilai kepada tentang keperluan semasa sekolah-sekolah tersebut. Namun permohonan boleh dibuat kepada Kerajaan Negeri dan kita akan cuba bukan sekadar melalui peruntukan yang sedia ada ini bahkan boleh kita bincangkan melalui beberapa-beberapa cadangan daripada sumber yang lain yang boleh kita fikirkan untuk kita bangunkan. Namun apa yang saya sebut ialah keperluan terhadap satu-satu sekolah itu untuk kita memberikan jumlah komputer yang besar itu, itulah menjadi keutamaan kepada sistem dalam bentuk sekolah rendah Agama yang memang kita sedia maklum bahawa kita pun mengakui masih banyak kekurangan yang perlu kita lakukan penambah baikkan. Jadi kita harap daripada masa ke semasa Kerajaan Negeri akan pertingkatkan untuk latihan dan juga komputeran di sekolah-sekolah ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya mohon pihak kerajaan mengambil perhatian bagi Sekolah-sekolah KAFA yang tidak mempunyai bangunannya sendiri dan terpaksa menyewa

**TUAN SPEAKER:** Muka surat mana satu Yang Berhormat Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya rujuk muka surat 231 Bawah Butiran 515000 Bawah Pendidikan Islam. Seperti mana yang disebut sebentar tadi KAFA yang terpaksa menyewa bangunan didapati pihak pengurusan KAFA tersebut terpaksa menunda pembayaran elaun guru-guru untuk melunaskan pembayaran sewa

bangunan. Jadi apakah tidak disediakan atau pun diperuntukkan sewaan bangunan bagi KAFA yang tidak mempunyai bangunan mereka sendiri.

Yang keduanya bawah butiran 516000 Undang-undang Keluarga. Selangor merupakan sebuah negeri yang tinggi kadar perceraianya. Apakah tindakan atau pun usaha di pihak JAIS sendiri untuk mengkaji dari segi adakah undang-undang keluarga itu memberi halangan atau pun membuatkan kes-kes perceraian ini begitu berleluasa dan juga tindakan terhadap mereka yang telah melepaskan tanggungjawab bagi pasangan yang telah berpisah tersebut, tindakan ke atas mereka yang sepatutnya memberi nafkah kepada keluarga. Adakah pelaksanaan undang-undang tu dapat dilaksanakan.

Yang ketiga, bawah butiran 517000 Bawah Tajuk Dakwah. Kita dapati pada masa kini, terdapat banyak kes-kes kehamilan di kalangan remaja. Apakah usaha dakwah terhadap golongan muda ini dan bagaimanakah pihak JAIS menyelaraskan usaha-usaha pertubuhan-pertubuhan dakwah yang lain dengan usaha di bawah JAIS sendiri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Taman Medan di atas soalan yang dikemukakan. Berkaitan dengan sewaan bangunan ini, sebab sekolah ini dibina biasanya oleh pihak swasta atau pun pihak masjid sendiri atau pun pihak NGO, jadi semua berkaitan dengan pengurusan, dilakukan oleh mereka sendiri termasuklah bayaran kepada sewaan bangunan tersebut. Namun Kerajaan Negeri akan cuba melihat untuk membantu seberapa daya yang boleh namun ada beberapa yang sebagaimana yang saya telah sebut bahawa Kerajaan Negeri telah membina juga Sekolah Rendah Agama ini untuk maksud meringankan atau pun untuk menyelesaikan masalah-masalah ni. Namun ada juga kes-kes berlaku bahawa sebahagian daripada sekolah-sekolah ini dia tidak enggan untuk berpindah ke sekolah yang baru. Dia lebih selesa boleh jadi kerana masalah tempatnya yang agak hampir dengan rumah, sekolah dan sebagainya. Itu menjadi salah satu namun kita akan cuba untuk membincangkan dalam hal-hal berkaitan dengan utiliti yang ditanggung oleh pihak sekolah itu sendiri. Untuk cari jalan keluar bagi menyelesaikan masalah.

Kemudian persoalan berkaitan dengan kadar perceraian, memang Selangor kadar perceraian yang kedua tertinggi selepas daripada Wilayah Persekutuan. Ada kes kadang-kadang kerana perkahwinan itu dilakukan di luar daripada Selangor tetapi bercerainya di Selangor. Jadi itu menambah lagi tingginya kadar perceraian. Jadi apa yang kita buat sekarang ini ialah antaranya kita telah bersetuju untuk memperbaiki modul. Memang dulu apabila Kerajaan Negeri Selangor buat Kursus Pengendalian Persediaan Perkahwinan kepada bakal-bakal pengantin ini, maka bila kita buat agak panjang masanya untuk kemantapan ilmu kepada mereka, maka pihak pengantin yang nak berkahwin yang nak bernikah ini dia rasa terlalu panjang maka dia mengambil jalan mudah dia pergi ke Wilayah daftar di Wilayah kerana Wilayah tak perlu kursus panjang-panjang. Jadi ini pun jadi salah satu sebab. Jadi apa pun kita akan satunya ialah masalah perceraian ini biasa dari sudut agamanya kita melihat antaranya ialah kerana kelonggaran hubungan mereka dengan, dengan, dengan, dengan Allah dan juga waktu yang sama tidak memahami terhadap tanggungjawab mereka dalam rumah tangga

sebab itu hal-hal ini akan diberi penekanan terutama sekali melalui Jabatan Agama Islam bahawa penekanan terhadap amali solat akan kita lihat dalam konteks sebab apa yang kita perhatikan sekarang ni sudah tak ada lagi atau pun terlalu ringkas sangat untuk kita melihat sebab perkara solat ini menjadi satu faktor yang besar bagi melihat salah satu daripada pengukuhan dalam sistem keluarga Islam itu sendiri. Maka sebab itu, itu salah satu yang cuba kita lihat dan macam mana pun kita akan lihat lagi apa-apa perkara-perkara yang perlu kita penambahbaikan terhadap modul yang akan kita laksanakan untuk tempoh yang ke hadapan ini supaya pihak apa ni suami isteri ini dapat mengikuti modul yang telah kita sediakan dan waktu yang sama sistem khidmat nasihat ini perlu kita perkemaskan lagi supaya dapat dimanfaatkan oleh suami isteri yang sudah hampir boleh jadi mengalami masalah perceraian supaya jalan keluar supaya mereka tidak bercerai.

Kemudian dari segi kehamilan ni dan memang kita Pejabat Agama Islam sentiasa sekarang ni melalui dakwah kita sentiasa untuk apa ni untuk memantau dan untuk melihat dan melaksanakan program yang dapat kita laksanakan supaya kita dapat mengurangkan paling tidak selain daripada penekanan terhadap kuliah-kuliah di surau, masjid dan sebagainya. Waktu yang sama kita laksanakan sekarang ni bukan sekadar kita minta belia untuk datang ke masjid bahkan program masjid pula kita bawa keluar kepada belia. Sebab itu kita sudah mula untuk buat forum, forum di kilang-kilang di industri-industri kita sudah laksanakan bahkan kita sudah buat program forum di Uptown umpamanya. Kita sudah mula laksanakan. Program di masjid kita sudah bawa keluar bahkan kita ada gerakan juga untuk amal makruf nahi mungkar dan juga program-program yang bersifat kemudaan supaya kita dapat menarik belia-belia, remaja-remaja ini untuk pertama ialah penghayatan dari sudut ilmu itu sendiri. Sebab kita tahu bahawa masalah kehamilan ini adalah kerana pengaruh daripada amalan hidup yang bebas dan terkeluar daripada lingkungan kawalan ibu bapa itu sendiri. Maka dia ada kaitan dengan soal pengukuhan dalam sistem kekeluargaan itu sendiri. Maka banyak program yang kita laksanakan bagi memastikan membantu untuk mengurangkan, meminimakan masalah-masalah kehamilan yang berlaku dalam masyarakat Islam melalui Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAFIEI BIN NGAH:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya nak merujuk kepada Pendidikan Islam muka surat 231. Pendidikan Islam ni tidak boleh lari daripada tulisan jawi. Saya mohon penjelasan pihak Kerajaan Negeri tentang apakah program untuk pengukuhan Tulisan Jawi di kalangan Umat Islam kerana bila Umat Islam itu mahir dengan jawi, dia mahir baca Quran. Dia mahir baca Quran, dia faham Quran, dia faham Islam. Bila dia faham Islam, dia tak undi UMNO dalam Barisan Nasional. Ketawa...

Yang kedua, mengenai undang-undang keluarga, 232 kita dimaklumkan oleh EXCO tadi mengenai kadar pertumbuhan perceraian yang tinggi di Selangor. Ada beberapa perkara yang dapat dikesan tentang masalah-masalah perceraian ini yang pertama

mengenai bantuan sokongan bagi mereka yang ada masalah rumah tangga. Sama ada dari sudut kaunseling atau pun penyediaan peguam-peguam membantu mereka dan saya mendapati ada peguam-peguam syarie yang berada di Jabatan Agama yang membantu mereka ini dalam kes-kes mahkamah tetapi bilangan peguam-peguam ini sangat sedikit dan ini menyukarkan peguam-peguam ini untuk membantu ramai pelanggan-pelanggan anak negeri Selangor yang memerlukan khidmat mereka. Apakah program yang dirancang oleh Bahagian Undang-undang Keluarga ini untuk menambah peguam syarie di jabatan berkenaan?. Dan pada tajuk yang sama juga mengenai bertambahnya ibu-ibu berdikari yang diceraikan oleh suami-suami mereka. Tidak adakah hasrat di negeri Selangor ini untuk membuat satu program insentif kepada mana-mana lelaki yang berkeupayaan untuk mengahwini ibu-ibu tunggal yang beranak satu atau dua ke atas. Terutama EXCO-EXCO kita yang akan naik elau nantilah. Ketawa.... Saya akan *follow* kemudian.

Kemudian saya nak beralih kepada muka surat 234 iaitu Pendakwaan. Ada dua perkara di sini, yang pertama mengenai Keselamatan dan Saraan Takaful kepada Pendakwa. Kita dikejutkan dengan pembunuhan Ahmad Rafli di Pahang baru-baru ini dan apakah kita tidak bersedia untuk menambah apa-apa kawalan atau pun takaful kepada pihak pendakwa ini yang sudah semestinya diancam dalam perkara yang sama di negeri Selangor ini. Yang kedua mengenai pendakwaan juga adalah berkaitan dengan *Nahi Munkar* yang memberikan kad-kad kuasa kepada nazir-nazir masjid yang jumlahnya sangat sedikit, dihadkan kepada pegawai yang khusus dan kebanyakannya mereka umur yang sudah menghampiri 60 tahun. Jadi kekuatan mereka untuk turun padang terutama pada tengah-tengah malam menangkap mereka yang melakukan jenayah sangat sukar. Walaupun mereka ini lebih baik keadaan dia, dari sudut penjagaan hawa nafsunya mungkin tapi kekuatan nak turun padang itu kurang sedikit. Apakah tiada hasrat untuk menambah satu masjid itu lima kad atau sekurang-kurangnya tiga kad kepada pegawai-pegawai untuk menjaga kawalan *Nahi Munkar* di kawasan mereka. Akhir sekali mengenai ILDAS. Satu institusi yang melatih petugas-petugas dakwah yang saya nak maksudkan ialah memperbanyakkan guru Takmir. Kalau sekiranya kita menyedari bahawa *Tasawur Islam* itu masih tidak mendalam di kalangan masyarakat sampai ke akar umbi. Saya mencadangkan supaya bilangan guru Takmir diperbanyakkan dan kalau boleh mereka diambil daripada lepasan-lepasan universiti yang ramai hari ini dan kalau boleh juga elau-elau yang munasabah untuk mereka melakukan kerja sampai ke ceruk kampung. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Pertama sekali Tuan Pengerusi, berkaitan dengan tulisan jawi untuk menyemarakkan lagi dan kita melalui tenaga manusia yang paling bawah di kalangan anak-anak kita yang belajar di Jabatan Agama Islam Selangor memang kita tidak sangsikan bahawa mereka akan berkeupayaan untuk membaca dan menulis dalam tulisan jawi kerana itu menjadi satu *bench mark* kita untuk menilai tentang keberkesanan sistem dalam pendidikan melalui Jabatan Agama Islam Selangor itu sendiri. Adapun di kalangan masyarakat kita yang memang apabila dihapuskan tulisan jawi masa zaman Khir Johari itu memang ada kesan besar terhadap masyarakat kita yang dewasa ini ada yang tidak mengenal tulisan ada yang tidak boleh membawa tulisan jawi. Sebab itu melalui Jabatan Agama Islam, kita juga cuba untuk

melalui pendidikan jawi ini kita serah kepada guru-guru yang apa ini guru-guru Takmir terutama sekali dan juga guru-guru di peringkat yang mengajar rakyat ini supaya salah satunya melihat sekiranya keperluannya ialah kelemahannya dalam tulisan jawi maka boleh lah diajar tulisan jawi. Tetapi untuk makluman untuk mengajar tulisan jawi adalah antara subjek yang paling tidak digemari oleh golongan orang-orang dewasa.

Kedua soal rumah tangga sebagaimana yang telah disebutkan tadi, saya kira saya telah pun menyebut tentang jawapan saya yang awal tadi bahawa memang kadar penceraihan yang kedua tertinggi ini akan menjadi satu peluang untuk Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor untuk memperbaiki modul-modul kita dan juga untuk kita menyemarakkan lagi majlis ilmu dan juga memastikan sebab sebahagian saya sebut bahawa masalah keciciran, kelemahan, keretakan rumah tangga ini ialah kerana kejahilan, kerana tiada tanggungjawab memahami asas kekukuhan rumah tangga itu ialah berasas kepada kefahaman ilmu dan juga hubungan langsung dengan pencipta sendiri.

Ketiga, berkait dengan insentif untuk yang berkeupayaan untuk mengahwini ibu-ibu tunggal yang anak seorang ke, dua orang ke, ini saya fikir kalau kita laksanakan mungkin akan ramai berkumpul di Pejabat Menteri Besar tapi sebenarnya soal poligami ini bukanlah soal peraturan tetapi adalah pengecualian dalam agam. Pengecualian maknanya ialah memang pengecualian sebab bagi saya keizinan agama hanya menyebut membenarkan untuk berpoligami diizinkan berkahwin tetapi dalam konteks agama sebenarnya tiada satu ukuran bahawa orang yang berkahwin dua itu lebih baik daripada seorang atau seorang itu lebih baik daripada dua. Lanya merupakan satu tanggungjawab yang dapat dipikul. Jadi sebab itu pengecualian tetapi walau bagaimanapun pengecualian ini biarlah diukur bermula daripada diri sendiri. Kalau merasakan bahawa diri itu mampu dan juga berdasarkan kepada undang-undang yang sedia ada, tahap kemampuan itu setara mana dan tahap kekuatan fizikal itu mampu dan tahap kewangan juga mampu maka saya fikir kita tidak perlu jadikan ia satu peraturan tetapi terserah lah kepada EXCO masing-masing nak laksanakan. Berani buat, berani lah tanggung.

**TUAN Pengerusi:** Batu Tiga nak beri penjelasan.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Jadi yang keempat.....

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya nak bagi sedikit, Tuan Pengerusi. Membantu sedikit fasal tentang insentif ibu berdikari ini atau pun ibu tunggal. Memanglah tidak dinafikan ibu tunggal kat Selangor ini ramai tapi kalau kita buat insentif, saya takut nanti tidak lama lagi yang masalahnya berebut-rebut insentif nak berkahwin, lepas itu cerai kali kedua pula. Jadi saya rasa itu sebenarnya tidak menyelesaikan masalah sebenar tentang isu ibu tunggal itu sebab itu saya menyokong kepada EXCO Sabak yang menyatakan bahawa ianya perlu fikir sendiri bahawa kesedaran untuk berkahwin ini sebenarnya atas dasar keadilan yang perlu ditegakkan dan kalau pun nak kahwin, jangan pilih anak satu atau dua, kahwin pada anak yang lebih tiga atau empat. Itu lebih bagus. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Baik, terima kasih sebagai jawapan tambahan daripada Batu Tiga sebentar tadi dan saya pun ya lah bab ini sebenarnya perlu kita lihat dari sudut masalah dalam masyarakat sebab memang kita juga memahami tentang masalah ibu tunggal ini yang kadang-kadang sebahagiannya mereka perlu tempat pergantungan tetapi macam mana pun kena ada usaha-usaha yang akan dilakukan selain daripada Jabatan Agama Islam Selangor juga kebajikan wanita akan cuba menangani masalah ini.

Seterusnya adalah soal Pegawai Penguat kuasa yang mengaitkan penguat kuasa yang ditembak di Pahang baru-baru ini. Kita memahami bahawa masalah akidah hari ini telah masuk kepada masalah mengancam keselamatan negara. Sebab itu perkemasan dari sudut pemantauan kepada ajaran-ajaran sesat ini adalah merupakan satu perkara yang perlu dipandang serius oleh semua pemimpin, oleh semua orang. Saya tetap mengatakan juga bahawasanya masalah ajaran sesat ini ia berasaskan kepada kejahilan. Maka sebab itu asas pertama yang perlu kita lihat ialah pembinaan ilmu itu satu yang perlu kita laksanakan melalui kerajaan dan melalui agensi dan NGO-NGO. Yang paling penting ialah mengeluarkan masyarakat daripada dunia kejahilan mereka. Sebab yang kedua ialah soal terhadap penekanan akidah ahli *Sunnah Wal Jamaah* sebagaimana yang telah saya sebutkan. Yang ini yang perlu kepada pemantauan semua pihak supaya memperkukuhkan pegangan terhadap akidah ahli *Sunnah Wal Jamaah*. Jadi sebab itu berkaitan dengan pegawai penguat kuasa kita ini yang telah ditembak ini maka jaminan dari sudut takaful itu boleh lah dibuat secara berkelompok melalui unit penguatkuasaan di daerah masing-masing bahkan di negeri boleh lakukan.

Begitu juga tentang *Nahi Munkar, Amar Ma'ruf Nahi Munkar*, pegawai yang telah dipilih melalui beberapa masjid. Sebenarnya kita telah melantik satu masjid tidak kurang daripada empat orang pegawai yang kita berikan tanggungjawab untuk sama-sama tetapi dalam soal *enforcement*, dalam soal gerak kerja yang mereka lakukan, mereka juga perlu bekerjasama dengan pihak polis kerana kad yang kita berikan itu, ia tidak ada kuasa untuk menangkap. Ia hanya boleh buat pemantauan dan semua itu perlu dilaporkan kepada pihak polis, pihak yang berkuasa supaya usaha untuk penangkapan itu boleh dilakukan. Sebab itu kad yang ada itu bukan maknanya membolehkan pegawai itu pergi dan dia tangkap sendiri, tidak boleh melainkan melalui bersama dengan pihak polis sendiri. Dan memperbanyakkan guru Takmir ini, saya sokong lah. Tetapi apa yang perlu ialah guru-guru itu sendiri perlu untuk mohon dan juga untuk yang penting sekali ialah tauliah yang akan kita berikan kepada mereka. Memang keperluan kepada masjid-masjid sekarang ini untuk mengajar di masjid-masjid terlalu kurang apatah lagi apabila masjid yang sudah semakin makmur, keperluan masyarakat terhadap ilmu ini semakin besar maka semakin besarlah, permohonan kepada tenaga guru-guru untuk menjadi guru Takmir di masjid-masjid dan sebagainya. Jadi soal emolumen berkaitan dengan guru Takmir ini memang Kerajaan Negeri menyediakan bayaran yang bersesuaian kepada guru Takmir untuk mereka mengajar di surau-surau dan masjid-masjid. Sekian, terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Jadual B14 iaitu wang sejumlah RM229,391,956 untuk kepala B14-Jabatan Agama Islam Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**TUAN SPEAKER:** Dewan Bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan pukul 7.00 malam. Maka saya tangguhkan Dewan ke hari esok, 26 November 2013, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan jam 7.00 malam )**